


EKONOMI ISLAM

MENURUT

KEHENDAK TUHAN



7 SIRI
MOTIVASI

SIRI MOTIVASI 7

CAHAYA MINDA

EKONOMI ISLAM
menurut
KEHENDAK TUHAN

susunan bersama

Mejar (B) Abu Dzarin Taharem
Ustaz Mohd. Rasidi B. Abdullah

Penerbitan Minda Ikhwan (001283198-V)

Cahaya Minda
Ekonomi Islam Menurut Kehendak Tuhan

susunan bersama
Mejar (B) Abu Dzarin Taharem
Ustaz Mohd. Rasidi B. Abdullah

© **Penerbitan Minda Ikhwan** (001283198-V)

Semua hak cipta artikel dalam buku ini adalah terpelihara. Sebarang bahagian daripada artikel dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada

Penerbitan Minda Ikhwan (001283198-V).

Cetakan pertama: April 2004

Cetakan kedua: Mac 2006

ISBN 983 2492 10 5

Teks diset dalam
Stone Sans 11/14 poin

Terbitan:

Penerbitan Minda Ikhwan (001283198-V)
51-2, Jalan Desa 9/6, Bandar Country Homes,
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.



KANDUNGAN

Pendahuluan	1
Bab 1: Umum	4
– Manusia Perlu Bermasyarakat	4
– Keperluan Manusia	5
– Masyarakat Madani/Hadhari	6
– Asas Kekuatan Masyarakat Islam	8
Bab 2: Apa Itu Ekonomi	15
– Asas Ekonomi	15
– Pengertian Ekonomi	17
– Kegiatan Ekonomi	17
– Faktor-faktor Pengeluaran	19
– Pengurusan Sumber Ekonomi	20
– Institusi Ekonomi	21
– Pengertian Perniagaan	22
Bab 3: Mengapa Kita Perlu Berekonomi	25
– Berekonomi Itu Jihad Fisabilillah	25
– Berekonomi Itu Sebahagian Dari Ibadah	28

Bab 4: Sistem Ekonomi Islam Menurut Kehendak Tuhan	31
– Perbezaan Antara Sistem Ekonomi Islam Menurut Kehendak Tuhan Dan Sistem-sistem Ekonomi Yang Lain	33
– Tujuan Berekonomi Mengikut Kehendak Tuhan	46
– Sifat Dan Hakikat Ekonomi Islam	54
– Miskin Dan Kaya Dalam Ekonomi Islam	56
– Kewajipan Orang Kaya Dalam Islam	59
– Tiga Peringkat Ekonomi Islam	61
– Sajak	64
Bab 5: Ukuran Kejayaan Dalam Berekonomi Menurut Kehendak Tuhan	69
– Kejayaan Pada Pandangan Islam	69
– Sebab-sebab Kejayaan	71
– Siapa Yang Layak Mencetuskan Kejayaan	72
– Sajak	76
Bab 6: Mengapa Umat Islam Gagal Dalam Menegakkan Ekonomi	78
– Kejayaan Mestilah Berasaskan Taqwa	78
– Bagaimana Mengusahakan Taqwa	81
– Menagih Bantuan Tuhan Dalam Berekonomi	82
– Sajak	86
Bab 7: Ke Arah Membina Bangsa Yang Agung	88
– Kekuatan Sesuatu Bangsa	88
– Pendidikan Itu Melalui Ibadah	90
– Kenapa Selama Ini Ibadah Tidak Mendidik Kita	92
– Bagaimana Solat Boleh Membina Kekuatan	94
– Pemangkin Bagi Kekuatan Bangsa	100

Bab 8: Perihal Perniagaan	106
– Falsafah Perniagaan Islam	106
– Untungnya Siapa Yang Berniaga	109
– Sifat-sifat Yang Perlu Ada Pada Seorang Peniaga	117
– Pelanggan Dalam Perniagaan Islam	118
Bab 9: Kewangan Islam	121
– Sumber Kekuatan Bagi Ekonomi Dan Kewangan Negara Islam	122
– Bank Taqwa	125
– Bank Istidraj	126
Penutup	133



PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على الرسول
الكريم. وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم إلى يوم الدين.
أمين.

Seluruh dunia sibuk dengan ekonomi. Ekonomi dianggap sebagai kehidupan. Setiap bangsa dan setiap negara berusaha bersungguh-sungguh untuk menguatkan dan mengukuhkan ekonomi mereka masing-masing.

Bila ekonomi kukuh, negara maju, hidup senang, negara boleh jadi kuat dalam semua bidang termasuk industri, teknologi dan ketenteraan. Negara yang kukuh ekonominya boleh menguasai negara-negara lain. Tidak hairanlah, ekonomi menjadi kegiatan utama dan usaha terpenting bagi semua negara dan bangsa di muka bumi ini.

Umat dan negara umat Islam juga tidak mahu ketinggalan. Mereka juga sibuk menguatkan dan memperkuatkannya ekonomi. Sayangnya, mereka berekonomi sama seperti bangsa dan negara lain yang bukan Islam berekonomi. Ekonomi yang mereka usahakan ialah ekonomi mengikut sistem kapitalis yang dicipta dan dilagang oleh Yahudi dan negara-negara Barat.

Umat dan negara umat Islam sedar dan tahu bahawa ekonomi itu penting dan ia adalah sebahagian dari kehidupan. Mereka juga tahu bahawa Islam menggalakkan ekonomi dan mahukan umat Islam kuat dalam bidang ekonomi. Tetapi apa yang mereka tidak tahu ialah Islam ada cara tersendiri dalam berekonomi yang jauh berbeza dari sistem ekonomi kapitalis. Dalam ekonomi Islam, Tuhan tidak boleh diketepikan.

Natijah dari sistem ekonomi kapitalis sangat buruk dan merosakkan. Ia tidak berakhlik. Ia tidak adil. Ia menekan dan menindas. Ia hanya mementingkan keuntungan material semata-mata. Tidak ada pembelaan dan tidak ada kasih sayang. Dalam sistem ekonomi kapitalis, tidak ada Tuhan. Hukum-hakam Tuhan diketepikan. Usaha dan kegiatan ekonomi itu sendiri terkeluar dari konsep ibadah. Ia sangat rosak dan merosakkan.

Lagi maju manusia dalam berekonomi, lagi rosak kemanusiaan. Hilang perpaduan dan kasih sayang. Tidak wujud keseimbangan dan keadilan dalam masyarakat. Yang kaya bertambah kaya. Yang miskin bertambah miskin. Jenayah berleluasa. Manusia bergaduh dan berperang. Timbul berbagai krisis yang membahayakan kehidupan manusia.

Ada juga pihak dan kelompok tertentu yang sudah mulai membangunkan ekonomi dan kewangan menurut konsep Islam. Namun kebanyakan usaha tersebut hanya menyentuh soal kulit atau luarannya. Atau mereka menekankan perihal syariatnya sahaja tetapi kurang mengambil berat tentang pengisian, hikmah atau aspek rohaniahnya.

Mereka kurang merujuk atau bersandar kepada Tuhan seolah-olah Tuhan tidak ada peranan dalam ekonomi manusia. Mereka beranggapan seolah-olah Tuhan tidak tahu-menahu tentang hal ekonomi manusia. Maka Tuhan berlepas diri dan biarkan sahaja umat Islam dalam berbagai krisis dan masalah hasil dari usaha mereka di bidang ekonomi yang tidak diredhai dan tidak mengikuti kehendak Tuhan. Umat Islam terseksa dan menderita hidup mereka. Mereka menjadi bertambah hina. Mereka ditekan dan ditindas oleh orang-orang dan negara-negara yang bukan Islam.

Yahudi dan Barat sangat mahir dalam ekonomi dan sistem kewangan ala kapitalis. Mereka sudah lama berkecimpung di dalam sistem tersebut. Malahan mereka yang mencipta sistem itu. Mereka mengawal dan menguasai ekonomi dan kewangan ala kapitalis ini. Umat Islam tidak akan berdaya untuk menandingi lebih-lebih lagi untuk mengatasi mereka. Bahkan kalau umat Islam terus-menerus mengamalkan sistem kapitalis, mereka akan sentiasa berada di bawah jajahan dan telunjuk Yahudi dan Barat.

Umat dan negara Islam mesti berekonomi secara Islam menurut kehendak Tuhan yang berasaskan taqwa. Inilah satu-satunya cara yang dikhurasukan oleh Tuhan untuk mengalahkan dan mengatasi ekonomi kaum kafir. Tambahan lagi, Tuhan akan memberkati dan merahmati dan akan memberi pertolongan.

Sistem ekonomi dan kewangan Islam menurut kehendak Tuhan selamat dan menyelamatkan. Ia membawa kasih sayang dan perpaduan. Ia adil dan saksama dan sangat membela dan membantu fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan. Ia membawa kesejahteraan dunia dan Akhirat.



UMUM

MANUSIA PERLU BERMASYARAKAT

Manusia adalah makhluk yang bermasyarakat. Itu adalah sifat yang Tuhan telah tetapkan bagi manusia. Telah menjadi fitrah semulajadi setiap manusia, tidak kira apa kaum dan bangsa, bahawa manusia itu suka dan perlu bergaul, bermasyarakat, bertemu dan berjumpa di antara satu sama lain. Di antara sebabnya banyak yang bersangkut-paut dengan ekonomi dan keperluan hidup seperti berikut:

1. Manusia hendak mendapat keperluan hidup, paling tidak yang asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal, tidak mungkin dapat diusahakan sendirian, kecuali ada bantuan dari orang lain sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung.
2. Manusia tidak boleh lepas daripada menerima berbagai-bagi ujian hidup seperti sakit, miskin, ditimpa bencana alam atau kematian. Oleh yang demikian, untuk mendapat bantuan dan menyelesaikan masalah itu, tidak mungkin boleh dibuat tanpa bantuan orang lain.
3. Fitrah semulajadi manusia ingin membangun dan maju. Maka lahirlah perhubungan antara buruh dengan majikan dan di antara pengusaha dan pengguna.

4. Tabiat semulajadi manusia juga inginkan ilmu dan ke-mahiran. Maka timbulah keperluan mencari guru. Orang-orang yang mempunyai ilmu pula ingin memperpan-jangkan ilmunya. Maka timbulah perlu-memerlukan di antara orang berilmu dan orang-orang yang tidak berilmu.

Jelas dan nyata bahawa manusia itu, di dalam meng-en-dalikan kehidupannya, sangat memerlukan satu sama lain, perlu sandar-menyarad, bertolong bantu dan bekerjasama. Kalau tidak, manusia tidak boleh hidup. Sama ada suka atau tidak, manusia terpaksa hidup begitu. Kalau fitrahnya tidak mendorong, keadaan atau realiti hidup yang sebenar akan me-maksanya bersandar dan perlu-memerlu antara satu sama lain.

Manusia yang suka bermasyarakat, kena bermasyarakat. Manusia yang tidak suka bermasyarakat pun kena juga ber-masyarakat. Tidak ada manusia yang dapat lari dari hakikat ini.

KEPERLUAN MANUSIA

Manusia mempunyai berbagai-bagai keperluan. Manusia tidak mampu memenuhi kesemua kehendak dan keperluannya sendiri. Ada keperluan kita yang dipenuhi oleh orang lain. Ada pula keperluan orang lain yang kita penuhkan.

Keperluan manusia berbagai-bagai. Ada yang bersifat batiniah atau rohaniah dan ada yang bersifat lahiriah. Ke-perluan rohaniah manusia termasuklah beragama, didikan, pimpinan, ibadah, kasih sayang, beriman, hidup ‘bertuhan’ dan sebagainya.

Keperluan lahiriah manusia pula merangkumi segala ke-perluan hidup sama ada yang berbentuk barang-an ataupun khidmat. Ia melibatkan perkara-perkara yang bersifat material. Ini sangat luas skopnya. Di dalam masyarakat, kita cuba penuh-kan keperluan hidup orang lain dan orang lain pula cuba penuhkan keperluan hidup kita. Di atas kegiatan inilah tertegak-nya ekonomi.

Kegiatan ekonomi berlaku di semua peringkat. Di peringkat individu, keluarga, kampung, jemaah atau kumpulan, daerah, negeri, negara dan seterusnya di peringkat antarabangsa. Hanya bentuk, sifat dan besar kecilnya berbeza. Selagi ada manusia, selagi itulah ada keperluan hidup. Selagi ada keperluan hidup, selagi itulah kita boleh dan kita dituntut untuk berekonomi.

Ekonomi adalah nadi kehidupan lahiriah manusia dan sebuah masyarakat. Tanpa ekonomi, kehidupan lahiriah sesuatu masyarakat akan jadi beku dan tidak dinamik. Kehidupan lahiriah manusia akan jadi malap dan statik. Tuntutan lahiriah manusia juga tidak akan dapat disempurnakan. Hidup masyarakat akan jadi pincang kerana manusia itu ada keperluan lahirnya dan ada keperluan batinnya.

Keperluan batiniah atau rohaniah manusia seperti yang disebut di atas tidak boleh dijadikan kegiatan atau sumber ekonomi. Ia adalah tanggungjawab manusia terhadap manusia lain. Manusia tidak boleh menagih untung atau bermiaga di atas keperluan rohaniah manusia lain. Ini terkeluar dari bidang dan skop ekonomi.

Di dalam semua interaksi antara manusia, manusia paling banyak berinteraksi dalam bidang ekonomi. Ini kerana aktiviti ekonomi tidak dapat dipisahkan dari kehidupan. Bahkan ekonomi adalah sebahagian dari kehidupan. Keperluan lahiriah manusia kebanyakannya terdiri dari barang dan khidmat yang terhasil dari kegiatan ekonomi.

MASYARAKAT MADANI/HADHARI

Masyarakat madani atau dinamakan juga masyarakat hadhari adalah idaman semua manusia di dunia. Tetapi tidak semua bangsa mampu atau layak mencapainya. Ia adalah kurniaan Tuhan setelah semua tuntutan Tuhan lahir dan batin disempurnakan.

Masyarakat madani atau hadhari ialah masyarakat Islam yang maju atau bertamadun. Ia maju kerana rohani ahli-ahlinya

dapat dibangunkan dan dimajukan berpaksikan iman atau aqidah. Akalnya dapat dibangunkan dengan bermacam-macam ilmu yang memberi manfaat sama ada ilmu Akhirat maupun ilmu dunia yang bermacam-macam cabangnya. Akal itu pula dipenuhi dengan berbagai-bagai pengalaman.

Jiwanya dibangunkan dengan rasa tauhid dan rasa bertuhan. Dihiasi hatinya dengan sifat ikhlas, kasih sayang, pemurah, berani, sabar, tawakal, lapang dada, bertolak ansur, redha, qanaah, zuhud dan sebagainya.

Nafsunya dapat dibersihkan daripada nafsu amarah (yang sangat mendorong kepada kejahanatan). Dinaikkan kepada peringkat lawamah, seterusnya kepada mulhamah, mutmainnah, radhiah, mardhiah dan kamilah. Paling tidak, nafsunya dapat dibangunkan hingga ke peringkat mulhamah. Peringkat ini sudah sampai ke kawasan selamat. Lebih dari itu merupakan subsidi dari Tuhan.

Kemudian, fizikalnya dapat dibangunkan berpandukan ilmu dan bertunjangkan iman. Segala keperluan hidup di dunia yang bersifat material dapat dibangunkan termasuklah keperluan makan minum yang sebaik mungkin, tempat tinggal, tempat kerja seperti pejabat, industri dan lain-lain yang secanggih mungkin. Dapat dibangunkan prasarana seperti jalan raya yang baik, kenderaan yang canggih dan alat-alat senjata yang canggih untuk mempertahankan agama, bangsa dan tanah air dari serangan musuh.

Dalam sebuah masyarakat yang madani atau hadhari, hidup indah, selesa dan menyenangkan kerana di dalamnya terbina dua tuntutan manusia iaitu tuntutan rohaniah dan tuntutan lahiriah. Di sudut rohaniah berlaku ukhwah dan kasih sayang, timbang rasa, rasa bersama, bekerjasama, bersatu padu, bertolak ansur, maaf bermaafan, doa-mendoakan, bertolong bantu, pemurah, berdisiplin dan bersih daripada dosa dan noda.

Di sudut lahiriahnya pula, di antaranya hidup aman dan makmur, maju, membangun, terdapat kemudahan dalam

serba-serbi termasuk makan minum yang cukup, pakaian serba ada, tempat tinggal yang selesa dan perhubungan yang mudah. Wujud perniagaan dan industri, pertanian dan pendidikan. Semua orang ada kerja, tidak ada yang menganggur dan ahli masyarakat mudah mencari rezeki.

Kebanyakan dari keperluan-keperluan lahiriah ini dicapai dan diperolehi melalui kegiatan ekonomi.

ASAS KEKUATAN MASYARAKAT ISLAM

Sesebuah masyarakat Islam perlu maju dan membangun supaya ia jadi kuat secara lahirnya. Untuk mencapai kekuatan lahir ini bukan mudah. Ia tidak datang menggolek. Ia mesti diusahakan.

Tidak seperti yang difahamkan oleh kebanyakan orang, usaha untuk mendapatkan kekuatan lahir tidak bermula dengan usaha lahir. Kekuatan lahir bermula dan bertitik tolak dari mencapai kekuatan rohani.

Kekuatan umat Islam sama ada di peringkat jemaah, masyarakat atau negara, bukan terletak kepada ramai atau banyak bilangannya, kepada kepandaianya, kepada kemajuannya, kepada kekayaannya dan lain-lain lagi. Ini semua adalah kekuatan-kekuatan tambahan yang tidak ada nilai apa-apa kalau tidak ada kekuatan-kekuatan yang asas.

Malahan tanpa kekuatan-kekuatan yang asas, semua kekuatan tambahan ini bukan sahaja tidak ada apa-apa makna, bahkan ia akan menjadi punca pecah-belah, rebut-merebut, perbalahan, perkelahian dan krisis. Lagi besar dan hebat kekuatan-kekuatan tambahan ini, lagi cepat masyarakat Islam akan runtuh. Ia ibarat membina rumah di atas tanah lumpur. Tidak ada tapak atau *foundation* yang kuat dan kukuh. Lagi besar rumah dibina, lagi cepat dan lagi dalam ia akan tenggelam.

Tanpa kekuatan-kekuatan yang asas, umat Islam akan berpecah-belah seperti firman Allah SWT:

خَيْرٌ لِّهُمْ مَا عَمِلُوا وَقَلُوبُهُمْ سُئِلَتْ

Maksudnya: "Kamu lihat mereka itu bersatu padu, tetapi hati mereka berpecah belah." (Al Hasyr: 14)

Tanpa kekuatan-kekuatan yang asas, umat Islam akan lemah walaupun mereka ramai seperti sebuah Hadis yang bermaksud:

Sabda Rasulullah SAW: "Akan tiba masanya bahawa kamu akan diserbu oleh bangsa-bangsa lain (musuh) sebagaimana orang menghadapi makanan dalam hidangan."

Seorang Sahabat bertanya: "Adakah ketika itu jumlah kami sedikit ya Rasulullah?"

Rasulullah menjawab: "Bahkan jumlah kamu di waktu itu ramai tetapi kamu tak ubah seperti buih di laut."

Tanpa kekuatan-kekuatan yang asas juga, musuh tidak akan takut dan gerun terhadap umat Islam seperti sabda Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis yang bermaksud:

Sabda Rasulullah SAW: "Allah akan mencabut rasa ketakutan dari hati musuh-musuh kamu dan sebaliknya Allah akan masukkan ke dalam hati-hati kamu penyakit 'al wahan'."

Seorang Sahabat bertanya: "Apakah penyakit 'al-wahan' itu ya Rasulullah?"

Rasulullah menjawab: "Iaitu cinta dunia dan takut mati."

Tiga Kekuatan Asas Masyarakat Islam

Kekuatan jemaah, masyarakat atau umat Islam terletak kepada tiga perkara asas yang terpokok iaitu:

1. Iman
2. Ukhwah
3. Kesefahaman dan keselarasan

- **Iman**

Iman yang dimaksudkan di sini ialah iman yang sempurna yang menjurus kepada taqwa. Setidak-tidaknya di tahap iman orang soleh atau iman ‘ayan’ atau iman di hati. Tidak memadai iman yang hanya di akal. Tidak memadai hanya setakat percaya dengan rukun-rukun iman tetapi ia mesti diyakini dan dijadikan pegangan dan aqidah.

Di antara sifat-sifat orang yang mempunyai iman ‘ayan’ ini ialah hatinya sentiasa mengingati Allah, sentiasa memikirkan tentang ciptaan Allah dan sentiasa merasakan bahawa dirinya diawasi oleh Allah. Cetusan dari keadaan hati yang seperti ini, dia akan sentiasa merasa malu dengan Allah, rasa tawakal kepada Allah, rasa sabar terhadap segala ujian dan mehnah dari Allah, rasa bersyukur terhadap segala nikmat Allah, rasa cinta dan takut kepada Allah dan berbagai-bagai lagi sifat mahmudah yang lain.

Dengan iman yang di tahap ini, seseorang itu akan memperolehi kekuatan dan kemerdekaan yang luar biasa yang tidak boleh dikalahkan oleh kuasa apa pun selain Allah. Dia merasa gagah dan kuat dengan Allah. Dia berani berjuang dan berkorban kerana pergantungannya yang total kepada Allah. Dia rasa cukup dengan Allah. Allah itu modal dan asetnya yang paling besar.

Kekuatan seperti ini tidak dapat dibina melalui apa cara sekalipun kecuali dengan menanam iman yang sebenarnya di dalam hati-hati umat Islam. Kalau kekuatan seperti ini dapat dicapai maka sebahagian dari kejayaan sudah diperolehi.

Usaha dan perjuangan yang dibangunkan oleh umat Islam yang teguh iman mereka seperti ini akan menjadi kuat dan dibantu oleh Tuhan walaupun jumlah mereka sedikit. Sebaliknya, usaha dan perjuangan yang dibangunkan oleh umat Islam yang lemah iman mereka akan turut menjadi lemah dan tidak dibantu Tuhan walaupun jumlah mereka ramai. Lagi ramai, lagi cepat mereka jatuh, gagal dan kecundang kerana terlalu ramai yang membuat masalah dan terlibat dengan dosa dan

noda yang menjadi hijab dari bantuan Tuhan. Firman Allah SWT di dalam Al Quran:

إِنْ يَكُنْ مِّنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مَا نَصَبُّ

Maksudnya: "Jika ada di kalangan kamu 20 orang yang sabar, akan dapat mengalahkan 200 orang musuh." (Al Anfal: 65)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالْمُنْفِعِينَ

Maksudnya: "Allah itu pembela (pembantu) bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah: 19)

● **Ukhwah**

Ukhwah dan kasih sayang sesama umat Islam tidak akan dapat dibina tanpa iman dan taqwa. Kasih sayang adalah buah dari iman. Tidak ada apa-apa erti kalau kita berslogan, berkempen dan mengajak masyarakat supaya berkasih sayang jika iman yang sebenarnya tidak ada di dalam hati. Sampai bila pun masyarakat tidak akan dapat berkasih sayang.

Kasih sayang sesama manusia lebih-lebih lagi sesama umat Islam adalah cetusan dari rasa cinta kepada Tuhan. Tuhan akan campakkan ke dalam hati-hati orang yang mencintai-Nya, rasa perikemanusiaan. Dengan rasa perkemanusiaan inilah manusia akan saling mengasihi di antara satu sama lain.

Allah SWT berfirman:

وَأَعْصِمُوا بَعْثَلَ اللَّهِ جَبَيْعًا وَلَا تَنْقِرُوهُ

Maksudnya: "Berpeganglah kamu pada tali-tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah." (Al Imran: 103)

Tali-tali Allah itu dimaksudkan kepada syariat Allah. Semua umat Islam mesti sama-sama menerima dan mengamalkan syariat Tuhan. Berpegang kepada tali-tali Allah juga bermaksud

sama-sama merasa cinta dan takut kepada Allah. Orang-orang yang sama-sama rasa cinta dan takut pada Allah akan diikat hati-hati mereka oleh Allah dan akan mudah berkasih sayang.

Hasil dari ukhwah dan kasih sayang akan timbul tolong-menolong, bantu-membantu, bela-membela, berlapang dada, bertoleransi, suka memberi maaf, suka meminta maaf, bertimbang rasa dan sebagainya. Akan timbul rasa bersama dan bekerjasama. Ini semua akan mencetuskan perpaduan dan persaudaraan. Umat Islam akan menjadi kuat dan bersatu padu.

● **Kesefahaman dan keselarasan**

Kesefahaman tidak akan timbul tanpa iman dan ukhwah. Iman dan ukhwah boleh menyuburkan kesefahaman. Umat Islam perlu bersatu fahaman dalam segala hal. Bersatu fahaman dalam aqidah. Bersatu fahaman dalam ibadah. Bersatu fahaman dalam akhlak. Bersatu fahaman dalam menetapkan siapa lawan dan siapa kawan. Bersatu fahaman dalam menerima hal-hal ijтиhad dan mazhab dalam masalah-masalah furuk. Bersatu fahaman dalam berjuang dan berkorban dengan minda yang satu dari pemimpin yang satu.

Sekiranya kefahaman tidak sama dan tidak disatukan, maka pegangan akan berbeza. Kepercayaan akan berbeza. Keutamaan akan berbeza. Akhirnya tindak-tanduk juga akan berbeza. Jika kesefahaman tidak wujud di antara pemimpin dan pengikut, maka ketaatan sukar dicapai. Kalaupun nampak macam ada ketaatan, ia hanya ketaatan lahir. Hati tidak bersama. Ketaatan itu tidak total.

Tanpa kesefaman, ukhwah dan perpaduan boleh menjadi rosak. Manusia boleh terpisah ke dalam berbagai kumpulan, puak, parti atau klik mengikut fahaman mereka masing-masing. Rosak ukhwah dan perpaduan maka lemahlah masyarakat Islam.

Tanpa kesefahaman, tidak akan lahir keselarasan, sama ada pada rasa, pemikiran dan tindak-tanduk. Ini boleh menyebabkan umat Islam menjadi kucar-kacir. Dalam bergerak dan

berjuang, ada yang hendak ke hulu, ada yang hendak ke hilir. Ada yang hendak ke darat, ada yang hendak ke baruh. Ada pula yang hendak duduk diam, tidak mahu pergi ke mana-mana. Tenaga umat Islam tidak dapat digemblangkan ke satu arah yang sama untuk kepentingan bersama.

Seperti juga di dalam satu perahu, ada yang hendak berdayung ke hadapan. Ada yang hendak berdayung ke belakang. Ada yang tidak mahu berdayung langsung. Maka perahu akan berpusing-pusing di tempat yang sama. Kalau nasib tidak baik, ia boleh karam dan semua orang di dalamnya akan tenggelam.

Ketiga-tiga kekuatan asas ini tidak timbul dengan sendiri. Ia perlu kepada seorang pemimpin yang membawa minda dan yang mendidik masyarakat Islam ke arah itu. Pemimpin ini pula bukan calang-calang pemimpin. Dia mesti pemimpin yang berilmu, bertaqwah, berwibawa, yang manusia memberi hati padanya dan yang mendapat rahmat dan berkat dari Allah.

Kekuatan Tambahan Yang Utama

Begitulah tiga kekuatan asas bagi umat Islam. Tanpa ketiga-tiga kekuatan asas ini, umat Islam akan menjadi lemah dan tidak bermaya. Dengan adanya ketiga-tiga kekuatan asas ini, barulah kekuatan-kekuatan lahir atau kekuatan-kekuatan tambahan yang lain akan mempunyai makna dan akan membantu menambahkan lagi kekuatan umat Islam. Kalau tidak, semua kekuatan lahir tersebut akan menjadi punca perpecahan dan kelemahan umat Islam.

Di antara kekuatan-kekuatan lahir atau kekuatan tambahan ini ialah tenaga dan jumlah yang ramai, harta kekayaan, wang ringgit, kekuatan ekonomi, ilmu, kepakaran, teknologi, kekayaan hasil bumi, kesuburan tanah dan sebagainya. Di antara kekuatan-kekuatan tambahan ini, ekonomilah yang menjadi kekuatan tambahan yang pertama dan utama.

Namun begitu, kita harus sedar bahawa kekuatan ekonomi

tidak akan dapat dicapai tanpa masyarakat Islam terlebih dahulu mengusahakan tiga kekuatan asas yang disebut sebelum ini. Berjayanya kita dalam usaha menegakkan ekonomi Islam yang kuat dan teguh tertakluk kepada setakat mana berjayanya masyarakat Islam mencapai iman, ukhwah dan kesefahaman dan keselarasan. Kalau ekonomi ditegakkan di dalam masyarakat Islam tanpa iman, ukhwah dan kesefahaman dan keselarasan, ia akan mati sebelum ia tumbuh. Kalaupun ia tumbuh, besar kemungkinan ia tidak merupakan ekonomi Islam seperti yang dikehendaki oleh Tuhan tetapi ekonomi batil yang terhasil dari istidraj dan kemurkaan Tuhan. Tidak ada rahmat dan berkat Tuhan padanya.

Itu sebab, kita lihat di dalam sejarah, Rasulullah SAW mengarahkan Sayidina Abdul Rahman bin Auf menegakkan ekonomi Islam pada era Madinah iaitu ketika masyarakat Islam sudah begitu teguh iman mereka, sudah sangat bertaqwa, berkasih sayang dan bersatu padu hasil didikan Rasulullah SAW selama tiga belas tahun di era Makkah. Mereka berjaya memusnahkan ekonomi orang-orang Yahudi yang telah bertapak selama beratus-ratus tahun di Madinah hingga orang-orang Yahudi terpaksa gulung tikar.



APA ITU EKONOMI

ASAS EKONOMI

Asas ekonomi dalam Islam bukan wang atau duit. Bukan juga aset, bahan mentah atau kekayaan semulajadi. Asas ekonomi dalam Islam adalah tenaga manusia atau 'manpower'. Sebab yang hendak menggerakkan ekonomi itu adalah manusia. Ada negara yang tidak mempunyai bahan mentah atau kekayaan semulajadi tetapi mampu mewujudkan ekonomi yang kukuh hanya dengan tenaga rakyatnya. Malahan bangsa Yahudi yang tidak mempunyai negara pun satu ketika dahulu mampu membina ekonomi mereka dengan menumpang di negeri orang.

Kalau ada tenaga manusia pun, ia ada hubungan pula dengan kepakaran. Kalaupun ramai manusia dalam negara tetapi tidak ada kepakaran, bagaimana emas, bijih, perak, minyak, bahan-bahan galian serta aset yang lain hendak dikeluarkan dan dimanfaatkan dan dijadikan duit. Tidak ada ertiinya juga. Negara akan kaya dengan khazanah tetapi dalam bentuk yang terpendam. Bahan-bahan yang terpendam itu belum jadi aset ekonomi. Ia belum jadi kekayaan.

Kemudian, kalaupun ada tenaga manusia, dan ada pula kepakaran yang boleh mengeluarkan khazanah negara hingga

menjadi hasil yang merupakan kekayaan, ada pula masalah lain iaitu masalah pengagihan (*distribution*). Ada dua sebab mengapa pengagihan boleh menimbulkan masalah:

1. Kerana sistem ekonomi yang kurang baik
2. Sebab manusia itu sendiri.

Sistem ekonomi yang kurang baik ialah sistem yang membantutkan pengagihan dan melonggokkan kekayaan pada golongan atau individu yang tertentu sahaja. Pengagihan kekayaan negara tidak merata. Tidak semua lapisan masyarakat atau rakyat dapat merasa atau terbela. Masih wujud kemiskinan di kalangan rakyat walaupun negara kaya. Dalam masa yang sama, wujud individu yang kaya raya yang kekayaan mereka itu hanya untuk kegunaan mereka sendiri ataupun dibekukan sahaja atas nama mereka.

Sebab yang dicetuskan oleh manusia pula adalah kerana orang yang memiliki kekayaan tidak mampu mengagihkan kekayaan itu secara adil kepada rakyat. Bila sudah kaya, datang perasaan tamak dan pentingkan diri. Hanya menyimpan kekayaan untuk diri sendiri atau diagih-agihkan kepada kronikroni. Ini kerana insaniah mereka rosak dan tidak terbina. Walhal dalam Islam, orang kaya bukan sahaja dituntut mengagihkan kekayaan atas nama wajib seperti zakat, tetapi kalau insaniah mereka terbina dan mereka sangat cinta dan takut kepada Tuhan, mereka menunggu sahaja peluang untuk mengagihkan harta kekayaan mereka atas nama wajib aradhi atau '*wajib yang mendatang*'. Di mana kurang mereka tokok. Di mana ada keperluan fardhu kifayah yang hendak dibangunkan, mereka bantu. Begitu juga kerajaan. Di waktu kerajaan senang, kerajaan bertanggungjawab membantu masyarakat. Bila kerajaan menghadapi kekurangan, orang-orang kayalah yang patut menampung keperluan negara.

Kalau pengagihan kekayaan tidak dibuat dengan betul dan seimbang, sama ada disebabkan oleh kelemahan sistemnya atau kelemahan manusianya, maka yang kaya akan menjadi semakin kaya dan yang miskin semakin miskin. Khazanah atau kekayaan negara hanya akan dibolot oleh beberapa orang yang

tertentu sahaja. Masyarakat dan rakyat akan terbiar. Negara dilihat seperti kaya tetapi hanya kaya pada nama. Disebabkan tidak adanya pengagihan yang baik, maka rakyat tetap dalam kemiskinan.

PENGERTIAN EKONOMI

Ekonomi adalah berkenaan pengeluaran dan pengedaran barang dan khidmat yang diperlukan oleh rakyat dan ahli masyarakat. Setiap ahli masyarakat mempunyai keperluan terhadap barang seperti makanan, pakaian, rumah penginapan, kasut, perabot dan lain-lain. Mereka juga memerlukan khidmat dari tukang gunting rambut, tukang jahit, tukang kasut, tukang buat rumah, doktor, guru dan sebagainya. Ber-ekonomi itu secara langsung atau tidak langsung adalah menyiapkan keperluan dan kepentingan negara dan rakyat terhadap semua perkara yang disebutkan di atas.

Walaupun masyarakat juga memerlukan agama, pimpinan, didikan, kasih sayang, pembelaan dan sebagainya, tetapi ini semua lebih bersifat spiritual. Ekonomi khususnya hanya berkait dengan keperluan barang dan khidmat yang bersifat material sahaja. Ekonomi adalah perkara yang memenuhi keperluan lahiriah manusia.

KEGIATAN EKONOMI

Untuk menghasilkan dan memenuhi keperluan masyarakat terhadap barang dan khidmat ini, ramai manusia dan ahli-ahli masyarakat termasuk juga kerajaan menjalankan berbagai-bagi kegiatan ekonomi. Di antara kegiatan-kegiatan ekonomi tersebut termasuklah:

1. Pengeluaran

Satu dari kegiatan ekonomi ialah pengeluaran. Dengan menggunakan bahan mentah, modal aset dan buruh (faktor-faktor pengeluaran), manusia menghasilkan barang

dan khidmat. Aktiviti pengeluaran termasuklah bertani dan berternak, menangkap ikan, pembuatan barang-barang keperluan, khidmat kedoktoran, sekolah, pengangkutan, tukang jahit, pembinaan dan sebagainya.

2. Penggunaan

Penggunaan ialah apabila ahli masyarakat menggunakan atau memanfaatkan barang atau khidmat yang telah dikeluarkan. Memakan nasi dan lauk-pauk, membeli perkakas dan peralatan rumah, pakaian, menggunakan sistem pengangkutan, membeli atau membina rumah, mendapat rawatan doktor dan sebagainya, adalah penggunaan. Penggunaan adalah satu daripada kegiatan ekonomi. Tanpa penggunaan, pengeluaran akan terjejas. Tanpa pengguna, tidak ada siapa yang akan mengeluarkan barang dan khidmat.

3. Penabungan dan pelaburan

Aktiviti pengeluaran memerlukan kewangan untuk membeli bahan mentah, membayar upah dan gaji, sewa-menyeja, bil letrik, air, bahanapi dan sebagainya. Kewangan boleh diperolehi daripada berbagai sumber sama ada dari sumber sendiri, perkongsian, daripada masyarakat dan lain-lain termasuk dari Bank Taqwa. Konsep Bank Taqwa ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab yang berikut.

Tidak semua orang membelanjakan kesemua wang atau pendapatan mereka. Ada sebahagian wang tersebut disimpan dan ditabungkan. Orang-orang kaya dalam masyarakat ada yang mengkhususkan atau menginfaqkan sebahagian dari kekayaan mereka untuk ditabungkan atau dilabur.

Wang tabungan dan pelaburan ini di antara lain digunakan untuk operasi pengeluaran, pembangunan dan untuk meningkatkan lagi pengeluaran barang dan khidmat. Penabungan dan pelaburan adalah satu dari kegiatan ekonomi yang penting.

4. Perbelanjaan kerajaan

Tidak semua bentuk barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat boleh diadakan oleh pihak individu atau syarikat. Ada barang dan khidmat yang hanya boleh diadakan oleh pihak kerajaan samada kerajaan tempatan, negeri atau pusat. Ini termasuklah khidmat keselamatan dan pertahanan, jalan raya, hospital, khidmat pos, pembekalan air dan letrik, pembuangan sampah, mewujudkan sekolah-sekolah kebangsaan, universiti dan lain-lain lagi.

Kerajaan mengadakan dan menyediakan barang dan khidmat ini dari hasil tabungan wang negara. Sumber hasil wang negara di antara lain ialah dari sumbangan orang-orang kaya dan dari hasil bumi seperti minyak dan galian yang lain dan dari hasil kekayaan alam semula jadi.

Kadang-kadang kerajaan sendiri yang menguruskan barang dan khidmat ini. Kadang-kadang ia diswastakan. Namun kerajaan bertanggungjawab bagi menentukan pengeluaran barang dan khidmat ini dijalankan dan diuruskan dengan baik. Dalam apa keadaan pun, konsep perbelanjaan kerajaan mestilah:

- Belanja ikut mampu
- Berbuatlah (membangunlah) ikut perlu

Ini supaya perbelanjaan kerajaan (perbelanjaan awam) dapat digunakan secara maksimum dan optimum, supaya pembaziran dapat dielakkan dan supaya kerajaan tidak terhutang dengan mana-mana pihak.

FAKTOR-FAKTOR PENGELOUARAN

Untuk menghasilkan barang dan khidmat yang diperlukan oleh masyarakat, ia memerlukan berbagai-bagai perkara. Perkara-perkara ini dinamakan faktor-faktor pengeluaran. Faktor-faktor pengeluaran termasuklah:

1. Bahan mentah

Ini adalah bahan-bahan asli yang terhasil dari ladang-ladang pertanian, hutan balak dan bahan-bahan lain yang berguna dari kekayaan alam semulajadi seperti minyak, galian dan sebagainya.

2. Modal aset

Modal aset adalah seperti kilang, peralatan, mesin-mesin dan sebagainya yang diperlukan untuk memproses bahan-bahan asli hingga menjadi barang atau khidmat yang berguna.

3. Tenaga buruh

Ini adalah pekerja-pekerja yang diambil bekerja oleh majikan sama ada yang mahir, separuh mahir atau buruh kasar untuk menjalankan modal aset dalam mengeluarkan barang dan khidmat yang boleh digunakan bersumbangan bahan-bahan mentah.

PENGURUSAN SUMBER EKONOMI

Faktor-faktor pengeluaran yang disebut di atas seperti bahan mentah, modal aset dan tenaga buruh tidak akan sentiasa mencukupi. Oleh itu tidak semua barang dan khidmat yang diperlukan oleh masyarakat pada satu-satu masa dapat dan boleh dikeluarkan. Justeru, pengeluaran barang dan khidmat perlu dirancang dan keutamaan diberi pada barang dan khidmat yang dianggap penting sahaja.

Pengurusan sumber ekonomi ini dibuat di semua peringkat atau tahap mulai dari peringkat negara, negeri, kampung, kumpulan atau jemaah, keluarga dan seterusnya di peringkat individu.

Kajian ekonomi ialah kajian tentang cara terbaik sesebuah negara dan rakyatnya dapat menggunakan faktor-faktor pengeluaran mereka supaya dapat mengeluarkan barang

dan khidmat yang benar-benar diperlukan, mengikut kuantiti yang diperlukan dan pada masa yang diperlukan.

INSTITUSI EKONOMI

Manusia menjalankan kegiatan ekonomi mereka melalui dan menerusi berbagai-bagai institusi ekonomi seperti berikut:

1. Pasaran

Pasaran ialah di mana barang dan khidmat dijual dan dibeli. Seorang petani menjual hasil tanamannya di pasaran hasil tani. Seorang nelayan menjual hasil tangkapannya di pasar ikan dan sebagainya. Di pasaranlah banyak berlaku urusan perniagaan dan jual beli.

2. Wang

Wang adalah juga satu institusi ekonomi. Wang dan mata wang adalah penting dalam pengurusan ekonomi. Ia memudahkan kita menukar barang dan khidmat. Kalau tidak kerana wang, orang akan menghadapi masalah dalam bermula. Seorang tukang kasut yang hendak rambutnya digunting terpaksa mencari tukang gunting yang mahu membaiaki kasutnya supaya kedua-duanya dapat bertukar-tukar khidmat.

Wang juga adalah ukuran nilai. Sepertimana kita mengukur berat dengan kilogram dan kita mengukur jarak dengan kilometer, kita mengukur nilai sesuatu barang dan khidmat dengan nilai wang. Barang dan khidmat seperti beras, roti, kasut, upah gunting rambut dan sebagainya tidak boleh dicampur kerana ianya berbeza. Tetapi itu semua boleh diukur dengan nilai wang. Wang membolehkan kita bermula dan berekonomi tanpa pertukaran barang atau khidmat (*barter trade*) yang sangat sukar untuk dinilai kerana ianya tidak sama. Wang adalah perantaraan pertukaran yang diterima oleh semua orang.

Wang juga digunakan untuk menyimpan nilai. Dengan

wang, kita boleh menyimpan dengan mudah. Tanpa wang, kita terpaksa menyimpan barang seperti beras, gula, gandum dan sebagainya dalam gudang untuk tujuan sebagai harta simpanan.

3. Institusi kewangan

Kalau wang adalah satu institusi ekonomi, maka institusi kewangan yang mengendalikan pengurusan dan penggunaan wang adalah juga satu institusi ekonomi.

Institusi kewangan boleh memberi khidmat menyimpan dan melabur wang simpanan rakyat. Wang ini boleh dimanfaatkan oleh para pengusaha sama ada di peringkat individu atau syarikat mengikut cara yang sesuai dengan syariat untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Institusi-institusi kewangan ini membantu supaya wang lebihan dan simpanan di kalangan masyarakat sentiasa bergerak dan dimanfaatkan untuk masyarakat dan tidak menjadi beku di tangan-tangan ahli masyarakat yang tidak tahu atau tidak ada cara untuk menggunakan. Institusi kewangan ini termasuklah Bank Taqwa yang akan diterangkan dengan lebih lanjut.

4. Pekerja

Para pekerja adalah juga satu institusi ekonomi. Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah hasil dari kerja mereka. Para pekerja mendapat sumber pendapatan atau gaji melalui pekerjaan mereka. Gaji inilah sumber ekonomi bagi mereka. Gaji inilah kuasa pembelian yang ada pada mereka. Di samping pekerja, mereka juga adalah pengguna.

PENGERTIAN PERNIAGAAN

Kalau ekonomi umumnya melibatkan pengeluaran barang dan khidmat yang diperlukan oleh rakyat dan masyarakat, perniagaan pula lebih tertumpu kepada perdagangan dan jual beli.



Satu dari kegiatan ekonomi ialah pengeluaran. Aktiviti pengeluaran termasuklah mengeluar dan memproses bahan mentah seperti balak dan sebagainya.



Para pekerja adalah juga satu institusi ekonomi. Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah hasil dari kerja mereka. Gaji inilah sumber ekonomi bagi mereka. Di samping pekerja, mereka juga adalah pengguna.

Ruang lingkup perdagangan dan jual beli ini sangat luas. Ia meliputi pengeluaran hasil, pembuatan, pengedaran dan khidmat. Contohnya, pekebun getah mengeluarkan hasil getah mentah. Itulah kerja atau perniagaannya. Getah mentah ini dijual kepada kilang tayar yang menggunakanannya untuk membuat tayar. Ini sudah termasuk dalam bidang pembuatan. Tayar itu pula diedar ke seluruh negara melalui kedai-kedai tayar. Ini ialah perniagaan dalam bentuk pengedaran. Akhirnya, ada pula peniaga yang kerjanya menjual, memasang dan membaiki tayar yang bocor. Ini sudah termasuk pula dalam perniagaan yang berbentuk khidmat.

Kegiatan perniagaan tidak dapat dipisahkan dari ekonomi. Ia penghubung di antara pengusaha atau pengeluar dengan pengguna. Malahan, ekonomi terlaksana menerusi perniagaan, perdagangan dan jual beli.



MENGAPA KITA PERLU BEREKONOMI

BEREKONOMI ITU JIHAD FISABILILLAH

Ada Hadis yang maksudnya:

"Orang yang berekonomi mengikut syariat itu satu jihad seperti berjihad fisabilillah."

Bila dikatakan jihad, ia bukan lagi satu masalah yang kecil. Ia sudah jadi perkara besar dan penting. Kerana di dalam Islam, ada tiga perkara yang terpenting iaitu:

1. Iman
2. Solat atau sembahyang
3. Jihad

Ekonomi dan perniagaan itu dianggap jihad fisabilillah oleh Islam kerana:

1. Berekonomi dan bermula itu bebannya berat.
2. Berekonomi dan bermula memerlukan waktu dan masa yang banyak.

Berekonomi dan bermula itu secara langsung atau tidak langsung adalah menyiapkan keperluan dan kepentingan negara dan rakyat di segi makan minum, pakaian, rumah dan tempat tinggal dan lain-lain lagi. Ini penting.

Yang lebih utama dari itu, syariat Islam dalam bidang ekonomi dan perniagaan sangat luas. Kalau kita memiliki ilmu dalam ekonomi, maka akan banyak hukum-hakam Tuhan yang akan dapat dibangunkan di dalam berekonomi itu. Ertinya sesiapa yang mengusahakan ekonomi dan perniagaan Islam, dia juga melaksanakan sebahagian besar dari syariat Tuhan.

Dengan erti kata yang lain, kalau syariat itu benar-benar dapat ditegakkan dalam ekonomi, ia akan membawa manusia makin takut dengan Tuhan dan makin nampak kebesaran Tuhan. Contohnya, dalam berekonomi ada sabar. Sabar bila orang marah dengan kita. Sabar dalam menekan rasa marah. Sabar itu diperintah oleh syariat. Dalam berekonomi, ada kerjasama dua hala atau ada kerjasama antara peniaga dengan pembeli. Kerjasama itu tuntutan syariat. Bila ada kerjasama, kita disuruh berkasih sayang dan berukhwah. Itu pun tuntutan syariat. Bila banyak berinteraksi dalam berekonomi, kita tidak dapat elak daripada terbuat kesalahan. Kadang-kadang pembeli buat silap. Kadang-kadang peniaga buat silap. Hal ini sangat memerlukan tolak ansur, berlapang dada, bertimbang rasa dan maaf-bermaafan. Itu juga adalah kehendak syariat.

Tambahan lagi dalam berekonomi kita boleh dapat kawan. Kawan dapat memberi syafaat dan membantu kita di Akhirat. Dalam hendak melariskan barang, kita juga akan jadi pandai bercakap dan pandai menyampaikan maklumat. Berekonomi boleh melahirkan orang yang cerdik yang pandai bertindak dan orang yang pandai berfikir dan merancang dalam apa ju keadaan. Kalau ekonomi dijalankan betul-betul mengikut syariat Tuhan, ia boleh melahirkan orang yang berakhhlak tinggi dan berbudi pekerti. Kita boleh dapat berbagai ilmu dalam berekonomi termasuk ilmu barang, kewangan, perakaunan, tempat, budaya dan watak manusia, *general knowledge* dan berbagai-bagai lagi yang semuanya dituntut oleh Islam.

Dalam berekonomi juga kita boleh memenuhi keperluan hidup umat Islam dan menyediakan barang-barang Islam. Dalam berekonomilah kita boleh mempraktikkan sikap dan sifat jujur dan amanah dan menjadi orang yang pemurah

(samahah). Bila kita terlibat dengan ekonomi atau perniagaan, kita berpeluang membayar zakat perniagaan apabila cukup haul dan nisabnya. Dalam berekonomi dan bermula, terjadi juga orang yang berhutang dan yang memberi hutang. Memberi hutang itu pahalanya besar, lebih besar dari bersedekah. Memberi sedekah, Tuhan gandakan ganjarannya 10 kali tetapi memberi hutang ganjarannya 18 kali ganda.

Dalam berekonomi dan bermula kita disuruh dan dituntut menjaga halal dan haram. Itu adalah syariat. Dalam ber-ekonomi dan bermula, kita berusaha menyelamatkan produk hasil keluaran orang lain (orang kampung, petani, nelayan dan sebagainya). Contohnya, para nelayan dan para petani, mereka hanya makan sebahagian dari tangkapan atau hasil tanaman mereka. Yang lebihnya akan terbuang, jadi busuk dan akan dibazirkan. Jadi, ahli perniagaan yang mengumpul hasil ini untuk dijual pada orang lain sebenarnya telah menyelamatkan satu pembaziran yang mungkin berlaku. Ini satu tuntutan syariat yang besar.

Dalam perniagaan dan berjual beli, kita dapat memberi makan kepada orang lain bahan-bahan yang kita tidak habis jual. Itu satu khidmat yang besar terutama kepada fakir miskin setempat. Itu semua adalah kehendak syariat Islam. Jadi orang yang ada cita-cita Islam tidak akan terfikir terlalu jauh seperti memikirkan tentang hukum hudud, daulah dan lain-lain yang bukan mudah untuk dilaksanakan. Sebenarnya tiap-tiap hari kita dapat tegakkan syariat seperti berekonomi dan bermula tetapi kita sia-siakan, kita buat tidak tahu dan kita tidak ambil peduli. Padahal berekonomi, bermula dan berhubung itu adalah tuntutan Islam dan ia termasuk di antara tuntutan Islam yang besar. Tetapi ramai orang Islam menganggap ianya seperti tidak ada. Syariat yang ada pada mereka hanyalah hudud dan daulah.

Memang Tuhan mengutuskan kita ke dunia ini untuk berkhidmat. Khidmat kepada Tuhan dan khidmat kepada manusia. Dengan Tuhan kita berkhidmat melalui ibadah. Dengan manusia, kita berkhidmat sebahagian besarnya melalui ekonomi.

Oleh sebab bermacam-macam syariat dapat ditegakkan dalam berekonomi, maka sudah selayaknya Tuhan katakan bahawa berekonomi itu ialah satu jihad fisabilillah. Tidak perlu ke medan perang. Tidak perlu mati syahid. Selama ini masyarakat hanya mengetahui dan mengaitkan jihad fisabilillah itu dengan perang dan mati syahid. Yang sebenarnya, mati dalam perniagaan juga mati syahid. Pahalanya besar. Di Akhirat pahalanya nombor tiga. Yang pertama adalah iman, yang kedua adalah solat atau sembahyang dan yang ketiga adalah jihad.

BEREKONOMI ITU SEBAHAGIAN DARI IBADAH

Ibadah bukan setakat ibadah khususiah seperti solat, wirid zikir, baca Quran, puasa, bayar zakat, haji dan bukan duduk-duduk di tikar sembahyang. Ada ibadah yang lebih luas dari itu yang berbentuk umumiah iaitu khidmat kepada sesama manusia. Ini termasuklah berekonomi dan berniaga. Ini dapat kita lihat dapat sepotong ayat yang berbunyi:

صَرِّيْتُ عَلَيْهِمْ أَمْلَأَ لَهُمْ أَيْنَ مَا تَفْعَلُوْا إِلَّا حِجَبٌ مِّنَ اللَّهِ
وَحِجَبٌ مِّنَ النَّاسِ ۚ


Maksudnya: "Akan ditimpa kehinaan di mana sahaja kamu berada kecuali kamu tegakkan dua hubungan iaitu hablumminallah (hubungan dengan Allah) dan hablum-minannas (hubungan dengan manusia)." (Al Imran:112)

Kedua-dua bentuk ibadah ini sama ada yang khususiah maupun yang umumiah perlu ditegakkan serentak. Kalau tidak, seluruh umat Islam akan ditimpa kehinaan.

Disebabkan berekonomi itu adalah ibadah, tidak dapat tidak kita perlu berusaha untuk menegakkannya. Kita tidak perlu takut untuk berekonomi atau untuk berniaga kerana kita tidak perlu takut untuk beribadah. Kita tidak perlu takut rugi atau takut tidak dapat untung. Kalau sekiranya kita berekonomi



Ekonomi dan perniagaan itu dianggap jihad fisabilillah oleh Islam kerana berekonomi dan berniaga itu bebannya berat di samping memerlukan waktu dan masa yang banyak.



Dalam berekonomi dan berniaga kita disuruh dan dituntut menjaga halal dan haram. Itu adalah syariat. Dalam berekonomi dan berniaga, kita berusaha menyelamatkan produk hasil keluaran orang lain iaitu seperti orang kampung, petani, nelayan dan sebagainya.

atau bermula sebagai satu ibadah yang kita buat untuk Tuhan, sudah tentu kita tidak akan mementingkan keuntungan. Yang penting Tuhan redha dan terima perniagaan kita itu sebagai satu ibadah. Sudah tentu juga ia tidak akan ada apa-apa kesan sampingan yang merugikan atau kesan yang negatif. Asalkan ada nilai di sisi Tuhan maka itu sudah dianggap cukup dan menguntungkan.

Soal untung atau rugi adalah urusan Tuhan. Perkara tersebut tidak perlu kita persoalkan. Ia bukan urusan kita. Jangan pula kita masuk campur dengan urusan Tuhan. Kita buat sahaja apa yang menjadi urusan kita iaitu kita jalankan ekonomi dan perniagaan mengikut peraturan yang telah Tuhan tetapkan.

Samalah kedudukannya dengan ibadah-ibadah lain seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Kita buat kerana Tuhan. Soal pahala dan fadhilat adalah urusan dan kerja Tuhan. Kalau pahala dan fadhilat adalah ganjaran di Akhirat, duit dan untung pula adalah pahala atau ganjaran di dunia. Kedua-duanya tidak perlu kita persoalkan. Kita serah sahaja perkara itu bulat-bulat kepada Tuhan.

Firman Allah SWT:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَوَابَ الْدُّنْيَا فَعِنْدَ اللَّهِ شَوَابُ الدُّنْيَا^١
وَالْآخِرَةُ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا بَصِيرًا^٢

Maksudnya: "Sesiapa yang mahukan pahala (balasan) dunia sahaja, maka rugilah dia, kerana di sisi Allah disediakan pahala (balasan) dunia dan Akhirat. Dan ingatlah, Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat." (An Nisa': 134)



SISTEM EKONOMI ISLAM MENURUT KEHENDAK TUHAN

Nyata bahawa ekonomi adalah satu keperluan hidup bagi manusia. Justeru itu, ia mesti dikendalikan dengan cara yang patut, adil, saksama, penuh belas ikhsan dan kasih sayang. Sepertimana juga dalam keperluan-keperluan hidup manusia yang lain, Tuhan tidak boleh diketepikan dalam kita ber-ekonomi. Kalau ini berlaku, maka natijah dan hasil dari ekonomi tersebut akan memakan diri manusia itu sendiri. Ia akan rosak dan merosakkan.

Di zaman ini, kegiatan dan interaksi melalui ekonomi telah diselewengkan dan dirosakkan oleh fahaman-fahaman ciptaan akal manusia terutama oleh fahaman komunis dan kapitalis. Ia telah dirosakkan oleh riba, monopoli, oligopoli, kartel, mencari untung yang berlebihan dan menjadikan untung itu matlamat dalam berekonomi. Justeru itu timbul penekanan, penindasan dan ketidakadilan. Lahirlah krisis, perbalahan, kesusahan, kerosakan dan perpecahan.

Dalam Islam, berekonomi dan berniaga bukan semata-mata untuk mencari duit dan untung. Kalau duit dan untunglah matlamatnya pasti akan ada rebutan. Krisis dan pergaduhan pasti tidak dapat dielakkan. Ekonomi dan perniagaan Islam adalah berteraskan kasih sayang.

Seperti juga ibadah-ibadah yang lain, matlamat bereko-

nomi adalah untuk mendapatkan Tuhan dan untuk mendapatkan keredhaan Tuhan, bukan untuk mendapatkan duit dan keuntungan material. Kalau duit dan keuntungan materiallah yang menjadi matlamat dalam berekonomi, maka ia tidak boleh dan tidak layak dikatakan sebagai ibadah. Ia terkeluar dari syarat-syarat dan konsep ibadah. Ia tidak akan sampai kepada Tuhan. Tuhan juga tidak akan menerima usaha ekonomi atau perniagaan kita itu sebagai satu ibadah atau pengabdian diri kepada-Nya. Kerana ibadah itu adalah apa-apa kebaikan yang kita buat dengan diniatkan kerana Allah. Allah adalah matlamat ibadah.

Kalau kita berekonomi dan bermula kerana hendakkan duit dan untung sahaja, maka Tuhan akan berlepas diri daripada usaha kita itu kerana kita berbuat bukan kerana Dia. Apabila Tuhan berlepas diri maka akan timbulah bermacam-macam kerosakan dan kesan sampingan yang buruk dan negatif. Tidak akan wujud kasih sayang. Kalau perniagaan kita untung dan maju, orang akan dengki dan iri hati pada kita. Atau kita akan berebut-rebut keuntungan. Atau kita akan rasa bongkak dan sompong. Kalau kita rugi pula, kita akan bergaduh dan bersenget-senget hati sesama sendiri. Ataupun kita akan kecewa dan berputus asa. Usaha kita itu pula tidak ada apa-apa nilai di Akhirat.

Di samping itu akan timbul tekan-menekan, tindas-menindas, ketidakadilan, monopoli, penipuan, inflasi, menyorok barang dan sebagainya kerana manusia mahu cepat untung dan cepat kaya. Hidup manusia jadi susah dan terhimpit. Inilah akibat berekonomi dan bermula yang dibuat tidak kerana Tuhan.

Sebenarnya, kalau kita berekonomi dan bermula kerana hendak mendapatkan Tuhan, lagi banyak kita bermula, maka akan bertambah lagilah iman dan taqwa kita. Seterusnya lagi bertambahlah ukhwah dan kasih sayang antara kita dan kita akan lebih hampir kepada Tuhan. Kehidupan jadi mudah, indah, aman dan makmur.

Islam menganjurkan perniagaan dan ekonomi bukan untuk

mendapat duit atau untung tetapi untuk mendapat taqwa. Untung itu perkara mendatang. Dalam Islam, rugi dalam perniagaan pun tidak apa asalkan dapat taqwa.

PERBEZAAN ANTARA SISTEM EKONOMI ISLAM MENURUT KEHENDAK TUHAN DAN SISTEM-SISTEM EKONOMI YANG LAIN

SISTEM-SISTEM EKONOMI YANG WUJUD

Ada dua sistem ekonomi terbesar yang wujud di dunia di waktu ini. Pertama ialah Sistem Kapitalis atau apa yang dinamakan Sistem Perdagangan Persendirian atau Perdagangan Bebas, dan yang kedua ialah Sistem Komunis atau Sistem Ekonomi Terancang.

1. Sistem kapitalis atau perdagangan persendirian atau perdangan bebas.

Sistem ini menggalakkan perdagangan milik persendirian. Dalam sistem ini, faktor-faktor pengeluaran dimiliki oleh perniagaan persendirian. Orang-orang persendirianlah yang membuat keputusan apa dan banyak mana barang atau khidmat yang akan dikeluarkan.

Dalam sistem ini, peniaga atau pengusaha mesti membuat untung untuk meneruskan perniagaan mereka. Perniagaan mereka bermotifkan keuntungan. Setiap peniaga atau pengusaha cuba untuk mendapatkan sebanyak mungkin wang pengguna yang dia boleh. Kalau tidak ada untung, tidak boleh bermiaga. Dalam sistem kapitalis, modalnya ialah duit dan metlamatnya ialah untuk dapat duit.

Pengguna pula bebas membuat pilihan. Mereka menentukan apa yang mereka mahu. Oleh itu timbul perebutan di kalangan peniaga untuk merebut langganan pengguna supaya dapat menghasilkan untung sebanyak mungkin. Ini dinamakan persaingan.

Sistem kapitalis mengandungi unsur milik persendirian, perniagaan bermotifkan keuntungan, persaingan dan kebebasan pengguna untuk memilih. Namun demikian ada keputusan-keputusan penting yang dibuat oleh kerajaan terutama tentang perkhidmatan-perkhidmatan awam yang tidak dikenyalikan oleh pengusaha-pengusaha persendirian.

Kelemahan

Disebabkan sistem ini berjalan bebas tanpa dikawal atau dirancang dan ianya dibiarkan sahaja kepada kuasa-kuasa pasaran, maka hala tujuanya tidak boleh ditetapkan. Ada masa-masa berlaku ramai manusia hilang pekerjaan atau tidak ada kerja. Mereka hilang sumber pendapatan dan hilang kuasa pembelian. Oleh itu, barang dan khidmat tidak dapat dijual dan perniagaan tidak dapat membuat keuntungan. Petani dan penternak tidak dapat menjual hasil yang mereka keluarkan. Kegiatan ekonomi menjadi perlahan atau terhenti. Kalau situasi ini berlaku sekejap, ia dinamakan kemerosotan ekonomi (*recession*). Kalau ia berlaku lama ia dinamakan kemelesetan ekonomi (*depression*).

Kadangkala, disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang menyentuh kos pengeluaran, harga barang dan khidmat naik lebih laju dan melebihi tahap pendapatan pengguna. Kuasa pembelian pengguna berkurangan. Tidak banyak barang dan khidmat dapat dibeli. Ini dinamakan inflasi. Inflasi boleh menyebabkan kemerosotan ekonomi kerana perniagaan tidak dapat berjalan lancar.

Peniaga dan pengusaha bebas yang hanya mementingkan keuntungan tidak mempedulikan kesan negatif perniagaan mereka terhadap masyarakat. Mereka kadang-kadang meniti di atas kelemahan masyarakat untuk membuat keuntungan. Maka timbulah perniagaan rokok, arak, perjudian, industri hiburan muzik dan profileman yang merosakkan akhlak dan peribadi ahli-ahli masyarakat. Dipromosikan sukan sampai ke tahap dunia hingga ia menjadi satu industri yang besar yang pusingan perniagaannya sampai berbilion-bilion ringgit.

Semua ini tidak berfaedah kepada manusia tetapi ianya disogok kepada mereka. Manusia jadi lalai dan leka. Jati diri dan jiwa mereka merosot dan menjadi lemah.

Dalam bersaing dan merebut keuntungan, para pengusaha mengiklankan barang mereka. Iklan-iklan mereka bukan setakat memperkenalkan barang mereka tetapi juga memparmerkan tubuh-tubuh wanita yang separuh bogel untuk mendapat perhatian. Ini tambah merosakkan lagi moral masyarakat. Akhirnya timbul berbagai-bagai penyakit sosial dalam masyarakat.

Kalau harga sesuatu barang yang dihasilkan itu merosot dan kalau dijual, ia akan merugikan atau akan menurunkan lagi harga barang tersebut di pasaran, maka barang itu akan dimusnahkan. Susu akan dibuang ke tanah. Telur dan anak ayam akan dimusnahkan. Lembu dan kambing akan di tembak dan ditanam. Ia melibatkan pembaziran yang besar.

Apabila wang dan duit masuk ke dalam hati dan dijadikan matlamat berekonomi, maka berlakulah undang-undang rimba. Tipu-menipu, putar belit, malahan bunuh-membunuh sering berlaku dalam merebut untung dan mempertahankan hak ekonomi masing-masing. Ini bukan berlaku di tahap individu atau persendirian sahaja tetapi demi kepentingan ekonomi, sesebuah negara boleh menyerang negara lain.

Juga, apabila wang dan duit telah masuk ke dalam hati, manusia berebut-rebut untuk mendapatkannya. Maka manusia menjadi rakus. Mereka tekan-menekan, tindas-menindas, gigit-menggigit. Apa sahaja cara digunakan asalkan matlamat tercapai. Manusia hilang kemanusiaannya. Tumbuh dalam diri mereka sifat-sifat haiwan. Subur hasad dendki, tamak haloba, pemarah, cinta dunia, bakhil dan berbagai-bagai lagi penyakit di hati mereka.

Yang paling malang, apabila wang dan duit dijadikan matlamat, ia secara tidak sedar telah mengambil tempat Tuhan. Tuhan tidak penting lagi. Wang dan duit lebih penting. Apa sahaja akan dilakukan untuk wang dan duit. Tuhan hanya di

mulut. Untuk wang dan duit, apa yang Tuhan halalkan boleh diharamkan. Apa yang Tuhan haramkan boleh dihalalkan. Wang lebih berkuasa dari Tuhan. Wang lebih mengatasi Tuhan. Dengan sistem kapitalis ini, manusia akan kehilangan Tuhan.

2. Sistem komunis atau sistem ekonomi terancang

Dalam sistem ini, faktor-faktor pengeluaran dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh kerajaan atau negara. Kerajaan yang membuat keputusan tentang segala hal bersabit ekonomi. Itu sebab ia dinamakan sistem terancang kerana perjalanan ekonomi dikawal dan tidak dibiarkan kepada kuasa-kuasa pasaran bebas.

Sistem ini bertujuan supaya segala usaha ekonomi dimanfaatkan untuk negara dan bukan untuk individu. Sistem ini diamalkan di negara-negara sosialis dan komunis.

Kelemahan

Sistem komunis ini tidak memberi hak dan kebebasan yang cukup kepada rakyatnya untuk hidup mencari kekayaan. Mereka tidak diberi hak milik. Segala-galanya untuk negara sehingga rakyatnya jadi miskin. Di kebanyakan negara komunis dan sosialis, rata-rata rakyatnya miskin.

Sistem ini bertentangan dengan kemahuan dan fitrah semulajadi manusia. Manusia suka berusaha dan mendapat hasil dari usaha mereka itu. Sukar bagi manusia disuruh berusaha tetapi hasilnya tidak nampak malahan dimanfaatkan oleh pihak lain. Disebabkan ini, sistem ini tidak berkesan dan sangat menekan. Ia mustahil dapat dilaksanakan tanpa menggunakan ugutan, kekerasan dan paksaan.

Kalau Sistem Kapitalis atau Perdagangan Bebas merosakkan kemanusiaan kerana manusia terlalu memburu keuntungan, sistem komunis pula merosakkan kemanusiaan kerana ia membunuh jiwa manusia. Manusia ditekan, ditindas dan dipaksa membuat kerja bertentangan dengan kemahuan dan fitrah semulajadi mereka. Manusia dijadikan robot, dijadikan

alat atau faktor ekonomi hingga mereka menjadi bodoh, dungu dan tidak berdaya saing atau berdaya maju. Hilang watak manusia mereka.

Inilah balasan Tuhan kepada manusia yang menolak Tuhan. orang berfahaman sosialis dan komunis tidak percaya Tuhan dan menolak Tuhan.

Kalau sistem kapitalis boleh menyebabkan manusia kehilangan Tuhan, sistem komunis ini pula adalah bagi manusia yang sudah tidak ada Tuhan.

Yang jelas, pada akhirnya, kedua-dua sistem ekonomi ini tidak ada Tuhan di dalamnya. Disebabkan Tuhan tidak ada maka manusia jadi rosak. Rosaknya manusia dan kehidupan manusia adalah kerana manusia menolak dan melupakan Tuhan. Tanpa Tuhan, manusia akan hilang kemanusiaannya. Hilang kasih sayang. Hilang kesatuan dan perpaduan. Hilang bertolong bantu, bela-membela. Hilang toleransi, bertolak ansur, berlapang dada dan bertimbang rasa.

Dalam manusia perlu berekonomi untuk memenuhi keperluan lahir, keperluan hidup dan keperluan material manusia, sistem ekonomi itu sendiri merosakkan hati dan jiwa manusia hingga menyusahkan dan menyeksa manusia. Inilah ekonomi yang untung sekarung rugi seguni.

SISTEM EKONOMI ISLAM MENURUT KEHENDAK TUHAN

Sistem ekonomi Islam tidak sama dengan sistem-sistem ekonomi yang lain. Ia berbeza dengan sistem kapitalis. Ia bukan dari hasil ciptaan akal manusia seperti sistem kapitalis atau sistem komunis. Ia adalah berpandukan wahyu dari Allah SWT.

Sistem kapitalis dan komunis, walaupun pada lahirnya bertujuan untuk mendatangkan manfaat bagi manusia tetapi disebabkan ceteknya akal, maka sistem yang dicipta itu memakan tuan. Kebaikannya sedikit tetapi kerosakannya banyak.

ia merosak, menghancur dan memusnahkan tamadun dan hati-hati manusia. Ia menjahanamkan kemanusiaan.

Kedua-dua sistem ciptaan akal manusia ini hanya mengambil kira perkara-perkara lahiriah semata-mata tanpa menitikberatkan soal hati, roh dan jiwa manusia. Hasilnya, matlamat lahiriah itu sendiri tidak tercapai dan manusia menderita dan terseksa kerananya. Tidak ada kasih sayang. Tidak ada pembelaan. Manusia terjerumus ke dalam lembah kehinaan. Berlaku penindasan, tekanan dan ketidakadilan. Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin pula bertambah miskin. Ekonomi Islam pula sangat berbeza. Di antara perbezaannya adalah seperti berikut:

1. Ekonomi Islam melibatkan Tuhan

Orang Islam berekonomi dengan niat kerana Allah dan mengikut peraturan dan hukum-hakam Allah Taala. Matlamatnya ialah untuk mendapat redha dan kasih sayang Allah. Syariat lahir dan batin ditegakkan dan hati tidak lalai dari mengingati Tuhan. Aktiviti berniaga itu sendiri dianggap zikir dan ibadah kepada Allah SWT. Ia adalah jihad fisabilillah dan menjadi satu perjuangan untuk menegakkan Islam dan mengajak manusia kepada Tuhan. Sesibuk mana pun berniaga, Allah SWT tidak dilupakan.

Sedangkan dalam ekonomi kapitalis dan komunis, hati tidak diambil kira dan tidak berperanan. Tidak ada kaitan antara ekonomi dengan Tuhan.

Firman Allah SWT:

وَكَرْزَ وَدُوَافِيرَ كَ خَيْرُ الرَّادِينَ تَعَوِّي

Maksudnya: "Dan berbekallah (hendaklah kamu menambah bekalan). Maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah taqwa." (Al-Baqarah: 197)

Berekonomi dan berniaga secara Islam adalah di antara jalan untuk menambah bekalan taqwa.

2. Ekonomi Islam berlandaskan taqwa

Kegiatan ekonomi dalam Islam merupakan jalan untuk mencapai taqwa dan melahirkan akhlak yang mulia. Ini adalah tuntutan Tuhan. Kalau dalam sistem ekonomi kapitalis, modalnya duit untuk mendapatkan duit, tetapi dalam ekonomi Islam, modalnya taqwa untuk mendapatkan taqwa.

Dalam Islam, berekonomi adalah untuk memperbesar, memperpanjang dan memperluaskan syariat Tuhan. Ekonomi itu jihad dan ibadah. Oleh itu ia tidak boleh terkeluar dari konsep dan syarat-syarat ibadah. Niatnya, perlaksanaannya dan natijahnya kena betul. Kegiatan ekonomi atau perniagaan yang dibuat itu tidak haram dan tidak melibatkan perkara-perkara yang haram. Ibadah asas seperti solat, puasa dan sebagainya tidak boleh ditinggalkan. Kalau solat ditinggalkan, ibadah berekonomi sepetimana juga ibadah-ibadah yang lain akan dengan sendirinya tertolak.

Hasil dari berekonomi yang berasaskan taqwa, akan lahir ukhwah dan kasih sayang, kemesraan, bertolong bantu, bersopan santun, mendahulukan kepentingan orang lain dan berbagai-bagai lagi sifat-sifat yang luhur. Premis perniagaan berasaskan taqwa adalah pusat bina insan yang cukup praktikal dan menguntungkan.

Semua yang terlibat dengan kegiatan ekonomi Islam ini akan menjadi tawadhus dan merendah diri. Akan terhapus penindasan, penekanan, penzaliman dan ketidakadilan. Tidak ada krisis, pergaduhan dan jenayah. Ketakutan dan kebimbangan akan lenyap. Akhirnya masyarakat jadi aman, damai dan hidup penuh harmoni.

Ekonomi Islam lebih mementingkan sifat taqwa daripada modal kewangan yang besar, ilmu, pengalaman, kemahiran, kekayaan alam semulajadi dan sebagainya. Orang bertaqwa itu dibantu Tuhan seperti dalam firman-Nya:

وَاللَّهُ وَلِيُ الْمُتَقْوِينَ

Maksudnya: "Allah itu pembela bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah:19)

Orang yang bertaqwa itu, usahanya sedikit tetapi hasilnya banyak. Apatah lagi kalau usahanya banyak. Kalau orang yang bertaqwa menghadapi masalah, Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dan dia diberi rezeki oleh Allah dari sumber-sumber yang tidak disangka-sangka.

Tuhan berjanji dalam sepotong ayat yang lain:

وَلَوْاَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ مَا مَنَوا وَلَقَوْا نَفْعًا عَتَّيْمَ بِرَكَبٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ^{۹۶}

Maksudnya: "Kalau penduduk satu kampung itu beriman dan bertaqwa, kami (Allah) akan bukakan barakah dari langit dan bumi." (Al A'raaf: 96)

Ini bererti bahawa taqwa itu satu sumber kekayaan. Kalau satu kampung atau satu negara itu penduduk atau rakyatnya beriman dan bertaqwa, tanam-tanaman menjadi subur, haiwan ternak berkembang biak, tangkapan laut melimpah-ruah. Bumi hamil dengan minyak dan galian, emas, perak dan intan berlian. Itulah kampung atau negara yang diberkati.

Ekonomi di sudut taqwa ini sudah dilupakan orang sekali-pun para ulama. Bahkan banyak orang yang mengaku dirinya berfikiran moden akan mentertawakan hal ini kerana pada mereka, ia tidak masuk akal. Padahal inilah hakikat sebenar dan telah terbukti sejak zaman Nabi Allah Adam hingga sekarang. Usaha manusia hanyalah untuk mencetuskan sebab kerana Allah tidak membuat sesuatu tanpa sebab. Tetapi kesan atau hasil dari usaha adalah kerja Tuhan.

Dalam ekonomi kapitalis, ekonomi dan perniagaan jadi gelanggang untuk mengaut untung dan kekayaan. Untung material jadi matlamat. Oleh itu manusia sanggup menipu, rasuah, menaruh harga yang tinggi, menindas dan sebagainya asalkan matlamat hendak untung cepat dan banyak tercapai.

Tidak ada aset jiwa, hati atau roh. Tuhan juga tidak dikaitkan dalam ekonomi. Tidak ada halal haram. Tidak ada salah betul. Matlamat menghalalkan cara. Bagi ekonomi kapitalis, pekerja adalah alat dan faktor ekonomi. Pelanggan adalah mangsa.

Dari sistem ekonomi kapitalis, tumbuh sikap nafsi-nafsi. Akhlak manusia menjadi buruk. Kalaupun nampak ada orang yang macam baik dan mesra, baiknya itu hanya bermukamuka. Baiknya itu semata-mata untuk mlariskan perniagaannya. Ia bukan cetusan dari akhlak di dalam hati. Apabila barang terjual, perhubungan terhenti setakat itu. Kalau barang tidak dibeli, ia terus bermasam muka.

3. Ekonomi Islam - penuh suasana kekeluargaan

Dalam premis perniagaan Islam di mana ada tuan punya atau pengurus dan pekerja, terjalin kemesraan dan kasih sayang seperti dalam satu keluarga. Pengurus seperti ayah. Penyelia-penyelia seperti kakak dan abang. Para pekerja seperti anak.

Ayah menjaga keperluan lahir batin anak-anak. Ini termasuklah didikan agama, makan minum, keselamatan, kesihatan, pakaian, tempat tinggal, kebajikan dan sebagainya. Hingga urusan nikah kahwin pun diuruskan. Penguruslah tempat para pekerja mengadu hal dan meminta tolong.

Taraf hidup pengurus dan para pekerja tidak banyak beza. Seperti ayah dengan anak-anak, pengurus makan apa yang anak-anak makan dan begitu juga sebaliknya. Hanya mungkin pengurus mempunyai kelebihan sedikit kerana hendak menjalankan tugasnya sebagai pengurus. Ada lebih kemudahan sedikit. Itu sahaja. Dari segi taraf hidup, tidak ada jurang.

Dalam sistem kapitalis, para pekerja diberi gaji sesuai dengan tingkat kerja mereka. Cukup tidak cukup, pihak pengurus tidak peduli. Keperluan-keperluan lain tidak diperhatikan. Kena urus sendiri. Itu sebab dalam sistem kapitalis banyak berlaku mogok. Para pekerja berpersatuan. Kalau tidak, tidak ada sesiapa yang akan membela nasib mereka dari cengkaman pihak pengurus. Dalam sistem ekonomi komunis pula, para

pekerja tidak ada hak untuk bersuara. Mereka hanyalah alat ekonomi yang mesti mengeluarkan hasil atau pendapatan untuk negara. Di antara pihak pengurus dan para pekerja, tidak ada jalinan hati.

4. Ekonomi Islam penuh kasih sayang

Islam menganggap berekonomi itu ibadah. Iaitu ibadah menerusi khidmat kita kepada sesama manusia. Manusialah yang Tuhan tuntut supaya kita berkasih sayang dengan mereka.

Justeru itu, pelanggan dan ahli-ahli masyarakat tidak dilihat seperti orang lain bahkan seperti saudara-mara. Pelanggan yang datang kepada premis perniagaan dilayan sebaik mungkin seperti tetamu. Mereka datang membawa rahmat dan kembalinya mereka menghapuskan dosa. Pelangganlah tempat mereka mencerah bakti dan khidmat. Pelanggan jugalah yang membantu mereka memperbaiki diri dan mendidik hati. Oleh itu, pelanggan sungguh mahal dan sungguh istimewa. Mereka diberi penuh kemesraan dan kasih sayang.

Berbakti dan berkhidmat bukan setakat memberi pelanggan apa yang mereka mahu. Ia termasuk pembelaan dan kebijakan. Kalau ada pelanggan yang memerlukan barang dan khidmat tetapi nyata tidak mampu membayar harganya, demi Tuhan yang mengurniakan kasih sayang, dia dibolehkan membayar ikut sesuka hatinya. Kalau dia terlalu fakir dan miskin hingga tidak mampu bayar langsung, maka menjadi tanggungjawab pihak yang bermiaga pulalah untuk memberikan keperluannya itu dengan percuma. Tuhanlah yang akan membayarkannya untuknya. Inilah ekonomi taqwa dan kasih sayang.

Di dalam sistem ekonomi kapitalis, tidak ada kasih sayang. Mereka hanya mahukan duit para pelanggan. Ada duit ada bisnes. Tidak ada duit, tidak ada bisnes. Mereka kata, "Kami bukan jabatan kebijakan." Jangankan hendak membantu manusia, bahkan mereka sanggup menyusahkan, menekan, menindas dan menipu manusia demi untuk mengejar keuntungan.

5. Ekonomi Islam - keuntungan perniagaan untuk masyarakat

Dalam ekonomi Islam, keuntungan ada dua bentuk. Satu adalah keuntungan maknawi dan satu lagi keuntungan maddi (material). Islam mengajar ahli ekonomi dan peniaganya untuk mengutamakan untung maknawi daripada untung material. Kalaupun ada keuntungan material, ia perlu dihalakan semula dan diperguna untuk kepentingan masyarakat. Islam tidak menganjurkan keuntungan material ditumpu kepada diri sendiri, keluarga, kelompok atau golongan. Keuntungan boleh diambil sekadar perlu tetapi selebihnya mesti dikembalikan kepada Tuhan melalui bantuan kepada fakir miskin dan masyarakat. Inilah apa yang dikatakan bersyukur.

Ekonomi Islam lebih mementingkan khidmat kepada masyarakat daripada mengumpulkan keuntungan material yang besar. Keuntungan material kalaupun ada, perlu disalurkan semula kepada masyarakat.

Dalam sistem kapitalis, kalaupun ada khidmat yang diberi pada masyarakat, ia bertujuan untuk meraih lebih keuntungan. Kalaupun taraf khidmat ditingkatkan, motifnya ialah untuk bersaing dan meraih sebanyak mungkin wang pengguna dan bukan sangat untuk kebaikan masyarakat. Keuntungan pula digunakan untuk kepentingan peribadi keluarga dan golongan. Kalaupun ada keuntungan yang disalurkan semula kepada masyarakat, ia dibuat dengan penuh publisiti bagi tujuan membaiki hubungan dengan pelanggan (*customer relations*). Ini supaya perniagaan boleh bertambah maju dan keuntungan boleh dilipatgandakan.

6. Ekonomi Islam - tidak ada hutang berunsur riba

Islam tidak membenarkan riba. Iaitu pinjaman yang berfaedah (berbunga) tetap untuk jangka masa yang tertentu. Islam ada cara tersendiri untuk menjana model dan kewangan. Antaranya ialah mudharabah, musyarakah, berkorporan dan sebagainya.

Riba mencetus berbagai masalah dan krisis. Ia sangat

menekan, menindas dan mencekik si peminjam. Si peminjam boleh terjerat dalam satu ikatan yang dia tidak mampu ungkaikan atau terjatuh ke dalam satu lubang yang dia tidak mampu keluar. Lagi lama dia terjerumus, lagi kuat ikatan dan lagi dalam lubang itu.

Orang atau pertubuhan yang memberi pinjaman riba menjadi kaya tanpa usaha. Dia menjadi kaya atas titik peluh orang lain. Orang lain bermiaga boleh rugi tetapi bagi orang yang memberi pinjaman riba, untungnya tetap dan terjamin.

Riba dalam ekonomi membuatkan harga barang dan khidmat menjadi tinggi kerana untung lebih terpaksa dicari untuk membayar kadar faedah riba. Usaha ekonomi yang berdasarkan riba juga tertakluk kepada tekanan kerana lagi lama pinjaman tidak dibayar, lagi banyak faedah atau bunganya.

Sistem ekonomi kapitalis sangat bergantung kepada riba. Bahkan tanpa riba, sistem ekonomi kapitalis tidak akan dapat berjalan. Banyak perusahaan, syarikat bahkan negara telah runtuh disebabkan sistem riba ini kerana tidak mampu mengejar jadual bayaran.

7. Ekonomi Islam mementingkan insaniah

Dalam ekonomi Islam, insaniah yang terbina merupakan aset yang paling penting. Pembangunan sumber daya manusia lebih utama dari pembangunan material. Ekonomi Islam itu sendiri berasaskan iman dan taqwa. Kegiatan ekonomi adalah cara dan kaedah untuk mencapai keuntungan spiritual ini iaitu iman dan taqwa.

Ekonomi Islam boleh menghasilkan insan-insan yang soleh atau orang-orang yang bersungguh-sungguh hendak menjadi orang soleh. Ia boleh menghasilkan orang-orang yang kuat pergantungan mereka dengan Tuhan, yang kuat berkorban dan yang berakhhlak mulia. Mereka jujur, pemaaf, peramah, bertoleransi, lapang dada, bertimbang rasa, suka mendahului kepentingan orang lain dan sebagainya.

Sebaliknya, ekonomi kapitalis tidak mementingkan ke-

insanan atau kemanusiaan. Yang diagungkan ialah wang dan keuntungan material. Manusia tidak dilihat sebagai manusia. Kemanusiaan dan keinsanan tidak dinilai atau dihargai. Manusia hanya alat atau bahan ekonomi yang gunanya hanya untuk menghasilkan produk. Pelanggan pula adalah mangsa dan sasaran supaya sebanyak mungkin duit mereka dapat diperolehi.

8. Ekonomi Islam bermatlamatkan Akhirat

Natijah akhir ekonomi Islam ialah kebahagiaan di Akhirat. Berekonomi atau berniaga itu ibarat bercucuk tanam. Hasilnya akan dituai atau diketam di Akhirat. Tidak ada bezanya berniaga dengan ibadah-ibadah yang lain. Semuanya bertujuan untuk mendapat keredhaan Allah. Keuntungan kalau ada, digunakan dan diambil sekadar perlu. Selebihnya digunakan sebagai ibadah. Digunakan untuk membela fakir miskin dan untuk kepentingan masyarakat. Bahkan, berekonomi atau berniaga itu bukan setakat ibadah, ia adalah satu jihad fisabilillah.

Berekonomi adalah manifestasi dari solat. Dalam solat kita berjanji dan berikrar bahawa ibadah, solat, hidup dan mati kerana Allah. Kita perluaskan syariat itu dalam ekonomi dan di situ kita laksanakan ikrar dan janji kita yang kita buat dalam solat. Kalau di masjid itu tempat kita menegakkan hubungan dengan Allah (*hablumminallah*), maka di premis perniagaan tempat kita menegakkan hubungan dengan sesama manusia (*hablumminannas*). Kalau di masjid kita pertajamkan sifat kita sebagai hamba, maka di premis perniagaan, kita pertajamkan tugas kita sebagai khalifah.

Berbeza dengan sistem ekonomi kapitalis atau komunis, ianya adalah 100% sekular. Dunia untuk dunia. Dunia habis di dunia. Tidak ada langsung nilai atau matlamat Akhirat.

9. Ekonomi Islam - masyarakat kaya individu miskin

Ekonomi Islam memberi banyak manfaat dan menguatkan masyarakat lebih dari individu. Namun bila masyarakat kuat, kaya dan teguh, maka nasib individu dalam masyarakat terjamin dan terbelia. Ekonomi Islam memberi peluang kepada

anggota masyarakat untuk mendapat pekerjaan dan untuk mendapat sumber rezeki yang halal. Melalui ekonomi juga, tenaga manusia dapat dimanfaatkan. Manusia jadi produktif dan ini boleh memakmurkan masyarakat dan negara.

Kalau dalam masyarakat itu, individunya kaya tetapi masyarakatnya miskin, maka ramailah ahli masyarakat yang akan menderita dan melarat hidup mereka. Kekayaan akan tertumpu kepada pihak-pihak yang tertentu. Akan timbul jurang yang besar antara kaya dan miskin. Akan wujud kasta antara kaya dan miskin. Akan timbul sakit hati dan kebencian dalam masyarakat. Tetapi kalau masyarakat kaya, kekayaan masyarakat adalah hak bersama. Bersama-sama rakyat berlindung di bawah naungan masyarakat yang kuat dan kaya.

Dalam sistem kapitalis, duit banyak tetapi jiwa masyarakat rosak. Manusia bergaduh dan bersengketa dalam mencari kekayaan. Pembangunan lahir mempersona tetapi keinsafan dan akhlak rakyat punah dan rosak binasa.

TUJUAN BEREKONOMI MENGIKUT KEHENDAK TUHAN

Dalam perjuangan menegakkan dan membangunkan sebuah masyarakat Islam oleh sebuah golongan, jemaah atau negara, ekonomi merupakan kekuatan tambahan yang utama selepas tiga kekuatan asas iaitu iman, ukhwah, kesefahaman dan keselarasan. Tanpa tiga kekuatan asas tersebut, kekuatan sebuah masyarakat Islam tidak akan wujud. Tanpa sebuah masyarakat Islam yang kuat dan padu, ekonomi akan mudah goyah dan Islam atau kebenaran yang diperjuangkan akan mudah dihancurkan oleh kebatilan.

Untuk menegakkan ekonomi menurut kehendak Allah, yakni ekonomi yang berjalan di atas hukum-hakam dan peraturan-peraturan Allah, maka ada prinsip-prinsip tertentu yang patut difahami. Ini adalah untuk menentukan seluruh kegiatan dan aktiviti ekonomi yang dijalankan dapat dijadikan ibadah,

dapat dijadikan sebagai suatu perjuangan untuk menagih keredhaan Allah dan dijadikan salah satu faktor dalam membentuk dan menegakkan sistem hidup secara Islam di muka bumi terutama dalam bidang ekonomi.

Sebelum memulakan sesuatu kegiatan atau aktiviti ekonomi, kita mesti tahu, faham dan menghayati tujuan kita berekonomi supaya kerja kita itu tidak tersasar matlamat, perlaksanaan dan natijahnya hingga ia terlepas dari rahmat, kasih sayang dan bantuan Tuhan. Tujuan kita berekonomi secara umumnya adalah untuk mendapat Tuhan dan mendapat keredhaan Tuhan. Secara khususnya pula adalah seperti berikut:

1. Untuk melahirkan kehidupan secara Islam dalam bidang ekonomi

Islam sebagai agama yang lengkap (*kaaffah*) atau syumul, tidak hanya mengatur kehidupan manusia di aspek ibadah seperti solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Ataupun hanya di sudut memperingati hari-hari kebesaran Islam sahaja. Tetapi ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia baik di segi politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kebudayaan, kesenian, perdagangan, pertanian, ilmu pengetahuan, teknologi dan berbagai-bagi lagi.

Salah satu tujuan berekonomi dalam Islam adalah untuk melahirkan kehidupan secara Islam dalam bidang ekonomi supaya akan lahir ekonomi Islam yang menepati kehendak syariat dan peraturan Allah agar sistem ekonomi yang lahir itu dapat memberi manfaat kepada manusia lagi selamat dan menyelamatkan, bebas dari tekanan, penindasan dan ketidak-adilan.

2. Untuk mendapatkan dan memiliki harta supaya mudah kita melaksanakan ibadah-ibadah yang asas

Untuk mengerjakan ibadah-ibadah asas dalam Islam seperti solat, puasa, haji dan sebagainya memerlukan berbagai alat

dan kelengkapan. Ini termasuklah pakaian, musolla, masjid, pengangkutan, air mutlak dan sebagainya. Alat-alat ini perlu diwujudkan dalam masyarakat melalui berbagai-bagai kegiatan ekonomi. Kalau umat Islam lalai dalam menghasilkan dan membuatnya maka akan timbul kecacatan dalam kehidupan umat Islam. Kerana itu berekonomi itu perlu.

Hasil dan pendapatan dari kegiatan ekonomi juga boleh digunakan untuk membeli segala alat, kelengkapan dan khidmat yang diperlukan ini.

3. Untuk membangunkan fardhu kifayah di bidang ekonomi supaya terhapus dosa bersama

Fardhu kifayah, dalam fahaman yang sebenarnya, tidak hanya terhad kepada pengurusan jenazah semata-mata. Ia mencakupi ruang kehidupan bermasyarakat yang lebih luas termasuk dalam hal membangunkan sistem pendidikan yang membawa manusia kepada Tuhan, ekonomi, pentadbiran, sistem ke-wangan, pertahanan, perhubungan dan berbagai-bagi lagi.

Misalnya kalau ada daerah di mana umat Islam sukar mendapat daging halal, maka adalah fardhu kifayah hukumnya bagi umat Islam di daerah itu untuk mengusahakan pembe-kalan daging halal sama ada dengan cara diimport daging halal dari kawasan luar atau dibuka perusahaan penyembelihan daging halal di daerah yang berkenaan. Kalau ini tidak dilakukan, maka seluruh umat Islam di daerah itu akan menanggung dosa.

Apabila ada sekumpulan umat Islam yang mengusahakan-nya hingga dapat memenuhi keperluan daging halal bagi seluruh umat Islam di daerah itu, maka seluruh umat Islam di daerah itu akan terlepas dari dosa bersama. Ini dinamakan ekonomi fardhu kifayah.

Pahala membangunkan ekonomi fardhu kifayah ini lebih besar daripada ibadah-ibadah sunat seperti solat tahajud, membaca Al Quran, membaca tahlil dan sebagainya. Kalau lapan jam sehari kita berekonomi fardhu kifayah, bermakna

Iapan jam kita berada dalam keadaan beribadah kepada Allah. Kalau mati dalam usaha membangunkan ekonomi fardhu kifayah ini, maka seseorang itu akan memperolehi mati syahid.

4. Untuk memberi khidmat kepada masyarakat

Rasulullah SAW sangat menyarankan umatnya supaya berbuat baik, berkhidmat dan memberi manfaat kepada orang lain. Melalui kegiatan ekonomi, kita dapat menyediakan dan membekal keperluan hidup masyarakat hingga mudah bagi masyarakat memperolehi keperluan hidup mereka.

Sebagai manusia, tugas dan tanggungjawab kita bukan sahaja terhadap Tuhan tetapi juga terhadap sesama manusia. Memang Tuhan mengutuskan kita ke dunia ini untuk berkhidmat iaitu berkhidmat kepada Tuhan dan berkhidmat kepada sesama manusia. Allah ada berfirman:

صَرِّيْتُ عَلَيْهِم مِّنَ الْكَلَّاهُ اَئِنْ مَا تَفْعَلُوْا لَا يَحْبَلُ مِنَ اللَّهِ
وَحَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ ۝

Maksudnya: "Akan ditimpa kehinaan di mana sahaja kamu berada kecuali kamu tegakkan dua hubungan iaitu hablumminallah dan hablumminannas." (Al Imran: 112)

5. Untuk berdikari dalam mengadakan keperluan hidup

Umat Islam perlu berdikari dalam mengadakan keperluan hidup tanpa perlu bergantung kepada orang lain terutama orang-orang bukan Islam supaya di sudut itu kita merdeka (bebas dan tidak terkongkong)

Umat Islam mesti mengusahakan kedudukan dan sistem ekonomi yang kuat agar tidak terlalu bergantung kepada ekonomi penentang-penentang kebenaran yang sering menggunakan ekonomi sebagai senjata untuk memaksa kehendak

mereka ke atas umat Islam dan menekan umat Islam supaya tunduk dan mengikuti cara hidup mereka.

Setidak-tidaknya, umat Islam mesti mampu mengusahakan keperluan-keperluan asas untuk kehidupan sehari-hari dan adalah lebih baik kalau umat Islam dapat membantu umat atau golongan lain yang memerlukan bantuan. Apabila umat Islam merdeka di sudut ekonomi, maka pengaruh dan ancaman musuh terhadap umat Islam akan berkurangan. Tindak-tanduk, kegiatan dan sekatan musuh di sudut ekonomi pun tidak akan banyak menjadikan kehidupan umat Islam.

6. Untuk memanfaatkan sumber kekayaan alam semula-jadi secara cekap dan efektif

Islam melarang umatnya daripada melakukan kerosakan dan pembaziran. Pembaziran adalah berdosa dan Islam menganggap orang yang membazir itu sebagai kawan kepada syaitan. Manusia terlalu banyak melakukan pembaziran terhadap sumber kekayaan alam semulajadi dan merosakkan alam sekitar.

Hutan belantara ditebang tanpa sebarang perhitungan. Sumber galian dikorek dan digali tanpa henti. Dalam proses itu, muka bumi dirosakkan semahu-mahunya. Kawasan yang asalnya hutan tebal bertukar menjadi tanah yang tandus dan gersang. Alam sekitar tercemar dan rosak. Cuaca dan tebaran hujan berubah. Ekologi kehidupan tumbuhan dan haiwan musnah.

Hanya orang yang kenal dan takut Allah SWT sahaja yang dapat mengelolakan sumber kekayaan alam semulajadi ini dengan cermat dan penuh tanggungjawab tanpa merosakkan muka bumi ini, alam sekitar dan tanpa menjadikan makhluk-makhluk lain yang menghuninya.

Mereka sentiasa rasa takut dan cemas terhadap Allah yang mereka rasakan sentiasa melihat dan mengawasi segala tindak-tanduk dan perbuatan mereka.

7. Untuk mengelak dan menghindar berlakunya monopoli ke atas sumber kekayaan alam semulajadi

Monopoli ke atas sumber kekayaan alam semulajadi oleh pihak-pihak atau golongan yang semata-mata hendak mencari keuntungan peribadi dapat dihindarkan.

Kalau ekonomi tidak berteraskan hukum-hakam dan peraturan Tuhan, maka secara sedar atau tidak, akan berlakulah berbagai penyelewengan atau salah laku di dalam aktiviti ekonomi yang akan merugikan rakyat jelata seperti monopoli, kartel dan oligopoli demi untuk keuntungan segelintir orang atau sekumpulan syarikat yang mementingkan keuntungan dunia semata-mata. Mereka kuasai berbagai-bagai barang dan khidmat asas yang diperlukan oleh rakyat.

Walaupun barang dan khidmat yang mereka kuasai itu boleh diadakan dengan murah tetapi untuk cepat untung, mereka jual dengan harga yang mahal yang mereka tentukan sendiri. Ini menekan, menindas dan memberatkan rakyat.

Dalam berekonomi mengikut kehendak Tuhan atau ekonomi taqwa atau berniaga kasih sayang, ada tiga kaedah bagi menetapkan harga:

- a. Penjual meletakkan sendiri harga barang yang hendak dijual tetapi dia hanya mengambil sedikit keuntungan.
- b. Penjual memberitahu harga pokok atau harga modal yang dia beli. Terpulang kepada pembeli untuk meletakkan harga yang dia mahu.
- c. Barang ditunjuk kepada pembeli. Dia boleh lihat dan menetapkan harga berapa dia hendak bayar.

8. Untuk memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat

Kegiatan ekonomi boleh membuka peluang bagi ahli masyarakat untuk mendapat kerja. Melalui pekerjaan, mereka akan beroleh hasil pendapatan yang baik, berkat lagi halal untuk saraan diri dan keluarga mereka. Pekerjaan itu juga merupakan

ibadah umumiah yang boleh membina peribadi mereka menjadi orang yang hampir dengan Allah Taala asalkan lima syarat sesuatu perbuatan menjadi ibadah dapat ditempuhi iaitu niatnya betul, perlaksanaannya betul, natijahnya betul, kerja yang dibuat itu tidak haram atau makruh dan ibadah-ibadah asas seperti solat, puasa dan sebagainya tidak ditinggalkan atau diabaikan.

9. Untuk mensyukuri nikmat Allah

Kita diberi Tuhan nikmat yang terlalu banyak dan dalam bentuk yang berbagai-bagai. Tidak mungkin kita dapat menghitung segala nikmat Tuhan itu. Setiap nikmat patut disyukuri. Bersyukur bukan setakat mengatakan pujian bagi Allah. Bersyukur ialah mengembalikan dan mengorbankan nikmat itu ke jalan Allah.

Dalam banyak-banyak kegiatan hidup, berekonomi dan berniaga, kalau dapat dibuat mengikut cara yang Tuhan mahu, akan banyak mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada manusia lain. Oleh itu berekonomi dan berniaga dengan cara yang Tuhan mahu merupakan jalan terbaik untuk mensyukuri segala nikmat Tuhan itu.

Tenaga kita, kesihatan kita, fikiran kita, masa kita, wang dan modal kita, kesemuanya dapat kita gunakan untuk berbakti dan berkhidmat kepada masyarakat.

Allah SWT ada berfirman:

لَيْسَ شُكْرُهُ لَا زِدَ لِكُمْ وَلَيْسَ كُفْرُهُ بِإِنْ
عَذَابٌ إِلَّا شَدِيدٌ ۝

Maksudnya: "Jika kamu bersyukur atas nikmat-Ku, nescaya akan Kutambah nikmat-Ku. Tetapi jika kamu kufur, maka tunggulah azab-Ku yang amat pedih." (Ibrahim: 7)

10. Untuk menjadi sebaik-baik manusia yang memberi sebanyak manfaat kepada manusia lain

Bergiat dalam ekonomi dan bermiaga banyak memberi khidmat dan memudahkan urusan orang ramai dalam mencukupkan keperluan hidup mereka. Ini berlaku secara langsung maupun secara tidak langsung. Dalam berekonomi dan bermiaga, kita mempunyai banyak peluang untuk berkhidmat kepada manusia. Dengan itu kita dapat mengamalkan apa yang disebut oleh Rasulullah SAW dalam Hadisnya yang bermaksud:

“Yang paling baik di antara kamu ialah kamu yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain.”

11. Untuk berhubung, berkenalan dan berkasih sayang sesama manusia

Kita berekonomi dan bermiaga di antaranya adalah untuk berhubung, berkenalan dan berkasih sayang sesama manusia. Berhubung, berkenalan dan berkasih sayang sesama manusia adalah perintah Tuhan. Kita berekonomi dan bermiaga kerana melalui kegiatan itulah dapat kita laksanakan perintah dan tuntutan Tuhan itu. Malah ia adalah jalan yang terbaik untuk tujuan itu.

Melalui kegiatan ekonomi dan perniagaan, kita boleh berhubung dengan orang dan orang boleh berhubung dengan kita sama ada mereka itu pembekal, pelanggan atau teman-teman sekerja. Kita boleh kenal-mengenal dan berkasih sayang di antara satu sama lain.

Natijah dari tujuan berekonomi kerana mendapatkan Tuhan tentu baik. Orang ramai dan ahli masyarakat tentu akan senang dan sayang dengan kita. Kita boleh bertolong bantu dan bela-membela sesama kita. Kita boleh berkongsi masalah dan dapat menyelesaiannya cara bersama. Akan timbul kasih sayang, ketenangan dan harmoni dalam masyarakat. Orang bukan Islam akan terpikat dengan cara hidup masyarakat yang indah dan murni seperti ini. Mungkin akan ada yang mahu memeluk agama Islam setelah melihat cara hidup yang begitu indah.

Melalui kegiatan ekonomi dan perniagaan, dapat kita sebarkan dakwah dan kasih sayang. Atas keadaan dan perhubungan yang cantik dan indah inilah akan tersalur rahmat, kasih sayang dan bantuan Tuhan.

Dari 11 tujuan berekonomi yang telah disenaraikan di atas, jelas bahawa mencari keuntungan material bukanlah tujuan utama membangunkan ekonomi dalam Islam. Hal ini sangat berbeza dengan tujuan dan matlamat berekonomi yang dipraktik dan diamalkan oleh manusia di seluruh dunia di waktu ini.

Dalam Islam, berekonomi seperti juga solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya adalah merupakan amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah, baik bagi orang yang memberi khidmat ekonomi maupun orang yang menggunakan khidmat tersebut.

SIFAT DAN HAKIKAT EKONOMI ISLAM

1. Sifat-sifat Ekonomi Islam

Seperti yang telah diperkatakan berulang-ulang kali sebelum ini, berekonomi adalah untuk mendapat redha Allah SWT. Untuk itu, beberapa prinsip perlu kita perhati dan amalkan dalam berekonomi. Di antaranya adalah seperti berikut:

a. *Bersih dari riba.*

Ianya mestilah bersih dari riba. Ini termasuklah pinjaman dari bank konvensional yang mengenakan faedah atau bunga yang tetap untuk jangka waktu yang tetap.

b. *Bersih dari perkara atau aktiviti haram.*

Ianya mestilah bersih dari perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang haram seperti menjual daging babi, arak, berjudi dan sebagainya. Tidak boleh juga berlaku perkara-perkara yang melanggar syariat seperti tidak bersolat, dedah aurat dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

c. Bersih dari penindasan.

Ia mesti bersih dan bebas dari penindasan. Harga barang tidak boleh terlalu mahal terutama bagi barang asas hingga menyusahkan dan menghimpit para pengguna. Penjual mesti bertoleransi di dalam menetapkan harga barang. Kalau harga melebihi kemampuan pembeli untuk membelinya walhal dia sangat memerlukan barang tersebut, penjual patut dengan sukarela menurunkan harga sekalipun dia akan rugi.

d. Bersih dari monopoli.

Ia mesti bersih dan bebas dari monopoli, oligopoli, kartel dan seumpamanya. Amalan-amalan ini nyata membawa penindasan dan kesengsaraan kepada pengguna dan rakyat kerana kawalan mutlak terhadap harga dan barang oleh satu golongan atau pihak yang hanya mementingkan keuntungan material semata-mata.

e. Bersih dari hutang.

Ia mesti bersih dari hutang yang tidak dibayar. Islam tidak menggalakkan kita berhutang. Kalau terpaksa berhutang, tentukan ianya dibayar mengikut persetujuan dan perjanjian.

f. Bersih dari unsur-unsur bertegang rasa.

Ia mesti bersih dari unsur-unsur bertegang rasa seperti harga yang terlalu mahal, tidak mahu melayan pelanggan atau mengambil sikap acuh tak acuh terhadap pelanggan, menyorok barang kerana menunggu harganya naik sebelum dijual dan lain-lain lagi.

g. Bersih dari penipuan.

Ia mesti bersih dari berbohong dan menipu, dari segi nilai harga atau kualiti dan mutu barang yang dijual, dari segi perjanjian dan kontrak, dari segi perkongsian dan lain-lain. Sepatutnya semakin lama kita terlibat dengan ekonomi atau perniagaan, kita semakin jujur dan berakhhlak mulia sesuai dengan ekonomi itu sebagai wadah untuk kita mendekatkan diri kepada Allah.

h. Bersih dari hal yang melalaikan.

Ia mesti bersih dari hal yang melalaikan. Tidak boleh terlalu sibuk berekonomi hingga lalai mengerjakan solat, atau lalai membuat ibadah-ibadah yang lain dan lalai menuntut ilmu terutama yang fardhu ain. Bahkan agar usaha berekonomi itu dibantu dan mendapat berkat, dianjurkan ibadah malam, bersedekah dan lain-lain.

2. Hakikat Ekonomi Islam

Setiap orang yang terlibat dengan ekonomi Islam perlulah memahami hakikat berekonomi dalam Islam yang sebenarnya supaya dia tidak tertipu dengan dunia. Dalam berekonomi, kita mesti merasakan bahawa seluruh aset, sumber dan tenaga yang digunakan dalam berekonomi itu adalah milik Allah semata-mata dan bukan milik kita. Hanya Tuhan telah memilih kita untuk mengendalikan dan mengelolakan aset-aset dan sumber-sumber tersebut untuk kebaikan sesama manusia dan untuk memenuhi keperluan manusia sesuai dengan peraturan dan syariat yang telah ditetapkan-Nya.

Dengan kata-kata lain, kita berekonomi adalah sebagai pengabdian diri kepada Allah dan untuk mendapat redha dan kasih sayang-Nya. Keuntungan bukan motif utama. Kalaupun ada keuntungan dalam berekonomi, ianya pasti digunakan semula dan dikorbankan kembali pada jalan Allah.

Melalui kegiatan ekonomi, seseorang Muslim itu akan dapat pahala di dunia dan juga pahala di akhirat. Pahala di dunia adalah keuntungan yang halal dan berkat hasil dari dia berekonomi itu dan pahala di Akhirat ialah ganjaran yang Allah telah sediakan baginya di Syurga.

MISKIN DAN KAYA DALAM EKONOMI ISLAM

Miskin: Apabila seseorang itu dikatakan miskin, ia bermaksud pendapatannya di bawah paras keperluannya di segi makan minum, pakaian dan tempat tinggal.

Fakir: Apabila seseorang itu dikatakan fakir, ia bermaksud pendapatannya di bawah separuh daripada keperluannya.

Kaya: Kalau seseorang itu pendapatannya melebihi keperluannya walaupun satu sen, maka dalam Islam dia dianggap kaya. Oleh itu untuk menjadi orang kaya dalam Islam tidaklah susah. Yang susah ialah untuk menjadi jutawan atau bilionwan.

Telah menjadi fitrah semulajadi manusia bahawa rata-rata manusia itu tidak suka menjadi miskin. Oleh itu manusia menggunakan seluruh fikiran dan tenaganya supaya tidak jatuh miskin. Sekalipun manusia itu nampak pada lahirnya belajar untuk mendapatkan ilmu, namun tujuan dia mencari ilmu adalah supaya ilmu itu dapat menyelamatkan dia daripada jatuh miskin. Manusia memandang kemiskinan itu sebagai musuhnya. Sebab itu manusia tidak henti-henti memerangi kemiskinan.

Tetapi perlu diingat bahawa tidak semua orang boleh mengelak diri dari jatuh miskin. Manusia boleh berusaha tetapi Allah Taala yang menentukannya. Walaupun ramai manusia berusaha hendak jadi kaya, yang gagal lebih ramai daripada yang berjaya. Kalau setakat hendak jadi kaya mengikut ukuran Islam seperti yang ditakrifkan di atas, itu agak mudah. Tetapi kalau hendak menjadi kaya mengikut ukuran manusia atau hendak menjadi hartawan, jutawan atau bilionwan, itu amat susah sekali.

Paling berjaya pun seseorang itu, sekadar dapat hidup senang sahaja. Itupun ramai yang tidak dapat capai tahap itu. Ramai yang berada di taraf miskin dan fakir atau papa kedana.

Dalam ekonomi Islam, soal kemiskinan bukan satu masalah. Berdasarkan ekonomi taqwa dan kasih sayang, kemiskinan tidak menimbulkan apa-apa masalah. Kerana dalam setiap kampung, kawasan atau taman, mesti ada orang yang berniaga. Biasanya, barang yang diniagakan jarang habis. Mesti ada lebih-lebih dan baki-baki. Kalau berniaga ikut syariat, yang lebih-lebih dan baki-baki itu dibagi-bagikan kepada orang-orang yang memerlukan. Itu bagi orang yang berniaga.

Bagi para petani pula, kalau dia ikut syariat dan bertani di atas dasar taqwa, lebihan dari hasil bertaninya itu dibagi-bagi juga pada orang-orang yang memerlukan. Sudah ada dua sumber untuk orang miskin.

Di samping itu, semua yang kaya, berada dan berharta di kampung itu sudah tentu mengagih-agihkan sebahagian dari duit dan harta mereka untuk orang-orang miskin sama ada melalui zakat atau sedekah. Orang miskin terbela. Tidak payah negara yang memikirkan.

Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dengan memberi kesedaran kepada orang-orang yang berada dan yang kaya untuk membantu orang-orang miskin. Orang makan gaji cara makan gaji, orang bertani cara bertani dan orang berniaga cara berniaga.

Hari ini, perkara ini tidak berlaku. Oleh itu, semua orang miskin hendak tuntut dengan kerajaan, "Mana kerajaan?" Kalau ada orang mati kelaparan pun disalahkan kerajaan. Orang kaya di kampung itu buat apa? Di mana disorokkan segala kekayaan mereka?

Sebenarnya, kalau syariat berjalan dan tertegak ekonomi berdasarkan taqwa, orang miskin walaupun mereka itu ada tetapi mereka tidak susah. Contohnya, dalam satu lorong ada 10 buah rumah. Dalam 10 rumah itu ada yang kaya dan ada yang miskin dan tentunya sesama mereka tahu siapa yang kaya dan siapa yang miskin. Bila tiba waktu makan sama ada tengah hari atau malam, orang kaya teringat orang miskin lalu masing-masing menghantar lauk, satu dua mangkuk. Kalau di antara 10 rumah itu ada 6 orang kaya dan 4 miskin, orang miskin sudah dapat banyak lauk. Kadang-kadang lauknya lebih banyak dari orang kaya.

Inilah yang dimaksudkan bahawa dalam masyarakat Islam yang mempraktikkan ajaran Islam, kalau ada pun orang miskin, mereka tidak susah. Begitu juga dengan pakaian dan keperluan-keperluan yang lain.

KEWAJIPAN ORANG KAYA DALAM ISLAM

Ajaran Islam itu sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Agama Islam membenarkan setiap orang itu mencari kekayaan walau sebanyak mana sekalipun. Ingin menjadi kaya itu adalah tabiat semulajadi atau fitrah manusia. Tidak ada manusia yang tidak ingin menjadi kaya. Rata-rata manusia tidak suka menjadi miskin. Ingin menjadi kaya itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Setiap individu boleh berusaha mencari kekayaan dengan cara bermiaga, bertani, menternak dan lain-lain lagi asalkan jangan melampaui batas. Yakni dalam mencari kekayaan kenalah jaga syariat supaya usaha kita itu bukan sahaja mendapat keuntungan tetapi juga diberi pahala oleh Tuhan.

Setelah seseorang itu berjaya mencari kekayaan sehingga menjadi seorang jutawan, maka dia mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang mesti dia tunaikan.

Dalam ajaran Islam, sesiapa yang mempunyai kelebihan dari orang lain, mereka mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang lebih pula kepada masyarakatnya dari orang lain yang lemah atau yang mempunyai kurang daripadanya. Orang kaya yang mempunyai banyak harta dan wang ringgit mempunyai lebih kewajipan dan tanggungjawab kepada masyarakat dengan kekayaan dan hartanya itu berbanding orang yang tidak berada atau orang miskin. Kewajipan itu adalah seperti berikut:

1. Wajib yang ditetapkan

Wajib bagi mereka mengeluarkan zakat harta apabila sampai haulnya setiap tahun sekali sebanyak 2.5%.

2. Wajib aradhi (mendatang)

Wajib juga bagi mereka menunaikan tanggungjawab dari kekayaannya untuk keperluan semasa yang mendatang atau yang terdesak seperti berikut:

- a. Jika negara diserang musuh, wajib bagi mereka

menggunakan wang mereka untuk membeli senjata, lebih-lebih lagi jika diminta oleh pemerintah untuk berbuat demikian.

- b. Jika negara berhadapan dengan zaman kemelesetan, wajib bagi mereka membantu negara.
- c. Menggunakan harta dan wang mereka bagi keperluan pendidikan atau perhubungan untuk kepentingan umum.
- d. Perkara yang pemerintah tidak berkemampuan, mereka berkewajipan dan bertanggungjawab untuk melengkapkan atau mencukupkan keperluan tersebut. Mereka tidak boleh menganggap itu sebagai tanggungjawab pemerintah semata-mata.
- e. Jika pemerintah mengarahkan mereka membuat sesuatu atau perkara-perkara tertentu demi untuk kepentingan umum kerana negara sudah tidak mampu lagi, wajib bagi mereka menunaikannya.
- f. Mereka yang enggan mematuhi perintah untuk memberi hartanya demi kepentingan umum, maka pemerintah boleh memaksa mereka berbuat demikian dan mereka wajib memberinya.

Selain itu, Islam sangat menganjurkan penganut-penganutnya menjadi pemurah. Bukan sekadar sanggup mengorbankan untuk yang wajib sahaja sama ada wajib yang ditetapkan atau wajib yang aradhi, tetapi digalakkan juga umat Islam berse-dekah, menderma, memberi hadiah, mewakafkan harta seperti tanah, bangunan, kebun, bahan-bahan bacaan, kenderaan dan lain-lain lagi.

Ini supaya cepat masyarakat Islam boleh membangun. Yang sedang maju bertambah maju, yang kurang maju akan jadi maju, yang kurang dapat dicukupkan, yang koyak dapat ditampal, yang lemah dapat dikuatkan, yang tidak sempurna dapat disempurnakan, yang tidak sudah dapat disudahkan dan yang tidak mampu dapat hidup sama dengan orang yang mampu.

Dengan demikian yang sedih akan ceria semula, yang terbiar dapat dibela, fakir miskin tidak sengsara, anak-anak yatim dapat diselia dan janda-janda dapat dijaga.

Kekayaan yang ada pada orang-orang kaya, Tuhan yang punya. Jika kekayaan itu dipulangkan semula kepada hamba-hamba Tuhan, maka orang-orang kaya tidak akan dihina. Bahkan mereka menjadi orang yang mulia di sisi Tuhan dan di sisi manusia.

TIGA PERINGKAT EKONOMI ISLAM

Berbeza dengan sistem ekonomi ciptaan akal fikiran manusia yang sangat berorientasikan keuntungan material dan duniaawi, yang berusaha mendapatkan sebesar-besarnya keuntungan dari sekecil-kecil pelaburan dan usaha, sistem ekonomi Islam menurut kehendak Tuhan lebih mementingkan aspek ibadah, perjuangan, pembangunan insaniah dan menegakkan hukum-hakam Allah. Dalam Islam, kegiatan ekonomi merupakan wadah untuk membina insaniah manusia yang terlibat di dalamnya. Kerana itu ada tiga peringkat ekonomi dalam Islam iaitu:

1. Ekonomi fardhu kifayah
2. Ekonomi komersial
3. Ekonomi strategi

1. Ekonomi Fardhu Kifayah

Ini adalah ekonomi yang dibangunkan bukan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan material tetapi untuk melahirkan kehidupan Islam di kalangan masyarakat khususnya di bidang ekonomi dan untuk memenuhi keperluan hidup asas umat Islam. Walaupun akan menempuh kerugian material atau tidak untung, ekonomi fardhu kifayah wajib juga dibangunkan. Kalau tidak, maka seluruh umat Islam di kawasan, kampung atau taman berkenaan akan menanggung dosa. Namun demikian, tidak semestinya pula setiap ekonomi atau perniagaan fardhu

kifayah itu akan menghadapi kerugian. Ada juga yang beroleh keuntungan material walaupun ini bukan matlamat utama.

Contohnya, di dalam satu kawasan kampung atau taman di mana ramai penduduknya terdiri dari orang Islam tetapi tidak ada kedai runcit di mana penduduk boleh mendapatkan keperluan kehidupan harian hingga ini sangat menyusahkan mereka, atau mereka terpaksa pergi jauh untuk mendapatkan keperluan tersebut atau mereka terpaksa membelinya dari kedai runcit orang bukan Islam, maka fardhu kifayah hukumnya bagi umat Islam membuka kedai runcit di kawasan, kampung atau taman itu. Sekiranya ada orang Islam yang membukanya, maka terlepaslah semua penduduk Islam di tempat itu daripada dosa. Kalau tidak, berdosalah semua umat Islam di tempat itu kerana telah mengabaikan kewajipan fardhu kifayah.

Ekonomi fardhu kifayah mesti dibuat. Untung atau rugi, ia mesti ditegakkan. Kalau ekonomi fardhu kifayaah dilaksanakan atas sifat taqwa, ia tidak akan rugi.

2. Ekonomi Komersial

Ini adalah ekonomi yang berorientasikan keuntungan material, tetapi tetap dengan mematuhi adab-adab dan hukum-hakam berekonomi menurut Islam. Di antara beberapa tujuan ekonomi komersial adalah seperti berikut:

- a. Untuk mendapat untung bagi menyokong dan menguatkan ekonomi fardhu kifayah yang tidak berorientasikan keuntungan material dan untuk menyokong usaha-usaha khidmat dan kegiatan-kegiatan yang lain bagi keperluan dan kebaikan masyarakat Islam. Tidak perlulah umat Islam bergantung dengan pihak lain atau meminta-minta untuk kebajikan umat Islam sendiri. Ini menjatuhkan maruah dan kehormatan agama.
- b. Untuk mendapatkan kemudahan hidup atau kekayaan. Rasa ingin kaya itu adalah fitrah semulajadi manusia. Islam tidak melarang usaha umatnya hendak menjadi kaya asalkan ia tidak terkeluar dari batas-batas dan per-

aturan yang telah ditetapkan oleh Allah. Namun, orang kaya dalam Islam ada pula tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan negara. Tanggungjawab ini mesti dilaksanakan.

- c. Untuk memudahkan usaha menghadapi penentang-penentang agama dan kebenaran. Kecantikan sistem ekonomi Islam yang sesuai dengan fitrah manusia boleh membuatkan orang-orang bukan Islam tersentuh dan terpikat hingga mahu masuk ke dalam agama Islam.
- d. Untuk mengelak kekayaan alam semulajadi agar tidak jatuh ke tangan para penentang kebenaran atau ke tangan orang yang menderhaka kepada Allah kerana mereka akan menyalahgunakannya. Sedangkan jika kekayaan alam semulajadi tersebut dikendalikan melalui sistem ekonomi Islam, ianya akan dimanfaatkan dengan penuh cemas dan rasa tanggungjawab takut-takut ianya tidak dapat digunakan mengikut cara yang Allah mahu.
- e. Untuk membangunkan kemajuan dan peradaban Islam supaya umat Islam disegani, dihormati dan ditakuti oleh penentang-penentang kebenaran. Mereka akan jadi penaung dan pembela kepada umat-umat yang lain.
- f. Supaya kekuatan ekonomi berada di tangan umat Islam. Kekuatan ekonomi (kewangan) ialah kekuatan tambahan yang utama bagi umat Islam selepas iman, ukhwah dan kesefahaman dan keselarasan.
- g. Untuk menunjukkan syiar bahawa umat Islam rajin, kuat berusaha, berdikari, produktif dan sangat berbakti dan memberi manfaat kepada masyarakat dan manusia lain.

3. Ekonomi Strategi

Ini ialah ekonomi yang dibangunkan untuk maksud-maksud tertentu, sesuai dengan keadaan semasa dan tempat. Ekonomi strategi bukan untuk mendapat untung tetapi mungkin untuk maksud-maksud lain seperti berikut:

- a. Berniaga di satu tempat yang strategik dan boleh

menguntungkan untuk membiayai perniagaan di tempat lain yang perlu tetapi kurang menguntungkan.

- b. Untuk bersaing dengan peniaga-peniaga di tempat-tempat tertentu yang mengamalkan monopoli dan oleh sebab itu mereka meletakkan harga yang mahal dan menindas masyarakat.
- c. Untuk bersaing dan mencabar para peniaga yang menganiaya dan memerah masyarakat dengan membeli hasil keluaran mereka dengan harga yang murah kemudian diproses dan dijual semula di pasaran dengan harga yang mahal.

Tujuan ekonomi strategi ini tidak ada had dan batasnya. Ia mengikut keperluan dan boleh difikirkan.

SAJAK

1. MEMBANGUNLAH BERSAMA TUHAN

*Setiap usaha yang dibuat kerana Allah akan dicucuri
rahmat dan berkat oleh Allah*

*Kemajuan dan pembangunan yang dilakukan untuk
keredhaan Tuhan tidak ada saingen dan jatuh-
menjatuhkan*

*Setiap amalan yang ditunjang oleh Tuhan atau iman,
tidak ada perselisihan dan perbalahan*

Kalau ada sangat kurang

*Tamatun yang ditegakkan kerana keredhaan Tuhan
terlalu kurang side-effectnya yang negatif*

*Tamatun yang ditegakkan kerana nafsu side-effectnya
yang negatif sangat banyak*

*Seperti di dalam kemajuan di situlah maksiat, jenayah,
perbalahan, pergaduhan mungkin peperangan*

*Hingga kemajuan itu tidak sepadan dengan
risikonya yang akan ditanggung dan dibeban*



Ekonomi fardhu kifayah adalah ekonomi yang dibangunkan bukan dengan tujuan untuk mendapat keuntungan material tetapi untuk melahirkan kehidupan Islam di kalangan masyarakat khususnya di bidang ekonomi dan untuk memenuhi keperluan hidup asas umat Islam.



Ekonomi kormesial adalah ekonomi yang berorientasikan keuntungan material, tetapi mestilah tetap dengan mematuhi adab-adab dan hukum-hakam berekonomi menurut Islam.

*Perjuangan kerana takutkan Tuhan dan mencintai-Nya
kasih sayang sesama manusia akan terjalin*
*Perjuangan kerana merebut dunia dan kemegahan
dunia semata-mata tidak dapat dielakkan
dari jatuh-menjetuhkan*
*Rahsia perpaduan adalah takutkan Tuhan atau
cintakan Tuhan*
*Cintakan Tuhan tidak ada rebutan bahkan lahir kasih
sayang sesama makhluk Tuhan*
*Cintakan dunia berlaku rebutan,
jatuh-menjetuhkan, fitnah-memfitnah,
rasuah-merasuah, akibatnya parah*
*Oleh itu buatlah apa saja di muka bumi ini
tapi biarlah kerana Allah (Tuhan)*
*Membangun jangan tinggalkan Tuhan,
Tuhan berlepas tangan*
*Rujuklah kepada Tuhan apa sahaja masalah,
kerana Tuhan ada peranan*
*Apalah ertinya membangun, maju,
negara cantik dan indah kalau banyak jenayah,
banyak berbalah, banyak masalah*
*Kalau ada keamanan, keharmonian dan kebahagiaan
mundur sedikit pun tidak mencacatkan*
*Apalah ertinya kemajuan kalau di dalam negara penuh
dengan jenayah yang menakutkan*
*Manusia di dalam krisis dan berbalah
Ukhwah tidak ada, perpaduan renggang,
kasih sayang gersang*
*Kerana itulah di negara yang maju tapi Tuhan
ditinggalkan orang, ramai orang bunuh diri*
*Paling tidak ramai manusia yang kecewa dan putus asa
sekalipun mereka kaya*
*Janganlah tinggalkan Tuhan
Dia adalah sumber segala kebahagiaan
Tuhan adalah anak kunci
kasih sayang dan perpaduan*

2. PESANAN UNTUK ORANG KAYA

Hai! Orang-orang besar
Hai! Orang-orang kaya janganlah hidup sendiri-sendiri
Janganlah kamu hidup mementingkan diri
Lihat-lihatlah orang miskin
Perhati-perhatilah orang yang susah
Hibur-hiburkanlah mereka dengan bantuan dan pemurah
Legakanlah mereka sedikit dengan kemurahan Allah
yang ada padamu
Allah Taala akan tambahkan lagi kekayaanmu
Kalau engkau biarkan mereka, mereka susah
Ingatlah mereka itu ramai
Kalau mereka marah kamulah menjadi sasarnya
Mungkin kamu terancam oleh mereka di dalam
masyarakat
Mereka benci dengan kamu, mereka curi harta kamu
Mereka kidnap keluarga atau kamu
Siapa yang susah? Siapa yang tergugat?
Orang-orang kaya macam kamulah yang susah
Pemurah kamu itu membantu mengurangkan gejala
masyarakat
Pemurah kamu itu menjalinkan kasih sayang dengan
fakir dan miskin yang susah
Mungkin pemurah kamu itu, mereka mendoakan
keselamatan kamu
Keselamatan pun penting bukan kekayaan sahaja
yang penting
Jika keselamatan masyarakat selalu tergugat, kekayaan
sudah kurang memberi erti di dalam kehidupan
Pemurahlah, bahawa orang yang pemurah tidak akan
papa

• • • •

Sedarlah, wahai orang yang kaya
Dan orang yang berada

*Kekayaan yang ada pada dirimu
Kekayaan yang ada padamu
Adalah Tuhan yang punya
Pulangkan semula kepada hamba-hamba-Nya
Kamu tidak akan dihina
Bahkan kamu akan jadi orang yang mulia
Di sisi Allah dan manusia.*

• • • •



UKURAN KEJAYAAN DALAM BEREKONOMI MENURUT KEHENDAK TUHAN

KEJAYAAN PADA PANDANGAN ISLAM

Islam adalah cara hidup. Setakat mana kehendak Tuhan dapat dilaksanakan dalam cara hidup itu akan menentukan setakat mana keindahan dan keharmonian yang dapat dilihat dan dirasakan dalam cara hidup tersebut. Itulah juga ukuran kejayaan bagi sesuatu cara hidup. Iaitu setakat mana hukum-hakam dan kehendak Tuhan dapat dilaksanakan dan setakat mana Tuhan redha terhadap usaha kita itu.

Makna sebenar kejayaan ialah berjayanya seseorang atau sekelompok manusia dalam mendapat redha Allah atau berjayanya mereka dalam menegakkan peraturan-peraturan dan kehendak Allah dalam seluruh aktiviti hidup mereka.

Berekonomi adalah satu bahagian dari cara hidup. Oleh itu peraturan-peraturan dan kehendak Tuhan perlu dihidupkan dan diwujudkan dalam berekonomi. Inilah jalan untuk mendapat kejayaan. Sekiranya tidak, kejayaan dalam berekonomi tidak akan tercapai. Allah tidak akan redha dan natijah dari usaha ekonomi seperti itu akan menyusahkan, merosakkan dan menyakitkan kita kembali.

Menegakkan ekonomi ada dua cara. Satu ialah cara orang kafir. Hasilnya ialah istidraj. Kalau dengan cara orang kafir, lebih

baik tidak berjaya dari berjaya. Kerana kalau berjaya, berbagai-bagai maksiat akan berlaku. Akhirnya Tuhan murka. Kedua ialah cara orang mukmin. Berniaga dibuat atas dasar taqwa dan beribadah kepada Tuhan. Cara ini tidak ada *side-effect* dan tidak ada kesan negatif. Akan timbul perpaduan, keharmonian dan kasih sayang. Ia selamat dan menyelamatkan.

Pada ukuran Islam, kejayaan pada sistem ekonomi kapitalis bukan satu kejayaan. Kejayaan pada sistem ekonomi komunis juga bukan satu kejayaan. Kerana nilai dan ukurannya tidak sama. Pada Islam, kejayaan bersangkut dengan redha Allah. Pada sistem kapitalis dan komunis, ukurannya semata-mata pada nilai duniawi dan material yang tidak ada apa-apa nilai di sisi Tuhan.

Dalam Islam, berekonomi bukan untuk mengaut sebanyak-banyak untung hingga dapat menjadi kuasa ekonomi terbesar di dunia dan dapat mengalahkan dan menundukkan kuasa-kuasa ekonomi dunia yang lain. Sekiranya dalam usaha itu, hukum-hakam dan peraturan Allah tidak ditegakkan maka usaha itu dianggap gagal.

Islam tidak mengukur kejayaan dengan nilai material. Kalau ada pun kejayaan material, ia diukur dengan kemurnian rohani. Kejayaan material yang tidak disertakan dengan kemurnian rohani dianggap satu kegagalan.

Walaupun dalam mengusahakan sebuah kedai runcit yang bermodalkan RM1000, tetapi hukum-hakam Tuhan dapat dilaksanakan dari segi lahir dan batinnya seperti solat tidak ditinggalkan, dapat berkasih sayang, dapat mengelak dari riba dan sebagainya, maka ini adalah merupakan satu kejayaan. Kalaupun mampu membuka pasaraya atau pasarmega yang bermodalkan RM1 juta atau lebih tetapi hukum-hakam Allah tidak ditegakkan seperti tidak bersolat, menjual benda-benda yang haram, terlibat dengan riba dan ada pergaulan bebas lelaki perempuan yang ajnabi dan sebagainya, maka ini adalah satu kegagalan. Ramai manusia berjaya membuat pembangunan material tetapi gagal dalam menegakkan syariat Tuhan.

SEBAB-SEBAB KEJAYAAN

Segala kejayaan yang dicapai oleh manusia adalah pemberian dan kurniaan Allah. Ia bukan dari hasil usaha manusia itu sendiri. Usaha manusia tidak memberi bekas dan tidak memberi apa-apa kesan.

Sebab-sebab kejayaan pula ada yang lahir dan ada yang batin. Ada yang terang dan ada yang tersembunyi. Ada yang tersurat dan ada yang tersirat. Ada sebab-sebab yang dapat dilihat dan ada yang tidak dapat dilihat. Ada sebab-sebab yang logik dan ada yang tidak logik atau tidak masuk akal.


Tuhan memberi kejayaan di atas empat dasar iaitu:

1. Atas dasar taqwa
2. Atas dasar berkat
3. Atas dasar istidraj (kutukan)
4. Atas dasar quwwah (kekuatan lahir)

1. Atas dasar taqwa

Di dalam berekonomi, ditegakkan apa yang Allah suruh dan ditinggalkan apa yang Allah larang. Tidak lalai dari mengingati Tuhan dan membuat ibadah-ibadah yang fardhu dan sunat. Sentiasa rasa bertuhan dan rasa kehambaan. Rasa bertuhan itu ialah seperti merasakan Tuhan itu Maha Hebat, Maha Perkasa, Maha Kaya, Maha Mengetahui dan sebagainya. Rasa kehambaan itu ialah merasakan diri hina, lemah, kerdil dan berdosa di hadapan Tuhan. Sentiasa cemas, takut dan bimbang. Sangat bergantung harap dengan Tuhan. Sangat menjaga diri dari terbuat maksiat lahir dan batin.

Kejayaan atas dasar taqwa ini, ia selamat dan menyelamatkan. Allah SWT ada berfirman:



Maksudnya: "Allah itu pembela bagi orang-orang yang bertaqwah." (Al Jasiyah: 19)

2. Atas dasar berkat

Kejayaan yang Tuhan bagi atas dasar berkat orang lain seperti guru atau kerana satu amalan yang dipandang besar oleh Tuhan. Termasuk juga orang yang taat kepada ibu bapanya yang soleh atau orang yang didoakan oleh orang yang soleh atau orang yang membantu perjuangan yang hak yang diperjuangkan oleh orang-orang yang soleh. Atau orang yang berbakti kepada anak-anak yatim dan fakir miskin. Dalam Hadis ada menyebut yang bermaksud:

"Dengan sebab mereka, orang lain diberi pertolongan."

Kejayaan atas dasar berkat ini belum tentu selamat dan belum tentu menyelamatkan.

3. Atas dasar istidraj

Kejayaan yang Allah bagi kerana Allah terlalu murka disebabkan kezaliman, kekufuran atau kederhakaan seseorang atau sesuatu kelompok. Agar mereka tertipu dengan kejayaan itu dan terus tenggelam dalam kezaliman, kekufuran dan kederhakaan itu, hingga mereka mati dalam kejahatan mereka itu. Di Akhirat, mereka dijerumuskan ke dalam api Neraka, *wal'iyazubillah*.

4. Atas dasar quwwah

Kejayaan atas dasar kekuatan lahir atau material seperti wang ringgit, ilmu, kesihatan tubuh badan, sains dan teknologi, pandai berstrategi dan lain-lain. Kejayaan ini Tuhan bagi sesuai dengan usaha dan kemampuan yang wujud. Inilah bentuk kejayaan yang lumrah berlaku kepada setiap kaum dan bangsa. Tetapi kalau terlalu yakin usaha mereka atau kekuatan lahir mereka lah yang menghasilkan kejayaan, mungkin kejayaan itu akan disertakan juga dengan istidraj.

SIAPA YANG LAYAK MENCETUSKAN KEJAYAAN

Berasaskan kepada empat dasar kejayaan seperti yang disebut di atas, dan kepada bentuk kejayaan yang diterima dan diakui oleh Islam, maka jelas bahawa orang yang layak dan mampu

untuk mencetuskan kejayaan sepertimana yang Tuhan mahu bukanlah sembarang atau calang-calang orang. Dia mestilah orang yang telah dididik hingga menjadi seorang yang benar-benar beriman serta kenal, cinta dan takut kepada Allah. Dia mestilah seorang yang bertaqwa. Setidak-tidaknya dia mestilah seorang yang telah terbina insaniahnya iaitu terbina akalnya, terbina rohnya, terbina dan terpimpin nafsunya dan terbina fizikalnya. Dia mestilah seorang yang mempunyai peribadi yang agung iaitu seorang yang sangat yakin kepada Allah yang sangat kuat pergantungannya kepada Allah dan yang sangat tajam sifat-sifat hambanya.

Kalau hendak dinisbahkan kepada bangsa pula, bangsa yang layak dan mampu mencetuskan kejayaan mestilah bangsa yang agung. Iaitu bangsa yang berjiwa besar, berwibawa dan bertamadun. Bangsa yang maju, dihormati dan disegani iaitu bangsa yang telah mampu menegakkan kejayaan atau tamadun rohaniah terlebih dahulu. Kerana kejayaan atau tamadun lahiriah yang diterima dan diakui oleh Tuhan hanyalah kejayaan atau tamadun lahiriah yang terdorong dan tercetus hasil dari tamadun rohaniah.

Sejarah telah membuktikan bahawa para Sahabat yang menegakkan syariat dan tamadun Islam di era Madinah adalah para Sahabat yang telah dididik dan dibangunkan insaniah mereka oleh Rasulullah SAW selama 13 tahun di era Makkah. Mereka sangat kenal, cinta dan takut Tuhan dan sangat bertaqwa sebelum mereka diperintahkan membangunkan syariat. Ini termasuklah Sayidina Abdul Rahman bin Auf yang telah diarahkan oleh Rasulullah untuk menegakkan ekonomi Islam di Madinah hingga kaum Yahudi terpaksa gulung tikar.

Kejayaan atas dasar taqwa adalah kejayaan di dunia dan di Akhirat dan mendapat keredhaan Allah SWT. Ia adalah kejayaan yang selamat dan menyelamatkan. Kejayaan atas dasar taqwa ini jarang berlaku di peringkat global kecuali terjadi sekali-sekala dalam sejarah. Ia hanya banyak berlaku secara kecil-kecilan.

Di dalam kejayaan berdasarkan taqwa ini, syariat Islam dapat dibangunkan, pendokong-pendokongnya tawadhuk dan

merendah diri, kemakmuran yang dicapai dapat dimanfaatkan oleh manusia umum, baik yang Islam ataupun tidak. Penzaliman dan penindasan tidak wujud. Tanda-tanda kesyukuran dapat dilihat di mana-mana. Allah Taala dibesarkan melalui ibadah dan kekayaan digunakan untuk *fisabilillah*, untuk masyarakat dan untuk berkhidmat kepada sesama manusia.

Di dalam kejayaan berdasarkan taqwa, tertegak tamadun material yang melambangkan kebesaran Tuhan. "Ayatullah" atau tanda-tanda kebesaran Allah dapat dilihat di dalam kesemua kejayaan yang dicetuskan oleh orang-orang yang cinta dan takutkan Tuhan. Makin maju tamadun material, manusia semakin malu dan tawadhus dengan Tuhan.

Berkat dan rahmat Tuhan nampak nyata. Di mana-mana orang berkasih sayang, berukhwah, bermesra, saling tolong-menolong dan bantu-membantu, suka mendahulukan orang lain, bersopan santun dan berakhhlak tinggi. Masyarakat hidup aman damai dan penuh harmoni.

Sebaliknya, kejayaan yang diperolehi melalui quwwah dan istidraj, kerosakannya amat banyak. Para pendokongnya kebanyakannya sompong dan angkuh. Mereka melakukan penzaliman dan penindasan terhadap manusia terutama terhadap musuh-musuh-Nya dan orang-orang yang tidak disukainya.

Kesenangan dan kemewahan hanya untuk golongan yang tertentu sahaja. Syariat Tuhan ditentang atau diabaikan. Pejuang-pejuang kebenaran ditentang dan disusah-susahkan. Orang miskin terbiar, tidak ada yang mempedulikan. Orang-orang kaya membazir dan membuang wang dan harta sesuka hati. Curiga-mencurigai, tipu-menipu dan diskriminasi menjadi amalan hidup.

Manusia lalai. Tidak bersolat, tidak berzakat, tidak berpuasa dan lain-lain. Manusia hidup nafsi-nafsi, tidak mempedulikan orang lain. Perpecahan menjadi-jadi. Berlaku rompakan, kecurian, zina, rogol bahkan bunuh-membunuh. Masyarakat kacau-bilau dan huru-hara. Kemajuan dan kejayaan akhirnya tidak ada makna apa-apa.



Berekonomi adalah satu bahagian dari cara hidup. Oleh itu peraturan-peraturan dan kehendak Tuhan perlu dihidupkan dan diwujudkan dalam berekonomi. Inilah jalan untuk mendapat kejayaan.



Allah bagi kejayaan dalam berekonomi tetapi atas dasar istidraj adalah kerana Allah terlalu murka disebabkan kezaliman, kekufturan atau kederhakaan seseorang atau sesuatu kelompok, agar mereka tertipu dengan kejayaan itu.

Dalam kejayaan yang diperolehi melalui quwwah dan istidraj, tertegak tamadun material yang melambangkan keangkuhan manusia. Manusia megah, merasa hebat dan menganggap segala kejayaan yang dicapai adalah dari hasil usaha dan kepandaian mereka sendiri. Mereka menjadi angkuh dan sombong dan mereka tidak bersyukur.

SAJAK

1. KEMENANGAN ATAS DASAR QUWWAH

*Apabila satu bangsa itu mendapat kemenangan atas dasar quwwah (kekuatan lahir)
Kerana usaha dan tenaga
Ia mendapat kejayaan secara istidraj
Side-effectnya yang negatif terlalu banyak
Akan berlaku kezaliman dan kesombongan terhadap musuhnya
Kemungkaran dan maksiat merata negara secara menjolok mata
Berlakulah hasad dengki, jatuh-menjatuhkan dan perpecahan
Bangsa dan negara maju tetapi tidak ada keindahannya
Negara cantik tetapi rakyat hidup di dalam kebimbangan dan ketakutan
Ukhwah dan kasih sayang hilang
Lahirlah budaya ampu-mengampu, jatuh-menjatuhkan
Hidup berpura-pura kerana manusia tidak boleh dipercayai
Masyarakat huru-hara, disiplin hidup tidak ada
Jenayah berleluasa, zina, rogol, bunuh perkara biasa
Akhirnya kejayaan itu tidak mempunyai erti apa-apa
Kemajuan yang dapat membawa bala dan berbahaya
Kemudian semua golongan pening kepala, inginkan pembelaan
Manusia hidup tidak ada ceria*

Bahkan ramai yang kecawa
Banyak yang sakit jiwa dan putus asa

2. KEMENANGAN ATAS DASAR TAQWA

Apabila satu bangsa itu mendapat kemenangan atas dasar taqwa
Kerana menjadikan Allah itu matlamat hidup mereka
Allah adalah cinta agung yang disembah dan dipuja
Kerana sangat membaiki diri dan membersihkan jiwa
Maka lahirlah kemajuan dan tamadun
Berkat dan rahmat melimpah ruah merata negara
Hingga orang kafir pun mendapat untung sama
Rezeki dimurahkan, kemakmuran luar biasa
Tidak tahu mana puncanya
Side-effectnya adalah positif
Rakyat berkasih sayang sesama mereka
Mereka hidup hormat-menghormati
Bertolong bantu, bekerjasama jadi budaya
Manusia pemurah, suka memberi dan membantu
Para pemimpin dan orang kayanya tawadhus
Ulama merendah diri dan menjadi obor kepada masyarakatnya
Kemungkaran dan maksiat terang-terangan tidak kelihatan
Jenayah terlalu kurang
Hidup penuh aman damai dan harmoni
Hingga rakyat hidup di dalam bahagia dan ceria
Kebimbangan dan ketakutan tidak ada
Ramai rakyat yang bersyukur
Beginilah kalau sesuatu bangsa itu mendapat kemenangan atas dasar taqwa
Tapi ini berlaku di dalam sejarah
Beratus tahun sekali
Kita harap ia akan datang atau terjadi sekali lagi di zaman kita ini



BAB
6

MENGAPA UMAT ISLAM GAGAL DALAM MENEGAKKAN EKONOMI

Umat Islam gagal kerana tidak mengikut kehendak Tuhan dan kehendak Islam dalam berekonomi. Mereka berekonomi mengikut cara orang kafir. Cara orang kafir adalah untuk orang kafir. Kalau orang kafir buat ikut cara orang kafir, mereka mungkin akan berjaya. Namun kejayaan mereka itu hanya kejayaan lahiriah dan material semata-mata. Ia adalah istidraj. Ia rosak dan merosakkan. Mereka nampak maju tetapi di dalam kemajuan itu mereka menderita, terseksa dan terhina.

Umat Islam tidak boleh ikut cara orang kafir. Kalau ikut juga, tidak akan berjaya. Tuhan tidak akan benarkan ianya berjaya. Umat Islam mesti berekonomi secara Islam dan mengikut cara yang Tuhan mahu iaitu dengan berasaskan taqwa. Cara taqwa penuh rahmat dan berkat. Ia selamat dan menyelamatkan. Dalam berekonomi, ada nilai dunia dan ada nilai Akhirat. Ada untung dunia dan ada untung Akhirat. Tuhan pun akan turut membantu.

KEJAYAAN MESTILAH BERASASKAN TAQWA

Allah SWT menjanjikan melalui lidah Rasulullah SAW bahawa 90% keuntungan adalah dari bermula. Adakah ini berlaku untuk semua orang yang bermula? Tidak. Janji ini hanya untuk

orang-orang yang menjaga syariat dalam perniagaan. Kerana mereka itulah orang-orang yang bertaqwa. Janji ini hanya untuk orang-orang yang bertaqwa. Orang-orang yang menjaga syariat dalam berekonomi dan berniaga adalah orang-orang yang bertaqwa. Itu termasuk sifat-sifat taqwa. Itulah yang dimaksudkan dengan ‘ittaqlullah’.

Janji Tuhan pada orang-orang yang bertaqwa, satu dibayar 10. Ertinya bantuan Tuhan kepada orang-orang bertaqwa itu 9 kali ganda. Sebab itu, kalau sesiapa berniaga mengikut syariat, insya-Allah perniagaan tidak akan rugi, sebab dia telah bangunkan taqwa.

Orang bertaqwa diberi bantuan oleh Tuhan 90%. Maksudnya, kalau orang bukan Islam ingin membuat ‘sesuatu’ projek yang memakan masa 10 hari, orang bertaqwa hanya memerlukan satu hari. Kalau orang lain memerlukan 10 orang tenaga, orang bertaqwa hanya perlu satu orang. Kalau orang perlukan modal RM10,000, orang bertaqwa perlu RM1000 sahaja.

Sebab itu, walaupun Rasulullah SAW hanya memimpin orang-orang Badwi yang buta huruf, yang tidak boleh membaca dan menulis, tetapi dengan taqwa bukan sahaja bangsa itu telah menjadi bangsa yang berdaulat tetapi telah menjadi sebuah empayar dunia. Jadi soal taqwa ini bukan soal ilmu tetapi yang terpenting ialah perlaksanaan dalam kehidupan, termasuklah dalam bidang ekonomi. Sebab itu, kalau kita berekonomi, kemudian rugi atau jatuh, mesti ada perkara yang tidak sesuai dengan taqwa. Sebab Tuhan telah berjanji akan bagi bantuan 90%. Bagaimana boleh rugi?

Sebab itu mesti buat semakan, penilaian semula atau *post-mortem*. Mesti buat muhasabah. Mungkin ada syariat Tuhan yang telah diabaikan atau yang tidak ditegakkan. Mungkin ada terbuat dosa atau kemungkaran yang menyebabkan Tuhan tidak bantu dan perniagaan mengalami kerugian.

Janji Tuhan memberi 90% bantuan bukan hanya di bidang ekonomi dan perniagaan. Ia juga berlaku di bidang-bidang yang lain. Tetapi kalau kita cari kejayaan melalui usaha lahir

semata-mata tanpa usaha yang kedua iaitu melalui taqwa, kita hanya akan dapat 10% kejayaan. Usaha lahir sekutu manapun, hanya akan dapat 10% kejayaan maksimum. Itupun kalau tidak ada ujian atau gangguan. Kalau diuji, diganggu atau dicabar oleh Jepun, Amerika, Yahudi, Korea dan lain-lain, mungkin kejayaan secara usaha lahir akan menurun sampai 1% sahaja.

Itulah rahsia yang kita patut tahu. Walaupun umat Islam sudah merdeka berpuluhan-puluhan tahun, tetapi belum dapat mengatasi orang-orang kafir. Untuk sekadar berdaulat, menjadi pemegang tampuk ekonomi dalam negara sendiri pun tidak dapat, apalagi untuk menjadi empayar Islam. Sebahagian negara umat Islam, walaupun sudah 100 tahun merdeka seperti Mesir dan lain-lain termasuk Pakistan, tidak juga dapat menegakkan syariat Islam. Sebab dari dua jalan yang ada, ditempuhi satu jalan sahaja iaitu jalan lahir yang hanya menjanjikan 10% kejayaan. Itu pun kalau tidak dicabar. Kalau dicabar, mungkin tinggal 1% sahaja.

Umat Islam memberi tumpuan kepada wang, aset, tenaga, kepakaran dan lain-lain faktor lahiriah. Sedangkan satu lagi laluan yang Tuhan sediakan kejayaan 90% iaitu melalui jalan taqwa diabaikan dan tidak diambil peduli. Ini yang jadi masalah. Ulama pun sudah tidak faham tentang perkara ini. Sayang, bantuan 90% yang Tuhan janjikan seolah-olah kita sudah tolak. Umat Islam macam tidak tahu bahawa jalan usaha lahir ialah jalan orang kafir. Jalan umat Islam ialah melalui taqwa.

Sebab itu, kalau kita lihat sejarah salafussoleh iaitu di zaman sekitar 300 tahun selepas wafat Rasulullah dan juga di zaman Salahuddin Al Ayubi dan di zaman Muhammad Al Fateh, khawariqul 'adah atau bantuan-bantuan Tuhan yang dikatakan karamah itu menjadi budaya mereka. Ia berlaku setiap hari.

Contoh, kalau di bidang perniagaan, barang yang berharga RM1, orang beli dan rela bayar RM10. Ini perkara biasa. Ia bukan berlaku setahun sekali tetapi setiap hari dalam sistem taqwa ini.

Di bidang pertanian terjadi juga hal-hal yang luar biasa.

Orang bukan Islam bertani satu ekar katalah dapat hasil 20 guni. Insya-Allah di atas tanah satu ekar juga, orang bertaqwa dapat 40 guni. Ini perkara biasa. Ia bukan perkara yang berlaku dua tiga tahun sekali tetapi setiap musim.

Di bidang pendidikan juga serupa. Kalau dulu, satu dua patah tok guru cakap, orang taat. Taat dengan Allah, taat dengan Rasul, taat dengan tok guru dan taat dengan mak ayah. Datang 90% bantuan Tuhan di bidang pendidikan. Anak-anak mudah diajar dan mudah dibentuk.

Hari ini, di dalam pendidikan, makin diajar, murid semakin derhaka. Makin lawan tok guru, makin lawan mak ayah. Kenapa? Kerana umat Islam telah menutup pintu yang Tuhan kata di sana ada bantuan 90% iaitu pintu taqwa. Inilah rahsia dan kuncinya. Hari ini orang sebut juga taqwa tetapi ia hanya istilah yang dijadikan slogan. Orang tidak faham dan tidak mengamalkannya.

Ini satu konsep baru atau satu anjakan paradigma yang umat Islam harus faham dan yakin. Berekonomi dan berniaga bermodalkan taqwa itu, pulangannya Allah yang jamin. Ini tidak boleh diakal-akalkan. Ini janji Tuhan. Ekonomi bermodalkan taqwa ini lebih hebat dari ekonomi kapitalis atau sistem-sistem ekonomi yang lain. Malahan ia mampu membunuh sistem ekonomi yang lain itu.

Sejarah telah memaparkan kepada kita bagaimana ekonomi taqwa ini telah membunuh ekonomi bangsa Yahudi di Madinah yang telah wujud selama beratus-ratus tahun hasil usaha Sahabat bernama Abdul Rahman bin Auf.

BAGAIMANA MENGUSAHKAN TAQWA

Jalan lahiriah yang Tuhan janjikan bantuan 10% itu ialah dengan mengusahakan kekuatan-kekuatan lahir seperti duit, aset, tenaga pekerja, ilmu, kepakaran dan sebagainya.

Di atas jalan taqwa yang Tuhan janjikan bantuan 90% itu, kita usahakan perkara yang nampaknya tidak ada sangkut-paut

langsung dengan ekonomi atau perniagaan. Itu sebab orang ramai tidak faham dan tidak buat.

Jalan taqwa ini termasuklah mengusahakan solat atau sembahyang cukup lima waktu sehari semalam. Meningkatkan khusyuk dalam solat. Memperbaiki diri. Bermujahadah melawan hawa nafsu, membuang dan mengungkai segala sifat mazmumah dari hati dan memperhiaskan hati dengan segala sifat-sifat mahmudah yang terpuji. Kemudian dalam berekonomi dan berniaga, membina sifat sabar, tolak ansur, berkasih sayang, bekerjasama, maaf-bermaafan, pemurah, memberi hutang kepada yang memerlukan dan sebagainya. Usaha-usaha batiniah seperti ini tidak nampak ada sangkut-pautnya dengan perniagaan. Itulah sebab agaknya orang susah hendak faham. Namun di atas perkara-perkara inilah Allah memberi bantuan dan menurunkan rahmat dan berkat-Nya.

MENAGIH BANTUAN TUHAN DALAM BEREKONOMI

Kita yakin bahawa usaha manusia tidak memberi bekas. Yang memberi bekas ialah Allah. Usaha manusia itu hanya pencetus atau penyebab dan ianya diperintah oleh Allah. Di situlah manusia bergiat dan mencetuskan usaha lahir. Di situlah letaknya ruang lingkup ibadah bagi manusia untuk dinilai dan diberi pahala oleh Allah.

1. Menagih bantuan Tuhan melalui doa

Dalam apa hal dan apa keperluan sekalipun, kita meminta kepada Tuhan. Tuhanlah tempat meminta. Tuhanlah yang akan memberi atau tidak memberinya. Dalam meminta pada Tuhan itu, ada dua cara. Satu ialah berdoa secara spiritual atau secara khusus iaitu kita memohon terus dari Tuhan. Kedua ialah berdoa secara praktikal iaitu kita buat usaha lahir ke arah apa yang kita mahu dan apa yang hendak kita capai. Usaha lahir itu hakikatnya ialah doa. Usaha itu sendiri tidak memberi bekas. Ia penguat doa. Ia untuk membuktikan kepada Tuhan yang

kita betul-betul serius dan mahukan apa yang kita doakan itu. Kedua-dua doa, secara spiritual dan doa secara praktikal ini, kalau cukup syarat-syaratnya, ia adalah ibadah.

Dalam berdoa, kita mesti bersungguh-sungguh dan mesti ikut adab-adabnya tidak kira sama ada doa spiritual ataupun doa praktikal. Lagi bersungguh-sungguh kita berdoa, lagi besar peluang Tuhan akan makbulkan.

2. Menagih bantuan Tuhan melalui taqwa

Kalau seseorang itu hanya setakat Islam, sukar untuknya mendapat bantuan Tuhan. Kerana Tuhan tidak menjamin atau menjanjikan apa-apa kepada orang yang hanya setakat Islam. Namun Tuhan menjanjikan berbagai-bagai perkara untuk orang-orang yang bertaqwa. Allah berfirman:

وَاللَّهُ وَلِيُ الْعِنْفَوْنَ

Maksudnya: "Allah itu pembela bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah: 19)

وَمَنْ يَتَوَقَّعُ اللَّهَ بِجَعْلِهِ مُخْرِجًا ۝ وَنِرْزَقَهُ مِنْ حِيتَنَ
لَا يَحْسِبُ ۝

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya dia diberi jalan keluar dan diberi rezeki dari sumber-sumber yang tidak diduga." (At Thalaq: 2-3)

وَلَوْا نَ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ، أَمْتُوا وَأَشْفَوْا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ
مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۝

Maksudnya: "Kalau penduduk satu kampung itu beriman dan bertaqwa, Kami (Allah) akan bukakan barakah dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Oleh itu, kita mesti usahakan taqwa dalam berekonomi seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

3. Menagih bantuan Tuhan melalui wasilah

Melalui wasilah itu ialah melalui perhubungan atau perantaraan atau apa yang dikatakan tawasul. Kita rujuk kepada doa yang kita baca selepas azan yang berbunyi: “*Aati Sayyidina Muhammad wasila*”, yang bermaksud, “Wahai Tuhan, Engkau jadikanlah Nabi Muhammad itu wasilah kami.”

Maksud doa ini ialah kita minta kepada Tuhan supaya Nabi Muhammad itu menjadi wasilah kita sebab belum tentu Rasulullah mahu jadi wasilah bagi kita. Walaupun Rasulullah itu memang berperanan sebagai wasilah (penghubung atau perantara) kita dengan Tuhan tetapi belum tentu dia mahu jadi penghubung untuk semua orang. Ada orang dia tolak dan tidak mahu jadi penghubung baginya. Rasulullah hanya mahu jadi wasilah bagi orang-orang soleh. Ini yang kita takut. Oleh itu kita berdoa secara khusus agar Tuhan jadikan Rasulullah itu wasilah bagi kita.

Wasilah itu pula, ada wasilah lahir dan ada wasilah batin. Wasilah lahir adalah Rasulullah itu mendapat wahyu dari Allah dan disampaikannya wahyu itu kepada kita. Ertinya dia jadi orang tengah. Termasuk juga wasilah lahir ialah Rasulullah belajar dengan Allah bagaimana hendak berakhhlak, bagaimana hendak hidup cara Islam. Kita tengok dan kita tiru dia. Kita jadikan dia contoh. Maknanya, ketika itu dia jadi wasilah kita.

Wasilah batin pula ialah wasilah yang bersifat rohaniah. Pertama, Rasulullah itu perlu kita kaitkan di dalam semua ibadah atau doa kita. Ini termasuklah sembahyang. Kalau tidak, ibadah dan doa tidak sampai kepada Tuhan. Dalam kalimah syahadah pun ada syahadah Allah dan ada syahadah Rasul. Kalau tidak ada syahadah Rasul, maka tidak sah syahadah. Dalam berdoa, kita disuruh bermula dengan selawat dan disudahi dengan selawat di samping tahmid. Kedua, Rasulullah itu dengan izin Tuhan boleh membantu dan menolong kita

secara rohaniah. Walaupun dia telah wafat tetapi rohnya adalah mukhaddasah (suci) dan boleh berperanan.

Roh yang suci itu berperanan dan aktif. Bila sudah wafat, roh itu menjadi lebih aktif. Sama ada kita minta atau tidak, dia boleh datang. Betapalah kalau kita panggil dan minta tolong. Roh yang suci ini boleh menolong dalam berbagai bentuk sama ada secara lahir atau fizikal ataupun secara maknawiyah.

Contohnya: kalau rumah kita terbakar, kita boleh cakap, "Ya Rasulullah, tolong padamkan api rumah ini," atau kalau kita dikejar harimau, kita boleh kata, "Ya Rasulullah, tolong halau harimau ini." Ini bantuan berbentuk lahiriah. Bantuan yang berbentuk batin atau rohaniah pula seperti kita meminta Rasulullah tolong kita untuk bermujahadah melawan hawa nafsu. Atau kita minta Rasulullah tolong agar kita dapat memiliki sifat taqwa. Dalam soal wasilah ini, kita boleh minta bantuan lahir dan kita juga boleh minta bantuan rohaniah atau batin.

Di samping Rasulullah SAW, pemimpin yang berwatak rasul atau mujaddid di setiap zaman itu adalah juga sebagai wasilah. Mereka itu ditunjuk oleh Allah. Sepertimana juga Rasulullah SAW, kita boleh panggil mereka dan minta tolong sama ada mereka masih hidup ataupun sudah wafat.

4. Menagih bantuan Tuhan melalui ibadah-ibadah yang tertentu

Banyak ibadah yang kita buat yang boleh mendatangkan kasih sayang dan belas kasihan Tuhan. Melalui ibadah-ibadah tersebut, Tuhan bantu kita dan Tuhan campurtangan dan per mudahkan urusan kita. Melalui ibadah-ibadah tersebut, Tuhan jauhkan bala bencana dari kita. Melalui ibadah-ibadah tersebut, Tuhan ampunkan dosa-dosa kita. Inilah ibadah-ibadah yang patut kita amalkan secara istiqamah sebagai tambahan kepada ibadah-ibadah yang asas. Ibadah-ibadah ini termasuklah:

1. Selalu bertaubat
2. Tebus dosa (mengiringi dosa dengan kebajikan)

3. Sembahyang malam
4. Sembahyang hajat
5. Zakah (bersedekah) dan bersikap pemurah
6. Bermaaf-maafan (meminta dan memberi maaf)
7. Berkasih sayang dan berpadu
8. Menjauhi dosa dan maksiat

SAJAK

1. TAQWA DALAM BERJUANG

*Taqwa adalah aset bagi dunia dan Akhirat
Sumber bantuan, sumber rezeki, sumber kemenangan
Kalau ingin musuh dikalahkan
Baikilah diri untuk mendapat ketaqwaan
Taqwa lebih tajam daripada pedang
Membaliki diri lebih canggih dari senjata moden
Di dalam perjuangan, bukan senjata persiapan utama
Walaupun senjata disuruh mengadakannya
Membaliki diri lebih utama melakukannya
Di dalam berhadapan dengan musuh
Taqwa adalah senjata ghaib yang tidak nampak
dipandang
Ia lebih berkesan daripada senjata lahir yang tajam
Tapi umat Islam di dalam perjuangan
Sudah ramai yang melupakannya
Di dalam berjuang dosa juga dilakukannya
Jika dosa telah berlaku dalam perjuangan,
ternafilah ketaqwaannya
Allah pun akan berlepas diri
Hadapilah musuh dengan diri sendiri
Biasanya senjata lahir musuh lebih baik
dan canggih dari umat Islam
Bagaimanalah hendak mendapat kemenangan
di dalam perjuangan*

*Kedua-dua senjata tidak dimiliki
Baik senjata rohani maupun senjata lahir
Begitu juga doa-doa adalah senjata orang mukmin
Lebih-lebih lagi di masa berjuang
Ia bukan menjadi senjata umat Islam
Orang mukmin dengan orang Islam
jauh sangat bezanya
Orang mukmin rasa bertuhan menghayati jiwanya
Oleh itu usahakan ketaqwaan, terutama
di dalam perjuangan
Ia adalah senjata yang paling ampuh dan tajam
Awasilah dalam perjuangan dari membuat dosa
dan kesilapan
Kerana ialah bantuan Allah tidak datang
Kita akan kecundang dan menerima nasib malang*



KE ARAH MEMBINA BANGSA YANG AGUNG

KEKUATAN SESUATU BANGSA

Sistem ekonomi menurut kehendak Tuhan ini bukan mudah untuk dicapai. Tidak semua orang boleh dan mampu menegakkannya. Pendokong-pendokongnya mestilah orang-orang yang mempunyai peribadi yang agung iaitu orang-orang yang kenal, cinta dan takut dengan Tuhan. Mereka mestilah orang-orang yang bertaqwa, khusuk dan mempunyai jiwa tauhid yang sangat mendalam. Kalau tidak, mereka tidak akan mempunyai kekuatan dan Allah tidak akan membantu mereka.

Di dalam sejarah tamadun manusia, ada bangsa-bangsa yang telah menempa sejarah yang agung ini. Bangsa-bangsa itu dianggap agung kerana kedudukan dan martabat mereka yang jauh lebih tinggi dari bangsa-bangsa lain yang sezaman dengan mereka. Mereka itu agung kerana mereka:

1. Bangsa yang berjiwa besar.
2. Berwibawa.
3. Bertamadun.
4. Disegani.
5. Dihormati.
6. Maju.

7. Mengatur.
8. Banyak memberi khidmat kepada bangsa lain.

Bangsa-bangsa yang lemah dan mundur mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat negatif yang menyebabkan mereka itu tidak boleh maju dan ketinggalan dari bangsa-bangsa lain. Di antara ciri-ciri dan sifat-sifat tersebut adalah seperti berikut:

1. Pemalas.
2. Berjiwa kecil.
3. Penakut.
4. Suka meminta-minta (bantuan dan subsidi).
5. Lemah jiwa. Mudah putus asa dan kecewa.
6. Tidak ada keyakinan diri.
7. Tidak ada cita-cita untuk bangsanya. Mereka hanya ada cita-cita peribadi, untuk hidup senang dan untuk makan sendiri sama ada pemimpin dan orang besarnya ataupun rakyatnya.

Bangsa-bangsa yang kuat dan agung pula mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang jauh berbeza. Mereka sebaliknya mempunyai berbagai-bagai sifat positif yang dapat memberi kekuatan kepada mereka. Sifat-sifat itu termasuklah:

1. Rajin.
2. Berjiwa besar.
3. Berani.
4. Tidak suka meminta-minta dan sangat berdikari.
5. Kuat jiwa. Tidak mudah putus asa atau kecewa.
6. Yakin diri.
7. Ada cita-cita untuk bangsanya, sama ada cita-cita itu pada pemimpin, pada orang besarnya atau pada rakyatnya.

Di samping sifat-sifat di atas, ada lagi sifat-sifat positif yang sangat meneguhkan dan menguatkan peribadi mereka. Ini termasuklah sifat-sifat:

1. Berdisiplin
2. Sabar

Agungnya peribadi itu pula dapat dilihat pada:

1. Akhlaknya.
2. Imannya.
3. Keyakinannya.
4. Disiplin hidupnya.
5. Kebersihan hatinya.
6. Jauhnya mereka daripada melakukan maksiat dan dosa.
7. Kemas syariatnya.

Bukan mudah untuk mengubah bangsa yang lemah dan mundur supaya menjadi bangsa yang kuat dan agung. Segala ciri dan sifat-sifat mereka itu perlu diubah. Sifat pemalas mesti diubah menjadi rajin. Jiwa yang kecil mesti diubah menjadi jiwa yang besar. Sifat suka meminta-minta dan sentiasa mengharapkan bantuan dan subsidi, mesti dikikis dan dibuang. Mesti ditanam sifat berdikari. Jiwa yang lemah mesti dikuatkan. Tidak boleh ada kecewa dan putus asa. Sifat penakut mesti ditukar kepada sifat berani. Mereka mesti kuat keyakinan. Cita-cita bangsa perlu ditanam di dalam hati sanubari setiap anak bangsa. Sifat suka mementingkan diri dan bekerja hanya untuk keseanagan diri sendiri mesti dihapuskan. Ini sesuai dengan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya: "Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu mengubah apa yang ada dalam diri (hati atau jiwa) mereka." (Ar-Ra'd:11)

PENDIDIKAN ITU MELALUI IBADAH

Untuk mendapatkan sifat-sifat yang agung ini bukanlah sesuatu yang senang. Perlu ada pemimpin yang mendidik ke arah itu.

Kalau tidak ada pemimpin yang mendidik, ia mustahil boleh berlaku.

Pemimpin itu pula tidak boleh sebarang atau calang-calang pemimpin. Pemimpin yang hendak menjadikan bangsanya kuat dan agung mestilah mempunyai segala ciri-ciri dan sifat-sifat yang agung itu pada dirinya terlebih dahulu. Kalau tidak, bagaimana dia hendak mendidik bangsanya supaya mempunyai ketujuh-tujuh ciri dan sifat yang agung tadi. Dia mesti mempunyai mandat dari Tuhan. Dia juga mesti mampu mendidik hati-hati manusia sepertimana para nabi dan rasul mendidik. Dia mesti faham perjalanan hati dan roh manusia. Dia mestilah orang yang sangat bertaqwah dan mempunyai wibawa yang tinggi. Manusia mudah memberi hati, mencintai dan taat kepadanya.

Pendidikan bangsa mestilah melalui ibadah. Itulah sebabnya Tuhan perintahkan kita supaya beribadah sama ada ibadah pokok mahupun ibadah sampingan atau sunat. Kalau ibadah yang Tuhan perintahkan itu kita buat bersungguh-sungguh maka dari situ akan lahirlah kekuatan sesuatu bangsa.

Ibadah pokok atau ibadah asas ialah solat atau sembahyang lima waktu. Ibadah-ibadah lain adalah sampingan atau sunat. Ibadah pokok atau ibadah asas mesti ada. Ia menjadi syarat. Namun, kalau ibadah pokok atau asas ini tidak cukup untuk memberi kekuatan, ia boleh ditampung dan dicukupkan oleh ibadah-ibadah sampingan yang lain.

Kekuatan yang timbul atau yang boleh diperolehi dari setiap ibadah itu pula tertakluk dan berkait rapat dengan tiga perkara iaitu:

1. Ilmunya
2. Faham
3. Dihayati

Setiap ibadah yang dibuat mesti mempunyai ketiga-tiga perkara ini. Ilmunya sudah tentu penting kerana tanpa ilmu kita tidak tahu cara yang sebenar untuk beribadah dan ibadah

kita pasti akan tertolak. Tuhan tidak terima ibadah yang dibuat tanpa ilmu.

Faham lebih lagi penting. Faham itulah hikmahnya. Faham itu ialah ilmu dalam ilmu. Sebab itulah ada Hadis yang ber-maksud:

"Barangsiaapa yang hendak dijadikan baik, maka dia diberi faham tentang agama."

Dalam doa kita pun selalu kita minta kepada Tuhan begini:

"Ya Allah, bagikanlah aku ilmu dan rezekikanlah aku kefahaman."

Kemuncak daripada ilmu dan faham itulah penghayatan. Penghayatan itu ialah apabila ilmu dan faham itu betul-betul menjadi roh kita, otak kita, hati kita dan sikap kita. Apabila sesuatu ibadah itu ada ilmunya, faham dan dihayati maka akan jadilah ibadah itu satu sumber kekuatan.

KENAPA SELAMA INI IBADAH TIDAK MENDIDIK KITA

Pertama, kerana selama ini kita diberi ilmu tentang ibadah, sama ada ibadah asas mahupun ibadah sunat, yang hanya bersangkut-paut dengan hukum-hakam iaitu tentang syaratnya, rukunnya, sah dan batalnya. Oleh itu dalam beribadah, itulah yang kita jaga iaitu syaratnya, rukunnya, sah dan batalnya dan tidak lebih dari itu. Dalam solat, itulah empat perkara yang ditekankan. Begitu juga dalam ibadah puasa dan haji. Ilmu lain termasuk falsafahnya tidak diajar. Kefahaman tidak diajar. Penghayatannya tidak diajar. Kalau begitu keadaannya bagaimanalah ibadah itu dapat dihayati. Kalau ibadah penting seperti solat yang menjadi tiang agama dan ibu segala ibadah pun hanya diajar syarat, rukun, sah dan batalnya sahaja, tetapi ilmu falsafah, kefahaman dan penghayatannya tidak diajar, maka rugi sungguhlah kita.

Fenomena ini sudah berlaku selama tujuh ratus tahun

semenjak jatuhnya empayar Islam. Ilmu ibadah yang kita belajar selama ini sangat terbatas. Ilmu ibadah yang diajar tidak langsung menyentuh tentang roh ibadah atau hikmah dalam ibadah. Sebab itu kita lihat, orang yang banyak ibadah dan banyak bersolat pun, solat mereka tidak memberi apa-apa kesan pada diri dan hati mereka. Akhlak mereka tidak banyak berubah. Bahkan orang yang banyak ibadah menjadi lebih beku, tidak aktif, tidak produktif dan sangat pasif.

Ibadah tanpa penghayatan dan penjiwaan ini tidak memberi apa-apa kekuatan. Ibadah seperti ini tidak dapat melahirkan bangsa yang kuat dan yang mempunyai peribadi yang agung. Dalam perintah Tuhan supaya kita beribadah itu terkandung ubat bagaimana kita boleh melahirkan bangsa yang gagah dan agung yang dapat menguasai dunia. Tetapi disebabkan ibadah kita itu hanya ibadah lahir, tidak ada jiwa, tidak ada roh dan tidak dihayati, kita bersolat atau tidak bersolat, kita ibadah atau tidak ibadah, sama sahaja kesannya kepada kita.

Kedua, kerana solat atau sembahyang itu di antara tujuannya ialah untuk mengingatkan dan menyedarkan manusia tentang Tuhan. Bukan untuk mengajar manusia tetapi untuk mengingatkan dan menyedarkan manusia. Kerana manusia sepatutnya sudah ada ilmu dan faham tentang Tuhan di luar sembahyang. Hanya manusia atau insan itu sifatnya adalah pelupa. Walaupun manusia itu ada ilmu dan faham tentang Tuhan di luar sembahyang tetapi mereka tetap akan lupa. Itulah sifat manusia. Istilah insan itu sendiri adalah dari istilah ins dalam bahasa Arab yang maksudnya pelupa.

Solat atau sembahyang akan hanya memberi kesan pada orang yang sudah ada ilmu dan faham tentang Tuhan. Hanya dalam sembahyang, dia diingat-ingatkan dan disedarkan lagi. Lima kali sehari semalam, Allah ingat-ingatkan dia tentang Tuhan untuk menampung sifat pelupanya itu. Supaya dia jangan terus lupa. Itulah rahmat dan kasih sayang Tuhan.

Sembahyang hanya boleh menyedarkan orang yang sudah ada ilmu dan faham tentang Tuhan. Tetapi kebanyakan umat

Islam; di luar sembahyang pun dan dalam kehidupan sehari-hari, tidak ada ilmu dan tidak faham tentang Tuhan. Kalau di luar sembahyang sudah jahil, tidak ada ilmu dan tidak faham, bagaimana untuk mengingat Tuhan dalam sembahyang. Bagaimana dapat kita mengingat perkara yang kita tidak pernah tahu dan tidak pernah faham. Ini perkara mustahil. Orang yang tidak ada ilmu dan tidak faham tentang Tuhan sangat susah hendak disedarkan. Orang macam ini, sembahyang tidak ada makna baginya. Terpekkik terlolong dalam sembahyang pun tidak jadi apa-apa. Dia tidak ubah seperti orang gila.

Inilah juga sebab kenapa ibadah terutama solat atau sembahyang tidak mendidik kita. Umat Islam rata-rata tidak ada ilmu dan tidak faham tentang Tuhan dan sifat-sifat Tuhan. Sembahyang tidak membawa mereka kepada Tuhan jauh sekali mengingatkan mereka tentang Tuhan. Mereka tidak kenal Tuhan yang mereka sembah.

BAGAIMANA SOLAT BOLEH MEMBINA KEKUATAN

Solat atau sembahyang itu Tuhan yang menetapkan rukun-rukunnya. Ia bukan ciptaan manusia, bukan direka-reka atau dibentuk oleh manusia. Kalau difahami dan dihayati, sembahyang itu hebat. Kita akan dapat rasa bahawa Tuhan itu hebat. Kita akan dapat bersandar kepada kehebatan-Nya. Satu Zat yang tidak dapat dibayangkan kebesaran-Nya tetapi terasa kebesaran-Nya. Satu Zat yang tidak dapat dibayangkan macam mana wujudnya tetapi terasa wujud-Nya. Satu Zat yang tidak dapat dibayangkan kuasa-Nya tetapi terasa kuasa-Nya. Terasa kita kesempurnaan Tuhan. Kita boleh minta apa sahaja dari Tuhan. Tuhan sedia melayannya.

Solat itu adalah satu modul yang lengkap untuk mendidik hati dan jiwa manusia. Dalam solat ada ubat, ada pil, ada tonik dan ada vitamin untuk menyembuhkan penyakit rohani dan membina peribadi yang kuat, gagah dan agung. Boleh timbul berbagai kekuatan bagi individu atau sesuatu bangsa hasil dari

solat dengan syarat ada ilmunya, faham dan solat itu benar-benar diijwai dan dihayati.

Berikut adalah beberapa contoh bagaimana solat dapat membina sifat-sifat yang positif:

1. Rajin

Sifat yang berlawanan dengan rajin ialah pemalas. Pemalas sangat dibenci Tuhan. Untuk menjadi bangsa yang kuat, kita kena rajin. Sifat rajin tidak boleh dilakon-lakon atau dibuat-buat. Mesti ada pemangkin atau pendorong yang bersifat rohaniah.

Dalam sembahyang kita memuja dan memuji Tuhan. Kita kata Tuhan Maha Besar. Kita akui Tuhan Maha Suci. Kita akui Tuhan pentadbir dunia dan Akhirat. Hati kita rasa bertuhan, rasa Tuhan itu besar. Kita rasa Tuhan Maha Melihat, Tuhan itu ada dan Tuhan sentiasa berperanan dalam hidup kita.

Kita juga membuat janji dan ikrar bahawa semua solat, ibadah, hidup dan mati kita hanya untuk Tuhan. Solat dan ibadah dipisahkan walhal solat pun ibadah juga. Itulah tandanya solat itu ibadah yang penting, utama dan pertama dari ibadah-ibadah yang lain sama ada yang wajib atau yang sunat. Kita bertungkus-lumus membuat semua ibadah. Hidup dan mati itu pula merangkumi aktiviti yang tidak ditentukan. Boleh jadi ianya perkara ibadah, boleh jadi tidak. Makan, rehat dan tidur boleh dijadikan ibadah ataupun tidak. Kita berikrar, perbuatan yang harus pun hendak kita jadikan ibadah. Jadi mana boleh rehat-rehat.

Kita kena aktif, sentiasa bertenaga dan bergerak. Inilah dia perkara dalam solat yang membuatkan kita cergas dan aktif, rajin dan sentiasa bergerak. Segala macam perkara yang jadi ibadah kita buat. Perkara yang harus pun kita jadikan ibadah. Maknanya solat itu membunuh kemalasan.

Kalau sesuatu kelompok itu ibadahnya banyak, baca Quran banyak, wirid dan zikir banyak, kita kata mereka hebat. Itu sebenarnya satu salah tafsir. Kita sangka mereka baik sebab

mereka tidak tegur orang dan hanya beriktikaf sahaja. Tapi mereka tidak rajin dan tidak berkhidmat kepada masyarakat. Di sini konsep ibadah itu sudah silap. Itu menunjukkan mereka hanya ada ilmu tetapi tidak faham dan ilmu itu tidak dihayati. Pada orang ramai, mereka orang baik. Ini satu kesalahan yang besar. Orang yang baik itu bukan setakat boleh beribadah dan tidak mengganggu orang. Orang yang baik itu, selepas ibadah mesti aktif dan mesti berkhidmat kepada orang lain dengan tenaganya, nasihat dan wang ringgit.

Ada Hadis yang bermaksud:

"Yang paling baik di antara kamu ialah kamu yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain."

Sebab itu para salafussoleh, kerana ibadah mereka dihayati dan berperanan pada diri mereka, kalau selepas waktu Subuh, walaupun mereka tidak ada kerja yang khusus, mereka sengaja keluar cari-cari pasal (untuk buat kebaikan) dan cari-cari kerja. Mereka pergi tolong petik gandum, tolong mencangkul tanpa disuruh atau diminta. Kalau mereka melihat ada rumah yang bumbungnya bocor, mereka minta izin tuan rumah untuk membaikinya. Inilah solat yang melahirkan orang yang aktif.

Tapi hari ini, orang banyak solat, banyak ibadah, tetapi mereka jadi beku dan jumud. Bahkan nasib mereka pun ditentukan oleh orang lain. Bukankah ini satu kesilapan yang besar. Hanya kerana mereka itu nampak lembut, tidak ganggu orang, kuat ibadah, maka orang anggap itu baik dan bagus.

Orang yang kuat hubungannya dengan Tuhan, dia mesti banyak berhubung dengan manusia. Orang yang banyak berkhidmat dengan Tuhan mesti banyak berkhidmat dengan manusia. Kalau betul takut dan cinta Tuhan, akan bertambah cinta kepada manusia. Itulah sepatutnya natijah atau hasil dari solat.

2.Berjiwa Besar

Hasil dari solat ialah rasa beriman dan bertaqwah. Kalau itulah yang kita rasa maka akan timbulah rasa berjiwa besar. Sebab

orang yang beriman dan bertaqwa itu Tuhan kata, "Dia orang Aku." Kalau seseorang itu sudah menjadi orang Tuhan, Tuhan janjikan untuknya berbagai-bagai perkara dan Tuhan tidak mungkir janji. Janji Tuhan pasti Tuhan tepati.

Apakah janji Tuhan kepada orang mukmin, orang bertaqwa dan orang yang sudah menjadi orang Tuhan? Tuhan janjikan kepadanya:

- a. Keselamatannya
- b. Kewangannya
- c. Kehidupannya
- d. Kepandaian
- e. Kemenangan
- f. Tuhan bertanggungjawab dan akan mengalahkan musuh-musuhnya

Tuhan mempunyai ramai rijal yang ghaib. Angin, air dan bermacam-macam lagi adalah tentera-tentera Tuhan. Tuhan boleh arah mereka bertindak. Kalau begitulah keyakinan kita hasil dari solat, maka dari solat itulah kita akan beroleh jiwa yang besar.

Orang yang sudah jadi orang Tuhan, ada sesuatu yang paling besar pada dirinya yang tidak ada pada ciptaan lain. Orang tengok gunung, tidak ada yang masuk Islam. Orang tengok laut, tidak ada yang menangis kerana merasa insaf dengan kebesaran Tuhan. Tetapi dengan melihat orang Tuhan dan orang yang bertaqwa, manusia boleh masuk Islam tanpa banyak hujah. Bila tengok sahaja orang bertaqwa, tergerak hati mereka hendak bertaubat kepada Allah.

Orang bertaqwa itu adalah ciptaan Tuhan yang paling hebat. Orang boleh terpukau dengannya. Dia pemaaf, berkasisir sayang, suka mengutamakan orang lain, belas kasihan dan kalau ada orang buat jahat padanya, dibalasnya dengan kebaikan. Dia tidak boleh tengok orang susah. Pasti dibantunya.

Orang yang berjiwa besar sentiasa mahu melahirkan tanda kebesaran Tuhan pada dirinya. Tuhan Maha Pemurah, dia pun mahu jadi pemurah. Tuhan buat baik pada orang yang buat

jahat pada-Nya, dia pun mahu buat baik pada orang yang buat jahat padanya. Betapa tidak, orang sekutukan Tuhan, maki Dia, mengata Dia, tolak suruhan-Nya, tidak solat, berjudi, minum arak tapi Tuhan tetap layan mereka. Tuhan tetap bagi makan minum, anak dan isteri kepada mereka.

Maha Besar Tuhan yang menghadiahkan solat. Siapa yang menghayatinya, dia akan berjiwa besar. Bangsa yang menghayatinya akan menjadi bangsa yang berjiwa besar.

3.Berani

Dalam solat, ada ubat atau pil untuk menjadikan orang penakut itu berani. Malahan sebelum mengangkat takbir solat pun, sudah dirasakan betapa hebatnya kekuasaan Tuhan dan betapa lemahnya makhluk ini. Datang kesedaran bahawa makhluk tidak ada kuasa langsung. Malaikat, jin, harimau dan manusia lain semuanya setaraf, setitik pun tidak ada kuasa dan kekuatan. Cuma kalau ada perbezaan antara satu sama lain adalah kerana Tuhan bagi sedikit kelebihan kepada dia. Tuhan bagi kelebihan tidak sama kepada setiap makhluk.

Yang kuat dan berkuasa itu Tuhan, bukan makhluk. Bukan malaikat, bukan jin, bukan manusia dan bukan harimau. Yang patut dan layak ditakuti ialah Tuhan. Bila Tuhan sebenarnya ditakuti, maka akan lenyaplah takut dan akan timbulah rasa berani terhadap sesama makhluk.

Ini termasuk juga takut kepada miskin, sakit, hilang pangkat dan jawatan, hilang pengaruh, mati dan sebagainya. Kalau kita sedar semua itu adalah dari Tuhan, maka takut kita itu akan berpindah dari perkara-perkara tersebut kepada Tuhan.

Begitu juga rasa takut kepada bencana alam seperti banjir besar, gunung berapi, gempa bumi dan wabak penyakit. Tuhan kata jadi maka jadilah. Tuhan kata tidak maka tidaklah. Akan datang rasa takut kepada Tuhan lebih dari takut kepada bencana alam itu. Takut pada Tuhan itu adalah takut yang hak dan mesti dikekalkan. Takut pada makhluk adalah takut yang batil. Ia mesti dibuang.

4. Disiplin

Dalam sembahyang kita berikrar dan berjanji bahawa hidup dan mati kita pun untuk Tuhan. Kalau pengakuan macam ini boleh dibuat dan dihayati dengan sepenuh hati, kita akan jadi seorang manusia yang penuh disiplin. Kalau satu bangsa boleh buat pengakuan yang seperti ini, maka bangsa itu akan menjadi satu bangsa yang berdisiplin.

Bila disebut mati, semua orang yakin akan mati. Bila mati ertinya kembali kepada Tuhan. Kembali ertinya pulang ke tempat asal. Maksudnya, asal kita adalah dari Tuhan. Datang dari Tuhan, kembali pun kepada Tuhan. Maka perlulah kita hidup dan mati kerana Tuhan.

Bila datang dari Tuhan dan kembali pun kepada Tuhan maka mesti ada jalan dari dan kepada Tuhan. Bila hidup dan mati kita ikrarkan untuk Tuhan maka sudah tentu kita akan ikut jalan ini. Jalan ini ialah syariat Tuhan. Kita akan ikut syariat Tuhan. Taat dan patuh kepada syariat ini ialah disiplin.

Disiplin termasuk ciri satu bangsa yang agung. Sebaliknya, bangsa yang tidak berdisiplin, siapa sahaja yang melihat akan mentertawakan bahkan akan memperlekehkan mereka. Tidak ada disiplin di sudut manapun akan jadi bahan kelakar bagi orang Yahudi. Ini dapat kita lihat pada bangsa yang di Timur Tengah. Mereka sungguh tidak berdisiplin. Naik baspun berebut-rebut, tidak tahu hendak beratur. Itu sebab bangsa Yahudi tidak hormat, tidak takut dan tidak gerun dengan mereka. Itu sebab Yahudi berani memperkotak katik dan menzalimi mereka.

5. Sabar

Sabar juga termasuk ciri satu bangsa yang agung. Sifat sabar lebih utama bagi pemimpin. Oleh itu sifat sabar yang tertinggi dihadiahkan Tuhan kepada pemimpin, kepada para rasul terutamanya yang Ulul 'Azmi. Sabar adalah syarat utama bagi seorang pemimpin.

Dalam sembahyang ada ubat dan pil untuk menjadikan

seseorang itu penyabar. Sebelum kita mulakan sembahyang pun sudah ada didikan untuk kita bersabar sama ada kita sedar ataupun tidak, sebab hendak sembahyang bukannya senang, lebih-lebih lagi bagi orang yang belum khusyuk.

Hendak sembahyang pun satu ujian. Bukan senang hendak bangun tidur di waktu pagi untuk sembahyang Subuh. Sebab itu, sesetengah orang dia duduk-duduk dulu. Dia menung dulu. Mengenangkan terpaksa ke bilik air. Kalau tidak sabar, kita tidak akan boleh buat. Kalau tidak sabar, boleh jadi kita akan tidur semula. Sebelum sembahyang pun sudah perlu banyak sabar.

Dalam sembahyang lebih-lebih lagi. Bila kita sebut: "Maliki yau middin" yang bermaksud: "Tuhan yang memerintah di hari Akhirat" ia jadi pemangkin untuk kita bersabar. Bersabar melaksanakan segala suruhan Tuhan. Bersabar meninggalkan segala larangan Tuhan kerana takutkan Neraka dan inginkan Syurga-Nya. Biarlah bersusah-susah sedikit. Biarlah sakit sedikit. Biarlah tidak dapat mengikut kehendak nafsu asalkan di Akhirat kita selamat. Dengan itu ia memudahkan kita untuk bersabar.

Samalah dengan orang yang mengejar dunia. Hendak sekolah bukan seronok. Hendak belajar bukan senang. Hendak masuk universiti bukan mudah. Tetapi demi untuk menjadi pandai, supaya dapat kerja dan jawatan yang tinggi, bersusah payah pun dibuat juga. Orang boleh bersabar menghadapi apa yang dia benci, apa yang dia tidak suka dan apa yang menjemukannya, asalkan matlamat dan cita-citanya tercapai.

PEMANGKIN BAGI KEKUATAN BANGSA

Sesuatu bangsa yang ingin maju mestilah berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang besar. Sesuatu bangsa yang berjiwa besar dan bercita-cita besar adalah hasil dari didikan, bukan suatu kebetulan. Ia tidak berlaku dengan sendiri dan secara tiba-tiba. Ia adalah hasil didikan dari kecil.

Sesuatu bangsa yang berjiwa besar, kalau kita lihat dalam sejarah, adalah bangsa yang ada pegangan dan cita-cita

sebagai pemangkinnya. Di antara satu bangsa dan satu bangsa yang lain, pemangkin ini tidak sama. Walaupun tidak sama, ianya tetap dari hasil didikan. Perkara yang menjadi pemangkin itu pula berbagai-bagai.

Negara Sebagai Pemangkin

Ada bangsa yang berjiwa dan bercita-cita besar kerana negaranya, misalnya bangsa Itali di bawah pimpinan Musollini. Sebab itu, walaupun penduduk Itali tidak ramai, tetapi disebabkan ada cita-cita besar terhadap negara, banyak negara lain dapat dijajahnya.

Bangsa Sebagai Pemangkin

Ada bangsa yang berjiwa dan bercita-cita besar kerana bangsanya, misalnya bangsa Jerman di bawah pimpinan Hitler. Bangsa Jerman ini menganggap mereka berasal dari keturunan bangsa Arya yang mulia dan tidak patut duduk di bawah telunjuk bangsa lain. Fahaman ini membuatkan bangsa Jerman mempunyai jiwa yang besar yang mencetuskan satu perjuangan yang besar iaitu perjuangan bangsa (Facism) di bawah pergerakan Nazi.

Disebabkan bangsa Yahudi juga meyakini mereka dari keturunan bangsa Arya yang dianggap mulia, maka berlaku persaingan di antara bangsa Jerman dan bangsa Yahudi untuk menjadi bangsa yang termulia di dunia. Oleh sebab itulah bangsa Jerman membunuh berjuta-juta orang Yahudi di negara Jerman dan negara-negara lain di Eropah yang ditawannya dalam Perang Dunia Kedua demi untuk menghapuskan persaingan ini. Pergerakan Nazi Jerman ini berjaya menawan sebahagian besar kawasan Eropah sebelum ditewaskan oleh Negara-negara Bersekutu dan Rusia.

Ideologi Sebagai Pemangkin

Ada bangsa yang cita-citanya lebih besar dan bersifat sejagat iaitu yang berdasarkan fahaman dan ideologi. Contohnya,

ideologi sosialis dan komunis. Satu ketika dahulu, banyak negara di dunia menjadi komunis. Rusia dan China jadi komunis. Eropah Timur hampir semua jadi komunis seperti Albania, Yugoslavia, Jerman Timur dan lain-lain lagi. Negara Cuba di Amerika Selatan sampai sekarang masih komunis. Malahan Malaysia dan Indonesia hampir-hampir jadi komunis.

Kemuliaan Bangsa Sebagai Pemungkin

Ada bangsa yang mencapai jiwa besar kerana banyak pemangkinnya, bukan satu sahaja. Banyak keyakinan yang menjadi pegangan bangsa tersebut. Contohnya ialah bangsa Yahudi. Sekurang-kurangnya ada empat pemungkin yang mendorong mereka berjiwa dan bercita-cita besar iaitu:

1. Mereka menganggap bangsa mereka adalah anak Tuhan. Mana boleh anak Tuhan duduk di bawah bangsa lain yang bukan anak Tuhan. Inilah yang diajar kepada anak-anak bangsa Yahudi dari peringkat Tadika lagi.
2. Mereka berkeyakinan bahawa mereka berasal dari keturunan nabi-nabi dari Bani Israil. Ini kita tidak dapat nafikan. Hanya Rasulullah, Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim yang bukan dari kalangan Bani Israil. Justeru itu mereka rasa mereka berketurunan mulia. Tidak layaklah keturunan para nabi duduk di bawah orang lain. Keyakinan ini ditanam dari kecil lagi.
3. Bangsa Yahudi mengaku mereka berasal dari bangsa Arya iaitu satu bangsa yang menganggap bangsa mereka paling mulia dari bangsa-bangsa lain di dunia. Bangsa-bangsa selain itu dianggap hina. Mana mungkin bangsa yang mulia duduk di bawah bangsa yang hina. Maka timbulah jiwa yang besar dan cita-cita perjuangan yang besar bagi bangsa Yahudi ini.
4. Bangsa Yahudi mempunyai keyakinan bahawa semua bangsa masuk Neraka kecuali bangsa Yahudi. Mereka yakin bangsa Yahudi kalau masuk Neraka pun hanya selama enam hari sahaja. Walaupun ini karut, tetapi ianya ditanam sebagai satu keyakinan.

Banyak lagi pemangkin bagi bangsa Yahudi ini tetapi empat perkara di atas adalah yang terpokok. Dengan pemangkin-pemangkin ini, mereka menjadi bangsa yang berjiwa dan bercita-cita besar. Dengan cita-cita inilah mereka berjuang selama beribu-ribu tahun.

Bangsa Yahudi adalah bangsa yang tua. Oleh itu, pengalamannya banyak, ilmunya banyak dan mereka itu cerdik. Namun bilangan mereka sedikit. Yang ada di negara Israil sekitar tiga hingga empat juta orang sahaja. Kalau dikumpulkan kesemuanya yang bertabur di Jerman, Britian, Amerika, Rusia dan lain-lain negara lagi, jumlah mereka sekitar sepuluh juta.

Walaupun demikian, mereka mampu mengalahkan 100 juta umat Arab. Mereka mampu mengawal, melemahkan, memanipulasi dan memecah belah bangsa-bangsa lain di dunia demi keselamatan dan kemajuan bangsa mereka. Mereka menguasai sistem kewangan dunia. Mereka menguasai sistem ekonomi dunia. Mereka menguasai akhbar, media cetak dan agensi berita dunia. Mereka menguasai industri perfileman dunia dan berbagai-bagai lagi.

Tuhan Sebagai Pemangkin

Orang yang paling berjiwa besar dan bercita-cita besar adalah orang yang memperjuangkan Tuhan. Sebab Tuhan Maha Besar dan tidak ada yang lebih besar dari Tuhan.

Kalau ini dididik dari kecil, iaitu kalau umat Islam benar-benar dididik mengikut Islam, maka mereka akan jadi bangsa yang paling bercita-cita besar dibanding dengan bangsa dan penganut agama-agama yang lain. Sebab umat Islam akan mendapat sesuatu yang paling besar iaitu cita-cita untuk mendapat dan memperjuangkan Tuhan. Tentu umat Islam akan berkorban habis-habisan untuk cita-citanya yang di dorong oleh keyakinannya pada Tuhan.

Di waktu ini, tidak ada pemangkin untuk mendorong umat Islam menjadi besar. Tuhan telah dilupakan dan ditinggalkan. Oleh itu, macam mana umat Islam hendak bersatu, macam

mana hendak berkasih sayang, hendak rasa bersama dan hendak bekerjasama. Jiran pun terbiar dan tidak diambil peduli. Kadang-kadang jiran pun disakiti dan dikhianati.

Pemikiran ini mesti diubah. Umat Islam mesti berhijrah kepada satu pemikiran yang paling besar iaitu memperjuangkan Tuhan. Tuhan adalah segala-galanya. Tuhan yang menghidup dan mematikan kita dan yang memiliki dunia dan Akhirat. Keselamatan kita dalam tangan Tuhan. Kita mesti perjuangkan Tuhan. Kita mesti promosikan Tuhan. Kita mesti ajak manusia yang lain mengenal Tuhan dan cinta pada Tuhan. Bila manusia sudah cinta Tuhan, tidak kira apa bangsa dan etniknya, akan berlakulah satu anjakan perasaan dan sikap iaitu manusia akan berkasih sayang sesama manusia.

Tuhan adalah pemangkin yang terhebat dan terbesar. Memperjuangkan Tuhan bukan memperjuangkan ideologi. Bukan memperjuangkan bangsa. Bukan memperjuangkan negara. Tetapi berjuang di atas nama Tuhan itu sendiri. Iaitu Tuhan yang memiliki dunia dan Akhirat dan Tuhan yang memiliki kita. Orang yang ada keyakinan seperti ini akan berjuang mati-matian dan akan berkorban apa sahaja.

Kita sedih kerana umumnya umat Islam telah tersalah didik. Dari kecil umat Islam ditanam rasa cintakan individu. Cintakan diri sendiri. Berjuang untuk kepentingan diri dan untuk mendapatkan kebendaan. Berjuang untuk mendapatkan habuan di dunia semata-mata. Umat Islam sudah melupakan Tuhan. Malahan hendak sebut Tuhan pun malu. Semua mereka sibuk dan berebut-rebut hendak jadi pensyarah, doktor, jurutera, pilot, peguam dan sebagainya. Tidak ditanam cita-cita untuk membela agama, bangsa dan negara. Tidak ditanam cita-cita untuk memperjuang dan mempromosikan Tuhan.

Cita-cita umat Islam kecil sangat. Tidak ada cita-cita yang global dan bersifat sejagat. Semuanya bercita-cita lepas sekolah hendak bekerja dan dapat gaji. Sudah bekerja hendak kerja lagi. Tidak ada cita-cita besar. Tidak ada cita-cita hendak memperolehi jiwa yang besar.



Sesuatu bangsa yang ingin maju mestilah berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang besar. Sesuatu bangsa yang berjiwa besar dan bercita-cita besar adalah hasil dari didikan, bukan suatu kebetulan.



Kita sedih kerana umumnya umat Islam telah tersalah didik. Dari kecil umat Islam ditanam rasa cintakan individu atau diri sendiri. Berjuang untuk kepentingan diri dan untuk mendapatkan kebendaan, untuk mendapatkan habuan di dunia semata-mata. Umat Islam sudah melupakan Tuhan.



PERIHAL PERNIAGAAN

FALSAFAH PERNIAGAAN ISLAM

Berniaga bukan semata-mata untuk mencari untung kerana di dalam perniagaan tidak semestinya kita sentiasa mendapat untung. Dalam perniagaan sering juga kita menghadapi kerugian.

Tujuan perniagaan mengikut Islam sebenarnya ialah untuk memperbesarkan, memperpanjangkan dan memperluaskan aktiviti syariat dan dengan tujuan beribadah dan mendapat pahala yang banyak. Justeru itu di dalam perniagaan, hendaklah kita sentiasa mencari keredhaan Tuhan dengan niat yang betul serta perlaksanaan yang betul.

Mari kita lihat betapa di dalam perniagaan itu luas sekali syariatnya atau luas sekali ibadah yang berlaku di mana kebaikan dan pahalanya pula amat banyak sekali. Di antaranya:

1. Di dalam Islam berkawan itu disuruh. Di Akhirat kelak, kawan itu boleh memberi syafaat. Melalui perniagaan, kita akan banyak dapat kawan sama ada dari kalangan pembekal-pembekal, kawan-kawan sekerja ataupun para pelanggan.
2. Melalui perniagaan, kita dapat memberi khidmat secara langsung mahupun secara tidak langsung kepada manusia

dan ahli-ahli masyarakat. Ada Hadis yang bermaksud:

"Yang paling baik di antara kamu ialah kamu yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain."

3. Islam sangat menggalakkan kerjasama. Di dalam perniagaan banyak terdapat unsur-unsur kerjasama dan peluang serta keperluan untuk bekerjasama. Di dalam Al Quran ada disebutkan:

وَعَاوِنُوا عَلَى الْأَيْرَ وَالثَّقْوَىٰ

Maksudnya: "Bertolong bantulah di atas kebaikan dan ketaqwaan." (Al Maidah: 2)

4. Di dalam perniagaan juga ada banyak tolak ansur, iaitu satu sifat terpuji yang sangat dianjurkan oleh Islam. Kalau tidak ada tolak ansur, kita tidak boleh berniaga.
5. Perniagaan membantu dan memudahkan manusia dan ahli masyarakat mengurus dan mendapatkan keperluan hidup mereka, terutama di bidang makan minum dan keperluan harian. Mendahulukan, mengutamakan dan memudahkan orang lain itu sangat dipandang tinggi dan baik dalam Islam.
6. Dengan berniaga kita dapat menyelamatkan barang keluaran umat Islam sama ada hasil pertanian, hasil ternakan dan lain-lain dengan mengumpul dan memasar-kannya. Kalau tidak, barang itu akan rosak dan terbuang. Akan timbul pembaziran. Dalam Islam pembaziran sangat dilarang. Menjauhi dan mengelak pembaziran adalah satu kewajipan.
7. Kita dapat memperolehi banyak pengalaman melalui perniagaan sama ada di bidang pengurusan, perakaunan, mengenal barang, mengenal tempat, mengenal cara hidup dan masalah manusia dan lain-lain lagi. Dalam Islam, mencari ilmu dan pengalaman seperti ini sangat dituntut.
8. Dalam berniaga, kita boleh berlatih sabar dalam menghadapi berbagai-bagai masalah perniagaan dan dalam

menghadapi berbagai-bagai kerena pelanggan. Sabar adalah satu sifat mulia (mahmudah) yang sangat diperlukan dalam kehidupan. Orang yang sabar diberi pahala oleh Tuhan tanpa hisab.

9. Berniaga merupakan salah satu cara untuk memajukan agama, bangsa dan negara. Ia merupakan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Tuhan di muka bumi supaya dapat dilihat kebesaran Tuhan serta dapat dibesarkan dan dinikmati segala nikmat dan anugerah-Nya agar manusia boleh bersyukur dan mendapat pahala pula di atas kesyukuran mereka itu.
10. Dalam bermiaga, kita berpeluang mengeluarkan zakat perniagaan. Dengan itu salah satu dari rukun Islam dapat kita tunaikan. Dapat kita wujudkan salah satu sumber atau saluran untuk membantu fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain. Banyak golongan akan terbantu dan terbela.
11. Dalam perniagaan, kita dapat membuat latihan berlapang dada terutama apabila berhadapan dengan karenah manusia. Ia sentiasa mencabar emosi dan perasaan kita. Maka kita selalu sahaja menyembunyikan kemarahan kita. Menyembunyikan kemarahan itu disuruh oleh Islam. Di dalam Quran ada disebut bahawa menyembunyikan sifat marah itu adalah satu dari sifat orang bertaqwah.
12. Perniagaan memerlukan sifat berlapang dada, bertolak ansur, bertimbang rasa, memberi maaf, berlebih kurang, bersimpati dan sebagainya. Sifat-sifat ini terpuji dan sangat diperlukan dalam pergaulan. Dalam Hadis ada disebut bahawa Islam itu adalah as-samhah iaitu agama pemaaf dan berlapang dada.
13. Perniagaan mewujudkan peluang pekerjaan untuk manusia sebagai sumber mencari rezeki. Dengan perniagaan, manusia boleh mengelak diri dari menganggur yang ditegah oleh syariat. Sekaligus tenaganya dapat dimanfaatkan oleh orang lain. Ertinya, dengan adanya perniagaan, tenaga manusia tidak dibazirkan dan manusia itu boleh jadi

produktif dengan mengeluarkan hasil untuk faedah manusia lain.

Jelas bahawa dengan apa yang disenaraikan di atas, begitu banyak sekali syariat Islam dapat kita tegakkan melalui perniagaan. Maksudnya, berbagai-bagai aspek dalam Islam dapat kita bangunkan di dalam perniagaan. Apabila banyak aspek syariat yang dapat kita bangunkan maka banyaklah ibadah kita. Banyaklah pahala yang kita dapat. Oleh itu, tidak hairanlah Islam menganggap orang yang berniaga secara jujur dan menepati kehendak-kehendak syariat itu sebagai orang yang berjihad fisabilillah. Munasabah juga berniaga itu dianggap kerja yang paling baik dalam Islam kerana kebaikan yang diperolehi oleh masyarakat hasil dari perniagaan adalah terlalu banyak.

UNTUNGAN YANG SIAPA BERPERNIAGA

Dalam berniaga boleh dapat dua keuntungan:

1. Untung dalam bentuk wang. Bagaimanapun ada juga yang rugi dalam perniagaan.
2. Untung dalam bentuk pahala. Bagaimanapun, ramai orang berniaga tapi dapat dosa.

Dalam perniagaan, kita sebenarnya berada dalam ibadah kepada Allah. Kita sedang berada dalam peluang mendekatkan diri pada Allah. Kita sedang berfikir dan bersikap untuk mengakarkan syariat dan akhlak. Berniaga sebenarnya adalah medan mencari bekal taqwa kepada Allah. Kalau solat atau sembahyang itu waktu kita memperbarui ikrar, memperbarui azam, membuat *post-mortem* dan berharap bahawa hidup dan mati adalah untuk mencari taqwa dan mengabdikan diri kepada Allah, maka berniaga adalah manifestasi dari solat itu. Yakni melalui perniagaan, kita hendak memperbesarkan, memperpanjangkan dan memperluaskan aktiviti syariat Allah.

Kalau sepanjang berniaga kita jaga syariat Allah ertiinya sepanjang itu kita sedang buat ibadah yang lebih besar pahalanya

dari solat sunat atau puasa sunat. Ertinya hati kita sedang benar-benar mengadap Allah untuk melawan nafsu demi untuk menegakkan segala kesukaan dan keredhaan-Nya.

Berikut adalah keuntungan-keuntungan dalam perniagaan sekiranya ia dijalankan betul-betul dengan niat kerana Allah dan mengikut syariat Allah:

1. Dengan membuka perniagaan, kita bukan semata-mata hendak mendapatkan wang dari pelanggan tetapi kita sebenarnya hendak memberi khidmat pada masyarakat. Yakni kita sediakan barang keperluan mereka. Dengan terbelinya barang jualan kita ertinya ramai yang dapat khidmat baik secara langsung atau tidak langsung. Kita dapat pahala dalam menyediakan khidmat tersebut. Kita harus bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada pelanggan kerana menerima khidmat kita. Dengan sebab mereka itulah kita diberi pahala.
2. Khusus di bidang makan minum, masyarakat memang memerlukannya. Senang atau susah, masyarakat mesti berusaha untuk mendapatkannya. Jadi kalau kita membuka perniagaan yang membekalkan makanan dan minuman di satu-satu tempat, kita sebenarnya memudahkan masyarakat setempat untuk mendapatkan keperluan asas tersebut. Kerja ini sebenarnya cukup besar pahalanya. Ramai orang yang terbantu dan kita tolong meringankan beban mereka. Mereka sepautnya berterima kasih walaupun itu tidak diminta.

Apalagi kalau kita jual barang tersebut dengan harga yang berpatutan dan tidak menekan. Bukankah masyarakat telah mendapat satu khidmat dan pertolongan yang besar. Mereka pastinya terhibur dan gembira.

Tidakkah kita pula merasakan satu kemenangan dan kepuasan kerana telah dapat membantu dan menggembirakan manusia. Yang mana, seperti janji Tuhan, kita pula akan digembirakan oleh Tuhan.

Oleh itu, bila kita berniaga, jangan fikir duit dan untung

sahaja sedangkan untung-untung lain cukup banyak. Usah bimbang tentang urusan rezeki kita sendiri. Kalau kita beri kepercayaan kepada Allah dengan mengutamakan perkara-perkara yang disukai-Nya, bukankah Allah telah berjanji untuk membela. Dan Allah Maha Kaya dan Maha Pemberi Rezeki.

3. Bila masing-masing peniaga dan pengguna saling merasa memberi dan menerima, saling merasa berterima kasih dan perlu-memerlukan, maka akan terikatlah hati di antara satu sama lain. Kita dapat kawan. Lagi lama kita berniaga maka lagi ramailah kita dapat kawan. Dapat kawan bukankah satu keuntungan. Untung di dunia dan untung di Akhirat. Di Akhirat kawan boleh memberi syafaat.
4. Berjual beli di antara peniaga dan pelanggan tentunya perlu saling bekerjasama. Kalau masing-masing merasa saling perlu-memerlukan, sudah tentu ada sikap bertolong bantu dan ringan-meringankan. Tidak akan ada tekan-menekan atau tindas-menindas. Contoh bekerjasama, di waktu peniaga tengah sibuk kerana ramai pelanggan, sepatutnya pelanggan boleh membantu dengan mengambil sendiri barang keperluan mereka. Di pihak peniaga pula, sebagai menghargai dan sebagai ucapan terima kasih, boleh menghadiahkan sesuatu kepada pelanggan walaupun sebiji gula-gula.

Kalau di kedai makan atau restoran pula, apa salahnya apabila selesai makan, pelanggan tolong kemaskan meja makan dengan menyusun pinggan, kumpulkan tulang-tulang dan lapkan tumpahan. Ini sangat membantu peniaga dan akan mencetuskan hubungan yang baik.

Sepatutnya perniagaan menjadi medan dan gelanggang untuk kita bekerjasama dan mengeratkan perpaduan masyarakat. Tetapi sayang, peluang dan kesempatan ini tidak digunakan dengan sebaik-baiknya oleh peniaga dan pelanggan.

5. Manusia sepatutnya berusaha agar menjadi seorang yang

boleh bertolak ansur dan mengalah pada orang lain. Untuk menjadi seorang yang mampu mengutamakan orang lain dan suka memberi peluang kepada orang lain. Kita rasa tidak mengapa kalau orang lain lebih dari kita. Kita yakin Allah tidak akan sia-siakan kita.

Maka dalam perniagaan kita sering berpeluang untuk berusaha ke arah ini. Perebutan antara penjual dan pembeli sering terjadi. Penjual suka menipu dan menekan pembeli dengan meletakkan harga yang tinggi semata-mata kerana mahu cepat untung. Walhal kalau dia berlembut dan jujur, dia akan lebih beruntung. Dia akan untung duit, untung akhlak dan untung dapat keyakinan dan dapat menyukarkan orang. Insya-Allah, dengan keadaan seperti itu, perniagaannya akan pergi lebih jauh dan akan ada potensi dan masa depan. Kalau penjual dan pembeli usahakan bertolak ansur dalam jual beli, insya-Allah ia akan jadi lebih berkat, hati jadi tenang dan rezeki akan bertambah.

6. Ujian-ujian dalam perniagaan memang banyak. Tuhan jadikan begitu semata-mata supaya para peniaga ada peluang untuk bersabar dan menerima ujian dengan hati yang takut dan berharap kepada Allah. Bila ada rasa takut kepada Allah, kita akan takut untuk melenting dan marah-marah terhadap ragam manusia. Maka marah itu ditahan dalam hati, ditekan rasa marah serta ditelan rasa pahit dengan mengharap pertolongan dari Allah. Diserahkan segala urusan rezeki dan keperluannya kepada Allah. Orang yang sabar akan dapat rezeki dan pahala tanpa hisab.

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُؤْتَى الصَّابِرُونَ أَجْرًا هُم بِهِ يَرْجُوونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang sabar itu diberi pahala tanpa hisab." (Az Zumar: 10)

Kalau kita boleh buat latihan-latihan praktikal secara serius untuk menjadi orang yang sabar maka besarlah

keuntungan yang akan kita dapat dari perniagaan yang kita jalankan itu. Kita tidak boleh ragu tentang kemampuan Allah untuk mengganda-gandakan keuntungan perniagaan kita lebih dari apa yang kita sangkakan.

Orang yang tidak sabar, yang tidak mampu menekan nafsunya dan yang sentiasa marah-marah, selalunya rugi dalam kehidupan. Orang tidak suka dan perniagaannya pun tidak sampai ke mana. Sabar adalah satu aset yang amat diperlukan dalam hidup.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang sabar." (Al Baqarah: 153)

7. Islam juga adalah agama berlapang dada, bertolak ansur, bertimbang rasa dan maaf-bermaafan. Ertinya orang yang dapat menerima dan memaafkan ragam atau hal-hal orang lain yang dia tidak bersetuju dan tidak suka maka benarlah dia seorang yang berakhhlak Islam. Dalam urusan jual beli, kita akan sering berhadapan dengan perkara, kejadian atau orang yang tidak menyenangkan. Maka inilah peluang keemasan untuk mengaut untung yang luar biasaa yakni untuk menjadi orang yang paling mulia dan mempunyai akhhlak yang paling baik. Kita sembunyikan, kita tekan dan kita simpan rasa tidak senang itu. Jangan gopoh-gapah melepaskan perasaan. Nanti kita akan hilang harga diri di mata orang. Masalah orang, jangan kita cuba selesaikan secara bermasalah. Selesaikan dengan cara yang Allah suka. Nanti Allah akan bantu kita.

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ اللَّهَ يُصْرِفُ كُلَّ مُكْبِرٍ عَنْ حَسَنَاتِهِ وَيُنَزِّهُ مَنْ يَشَاءُ مِنْ أَنْفُسِكُمْ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, jika

kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu dan menetapkan kedudukanmu." (Muhammad: 7)

Mengapa susah sangat kita hendak melupakan dan memaafkan kesalahan dan kesilapan orang. Bukanakah kita juga tersalah dan tersilap dan kita perlukan orang lain supaya memaafkan kita. Katakanlah kesalahan orang lain itu lebih dahsyat dan lebih teruk dari kesalahan kita dan kerana itu amat sulit bagi kita untuk mendiamkan sahaja kesalahan itu hingga hilang sifat lapang dada dan pemaaf kita. Baiklah, kalau begitu keadaannya, kita juga silap kerana kita tidak merendah diri kepada Allah. Allah telah memberi kebaikan kepada kita dengan menyelamatkan kita dari terbuat kesalahan-kesalahan yang besar yang orang lain pun Allah tidak selamatkan sehingga sebegitu, tetapi kita tidak berterima kasih dengan Tuhan.

8. Seterusnya peniaga boleh bergembira dan merasa beruntung sebab kerana mereka orang lain boleh dapat pekerjaan. Dapat pekerjaan ertinya tidak lagi menganggur dan sekaligus dapat sumber rezeki yang halal. Kedua-duanya memang diperintah oleh Islam. Bahkan dengan bermiaga, tenaga manusia boleh dimanfaatkan untuk berkhidmat kepada manusia lain. Manusia boleh menjadi produktif demi kemakmuran masyarakat dan negara. Begitu besarnya hasil dan keuntungan yang boleh diperolehi melalui perniagaan.

Keuntungan bentuk begini (*maknawiyah*) sebenarnya lebih menenangkan. Kalaupun Allah uji kita dengan mengurangkan sedikit keuntungan dalam bentuk wang, sudah tentu kita boleh terima sebab ada keuntungan bentuk lain yang dapat kita nikmati. Kalau kedua-dua bentuk keuntungan itu kita dapat, ertinya kita lebih patut bersyukur dan merendah diri kerana besarnya pemberian Allah pada kita.

9. Melalui perniagaan, kita dapat selamatkan barang dan hasil keluaran petani, nelayan dan orang kampung daripada

menjadi rosak, terbuang dan dibazirkan. Dengan itu mogamoga kita dapat pahala mengelak pembaziran. Allah sangat benci kepada pembaziran sebab pembaziran itu kerja syaitan. Melalui perniagaan juga kita dapat membantu memasarkan barang-barang buatan orang lain terutama umat-umat Islam yang lain. Usaha mengeluar dan menghasilkan barang Islam cukup mulia. Maka kalau kita sangup pula menjadi ejen pengedarnya, mudah-mudahan kita juga tergolong ke dalam kumpulan mereka yang menegakkan ibadah fardhu kifayah.

Khidmat seperti ini sangat memberi untung kepada masyarakat. Ganjarannya ialah pahala dari Allah. Hendaklah kita selamatkan diri kita dari tamakkan duit semata-mata dalam perniagaan.

10. Bila tertegak perniagaan-perniagaan umat Islam, kita melihat satu pembangunan syiar Islam. Menegakkan kemajuan dunia secara Islam untuk memudahkan kehidupan masyarakat adalah tanggungjawab semua orang selaku khalifah Allah. Dari situ, orang akan dapat menyaksikan kebesaran Tuhan dan mereka dapat bersyukur.

Selagi umat Islam tidak menegakkan syiar Islam dalam kehidupan mereka terutama di sudut perniagaan, susahlah bagi manusia untuk menganggap Islam itu hebat dan Allah itu Maha Kuasa. Manusia tidak dapat melihat apa-apa keistimewaan yang ada pada Islam dan mereka akan tertanya-tanya mengapa Tuhan tidak menunjukkan kuasa dan kebolehan-Nya.

Kalau begitu, alangkah besarnya sumbangan kita kalau kita dapat tegakkan perniagaan secara Islam atas nama Islam. Nanti manusia akan dapat merasakan nikmatnya dan seterusnya akan dapat membesar Allah dan bersyukur kepada-Nya.

11. Keuntungan paling besar dalam perniagaan ialah apabila dalam perniagaan kita sudah cukup haul dan nisabnya, kita boleh membayar zakat perniagaan. Ini salah satu dari

Rukun Islam. Dengan zakat, kita dapat membantu fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain. Zakat bagaikan jambatan kasih sayang di antara orang berada dan tidak berada, di antara orang kaya dan fakir miskin. Betapa besarnya keuntungan ini.

12. Kemuncak bagi segala keuntungan ialah perniagaan menjadikan seseorang itu bertambah ilmu dan pengalaman. Ilmu praktikal tentang pengurusan, kewangan, didikan, menjaga pelanggan serta menghadapi cabaran. Pengalaman pula berbagai-bagai. Dapat mengenal manusia, tempat, barang-barang dan nilai serta budaya. Maklumat-maklumat dan pengalaman begini sangat berharga dalam kehidupan. Islam pun menuntut kita mencarinya.

Demikian keuntungan-keuntungan yang sepatutnya diperolehi oleh siapa yang bermiaga, yakni bermiaga yang diniatkan kerana Allah untuk menegakkan cara hidup Islam. Ertinya sistem perniagaan Islam itu sebenarnya menjamin penggerak-penggeraknya rezeki yang halal dan insya-Allah mendapat iman yang selamat.

Pada para pencinta Islam, perniagaan adalah medan jihad fisabilillah. Dalam perniagaan, mereka mengumpul dua kekayaan sekaligus iaitu untuk dunia dan juga untuk Akhirat. Mereka dapat imbangkan material dan spiritual lalu mereka memperolehi tamadun yang sempurna untuk masyarakat manusia. Premis perniagaan mereka jadi pusat-pusat pertemuan, perpaduan dan berkasih sayang. Perniagaan adalah pusat bina insan yang praktikal lagi menguntungkan.

Inilah Islam, satu sistem hidup yang boleh jadi pengganti kepada sistem kapitalis yang kini berada di ambang maut. Moga-moga sistem perniagaan Islam ini akan dapat dilaksanakan dalam masyarakat sebagai satu sistem alternatif yang lebih menyenangkan dan yang menjamin kebahagiaan untuk kehidupan lahir dan kehidupan batin. Untuk itu, mari kita mulakan sistem ini dalam hidup kita. Jadikan perniagaan itu perjuangan kita dan satu jihad fisabilillah.

SIFAT-SIFAT YANG PERLU ADA PADA SEORANG PENIAGA

Seorang peniaga, dalam hendak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang peniaga Islam perlulah mempunyai sifat-sifat yang tertentu. Sifat-sifat ini, kalau sudah wujud secara semulajadi dalam diri seseorang itu, perlulah ianya ditajam dan disuburkan lagi. Kalau sifat-sifat ini belum ada, perlulah seorang peniaga Islam itu berusaha dan bermujahadah supaya sifat-sifat tersebut dapat menjadi tabiat dan pakaianya. Di antara sifat-sifat itu ialah:

1. Peramah dan mesra dengan orang.
2. Bertolak ansur dalam berjual beli.
3. Berlapang dada dengan keranah manusia.
4. Bersifat sabar.
5. Menunai janji.
6. Cepat melayan orang.
7. Jangan menekan dan memaksa meminta hutang.
8. Jujur dan amanah.
9. Pemurah dan suka menolong orang.
10. Bersifat benar.
11. Rajin dan cergas.
12. Cermat berbelanja.
13. Berhati-hati membuat sebarang janji atau memberi hutang pada orang.
14. Menyusun dan meletak barang dengan baik supaya nampak teratur dan tidak mudah rosak.
15. Menjaga kebersihan.
16. Sentiasa peka dan prihatin tentang keperluan semasa.
17. Menjual barang dengan harga yang sederhana.
18. Memilih barang-barang jualan yang masih baik.
19. Membiasakan menyimpan wang untuk keperluan yang mendadak dan terdesak.

20. Memperbanyak aset untuk jangka panjang.
21. Mempasti dan merancang projek-projek atau dagangan di masa depan supaya perniagaan sentiasa berkembang dan membesar.
22. Cukup setahun hendaklah mengeluarkan zakat perniagaan.

PELANGGAN DALAM PERNIAGAAN ISLAM

Pelanggan itu tetamu. Mereka datang membawa rahmat dan mereka pulang menghapuskan dosa. Kedatangan mereka ditunggu-tunggu. Apabila tiba, mereka disambut dan dilayan dengan mesra dan penuh kasih sayang.

Mereka itu orang istimewa, dengan mereka lahir bermiaga dan untuk mereka lahir bermiaga. Baik hubungan dan khidmat kita pada mereka, baiklah hubungan dan khidmat kita pada Tuhan. Rosak hubungan dan khidmat kita pada mereka, maka rosak pulalah hubungan dan khidmat kita pada Tuhan. Kerana berhubung dan berkhidmat pada mereka itu adalah perintah dan suruhan Tuhan.

Mereka lahir tempat kita mencerahkan khidmat. Kerana kita diutus oleh Tuhan untuk berkhidmat. Kita diutus untuk berkhidmat kepada Tuhan dan untuk berkhidmat kepada manusia. Khidmat kita pada Tuhan ialah melalui ibadah kita pada-Nya. Khidmat kita kepada manusia pula ialah dengan memenuhi keperluannya. Rasulullah SAW ada bersabda:

Maksudnya: "Yang paling baik di antara kamu ialah kamu yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain."

Mereka lahir orang yang hendak kita hiburkan. Kerana kerja kita ialah menghiburkan Tuhan dan menghiburkan manusia. Bila kita menghiburkan manusia, Tuhan turut terhibur.

Soal harga dan bayaran, itu bukan perkara utama. Harga tidak menekan dan tidak menindas. Andainya mereka miskin,



Antara sifat-sifat yang perlu ada pada peniaga adalah peramah dan mesra dengan orang, bertolak ansur dalam berjual beli dan berlapang dada dengan kerendah manusia.



Pelanggan itu tetamu. Mereka datang membawa rahmat dan mereka pulang menghapuskan dosa. Kedatangan mereka ditunggu-tunggu. Apabila tiba, mereka disambut dan dilayan dengan mesra dan penuh kasih sayang.

bayarlah setakat mampu. Andainya mereka fakir, anggaplah sedekah. Ini kerana kita tidak bermiaga dengan manusia. Kita berkhidmat dan berurusan dengan manusia tetapi kita bermiaga dengan Tuhan.

Pelanggan itu kawan. Berkawan itu tuntutan Islam. Kawan membantu kita di dunia dan kawan boleh memberi syafaat di Akhirat.

Pelanggan membantu kita memperbaiki diri dan mendidik hati. Dengan merekalah kita belajar bersabar, berlapang dada, bertoleransi, bertolak ansur dan bertimbang rasa.

Kita sepatutnya merasa sangat terhutang budi dengan pelanggan. Mereka memberi kita terlalu banyak keuntungan. Ada keuntungan berbentuk material dan duniawi tetapi banyak keuntungan yang berbentuk maknawi dan ukhrawi.

Melalui merekalah kita dapat beribadah dan kita dapat berkhidmat. Kita penuhkan keperluan mereka, maka Tuhan penuhkan keperluan kita. Kita puaskan hati mereka maka Tuhan puaskan hati kita. Kita hiburkan mereka, maka Tuhan hiburkan kita. Kita berkasih sayang dengan mereka maka Tuhan pun mengasihi kita. Kita berlebih kurang dan bertasammuh dengan mereka maka Tuhan pun pemurah kepada kita. Kita bermujahadah dan memperbaiki diri melalui mereka. Alangkah tinggi nilai pelanggan kepada kita.



KEWANGAN ISLAM

Kewujudan sesebuah negara Islam adalah di atas tamadun atau peradaban rohaniah. Tamadun dan peradaban lahiriah datang kemudian dan ia bertitik tolak dari tamadun dan peradaban rohaniah ini. Ertinya, tamadun rohaniahlah yang menjadi pengalak dan pencetus kepada tamadun lahiriah. Oleh itu tamadun lahiriah yang terbangun sangat berakhhlak, indah, murni, selamat dan menyelamatkan. Ia sangat tertakluk dan mengikut hukum-hakam dan peraturan Tuhan.

Sesebuah negara yang mengamalkan sistem hidup Islam sangat berbeza dengan negara yang mengamalkan sistem hidup sekular atau sistem hidup yang bukan Islam. Sebab sistem hidup Islam mempunyai dasar dan tujuan yang berbeza dari sistem hidup yang lain.

Dalam soal kewangan negara, Islam mengharamkan riba, tipu-menipu, rasuah dan penindasan. Islam juga mengharamkan pembaziran dan membuang kekayaan atau harta benda dengan sia-sia. Pembangunan projek-projek yang tidak bermanfaat juga ditentang. Konsep perbelanjaan dalam negara Islam ialah berbelanjalah ikut mampu dan membangunlah ikut perlu. Oleh itu, perbelanjaan boleh dikekalkan di tahap yang kita mampu. Pembaziran dapat dielakkan dan perbelanjaan menjadi lebih berkesan atau *cost effective*.

SUMBER KEUATAN BAGI EKONOMI DAN KEWANGAN NEGARA ISLAM

1. Sumber taqwa

Allah SWT berfirman dalam Al Quran:

وَلَوْا نَأْهَلَ الْقُرْبَىٰ مَا سِنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٌ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۝

Maksudnya: "Kalau penduduk satu kampung (negara) itu beriman dan bertaqwa, Kami (Allah) akan membukakan keberkatan dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Dengan janji-janji yang pasti itu, maka dalam negara Islam yang sebahagian besar rakyatnya bertaqwa kepada Allah, nescaya terdapat rezeki-rezeki yang Allah datangkan dari berbagai sumber dengan cara yang tidak diduga dan tidak disangka-sangka.

Di samping itu, segala usaha akan diberkati. Ertinya usaha yang sedikit akan mendatangkan hasil yang banyak. Apalagi kalau usahanya pun banyak. Tambahan lagi ia akan membawa natijah yang baik dunia Akhirat.

Misalnya, tanam-tanaman subur dan banyak hasilnya. Binatang ternakan berkembang biak, mengeluarkan susu, daging dan telur yang banyak, kekayaan alam semulajadi mencurah-curah yang semuanya dapat digunakan untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Nelayan pulang dari laut membawa hasil tangkapan yang melimpah ruah. Itulah negara yang diberkati.

Inilah kekuatan yang telah dinafikan dan dilupakan oleh orang-orang Islam termasuk para ulama. Janji Tuhan ini dipandang sepi dan hanya ditertawa-tawakan oleh orang kerana mereka rasakan tidak masuk akal. Begitulah lemahnya keimanan dan keyakinan orang-orang Islam terhadap janji-janji Tuhan.

2. Hidup secara sederhana

Negara dan masyarakat Islam yang bertaqwa sangat suka melayan dan membantu orang, bersifat pemurah, suka mengutamakan orang lain, zuhud dan qanaah (merasa cukup dengan apa yang ada). Ertinya mereka dapat hidup secara sederhana dan merasa selesa dengan kesederhanaan itu. Mereka merasa cukup dengan keperluan hidup yang asas seperti tempat tinggal, makan minum dan pakaian secara sederhana iaitu tidak berlebihan dan tidak pula berkurangan.

Mereka tidak suka membazir sebab membazir itu haram hukumnya. Allah ada berfirman:

إِنَّ الظَّالِمِينَ كَانُوا إِخْرَجُونَ أَشْيَاطِنَ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara syaitan." (Al Isra': 27)

Dalam Islam, taraf hidup pemerintah dan rakyat lebih kurang sama sahaja. Ibarat ayah dengan anak-anak yang hidup dalam satu rumah, makan minum mereka sama. Kalau ada pun perbezaan, mungkin ayah mempunyai kelebihan sedikit untuk memudahkan dia menjalankan tugasnya sebagai seorang ayah.

3. Tiada pembaziran

Pembaziran sangat ditentang. Menghabiskan harta kekayaan dengan sia-sia juga ditentang. Ertinya, dalam negara Islam, tidak ada pemerintah atau orang kaya yang hidup bermewah-mewah, boros, berjudi dan berfoya-foya. Mereka hidup secara sederhana. Harta kekayaan mereka yang lebih, diinfaqkan kepada negara dan agama, kepada kebaikan, kebajikan, fakir miskin dan untuk rakyat yang memerlukan. Kekayaan orang kaya digunakan untuk menampung perbelanjaan dan keperluan negara.

4. Sumber zakat

Zakat, baik zakat fitrah, zakat harta, perniagaan, ternakan dan

tanaman, adalah juga sumber kekuatan ekonomi dan kewangan bagi masyarakat dan negara Islam. Perkara ini diwajibkan oleh Islam. Zakat membersihkan harta dan jiwa. Sistem zakat sangat berperanan dalam membantu lapan asnaf yang layak menerima zakat. Ini dapat meringankan beban dan tanggungjawab negara di samping dapat memupuk kasih sayang dan keharmonian di kalangan masyarakat.

Selain zakat, orang kaya juga sangat dianjurkan agar berse-dekah, mewakafkan harta, menjamu, berkorban, membantu orang dalam kesusahan, memberi biasiswa, membantu rakyat dalam perusahaan atau perniagaan kecil-kecilan, membina sekolah, masjid, membuat jalan raya dan lain-lain lagi. Anjuran ini jelas dan banyak terdapat dalam Al Quran dan Hadis. Rasulullah SAW dan para Sahabat berhabis-habisan menggunakan harta untuk jihad di jalan Allah. Mereka ingin menyimpan lebihan harta dunia yang ada pada mereka untuk dimanfaatkan di Akhirat.

Oleh itu, masyarakat dan negara Islam yang kebanyakan rakyatnya bertaqwah, individu rakyatnya miskin atau hidup secara sederhana tetapi masyarakat dan negaranya kaya. Disebabkan itu, maka semua ahli masyarakat atau rakyat yang susah dan miskin terbela kerana negara mampu menjaga kebajikan seluruh rakyat.

Ini sangat berbeza dengan cara hidup masyarakat yang tidak berteraskan taqwah. Orang miskinnya hidup melarat, ditindas dan dihina. Tidak ada siapa yang mempedulikan atau yang membela nasib mereka. Orang-orang kayanya pula hidup bermewah-mewah dengan bongkak dan sompong. Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Hidup nafsi-nafsi. Masyarakat pecah belah, saling benci-membenci, saling curiga-mencurigai antara yang kaya dan yang miskin. Tidak ada kasih sayang. Tidak ada kesatuan dan perpaduan. Justeru itu, timbul huru-hara, kacau-bilau, jenayah dan perga-duhan.

Di dalam masyarakat yang bertaqwah, wujud satu sistem kewangan yang cirinya sangat lain dari yang lain. Ia tercusut

atas dorongan cinta dan takut manusia yang bertaqwa kepada Tuhan. Wang mengalir kepada fakir miskin, kepada orang-orang susah, kepada orang-orang yang memerlukan, kepada masyarakat dan kepada negara. Wujud bank yang tidak seperti yang kita faham selama ini. Bolehlah kita namakan bank ini sebagai Bank Taqwa kerana ia tercetus dari hasil usaha dan kerana adanya orang-orang yang bertaqwa.

BANK TAQWA

Bank Taqwa ini bukan hanya satu konsep. Ia satu realiti. Seluruh khazanah yang ada di alam ini yang tidak terhitung jumlahnya, sama ada khazanah di lautan, di daratan, dalam perut bumi dan apa sahaja yang ada di muka bumi ini termasuklah harta kekayaan yang dippunyai oleh orang-orang kaya adalah aset bagi Bank Taqwa. Kesemuanya Tuhan yang punya. Sebahagian darinya perlu dikembalikan kepada Tuhan dan dikreditkan ke dalam Bank Taqwa.

Ini termasuklah hasil minyak, hasil-hasil galian yang lain seperti emas, perak, batu-batu permata, tembaga, timah, besi dan sebagainya yang dapat dikeluarkan oleh manusia tanpa batas, asalkan sahaja manusia tahu bagaimana cara mengolahnya. Siapa yang pandai mengorek dan melombongnya, bersedia lah untuk menginfaqkan sebahagian daripadanya yang menjadi hak Tuhan dan dimasukkan ke dalam Bank Taqwa.

Semua hasil dan kekayaan bumi adalah hak Tuhan, bukan hak individu manusia. Oleh itu ia mesti dikembalikan kepada Tuhan melalui Bank Taqwa.

Harta kekayaan kepunyaan orang-orang kaya juga adalah hak Tuhan. Ia adalah amanah dari Tuhan untuk disamaratakan. Oleh itu sebahagian darinya juga mesti dikembalikan kepada Tuhan melalui Bank Taqwa.

Bank Taqwa akan terlahir apabila hati orang-orang kaya yang sempurna iman dan taqwanya terbuka untuk menyumbang dan menginfaqkan sebahagian dari harta dan kekayaan

mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dan perjuangan Islam. Kadang-kadang kita pun tidak tahu, tidak kenal dan tidak nampak siapa orang kaya yang memainkan peranan itu. Di situdah ternampak Maha Besarnya Tuhan yang dengan kasih sayang-Nya merubah hati-hati manusia bila sahaja Dia mahu.

Orang-orang kaya yang sudah terdidik jiwanya akan sedar bahawa dengan rahmat dan kasih sayang Tuhan, kekayaan yang mereka kecapi memang sengaja Tuhan peruntukkan kepada mereka untuk membela orang-orang yang kurang bernasib baik, yang fakir dan miskin dan untuk membantu masyarakat.

Orang-orang kaya akan sedar bahawa kekayaan yang mereka miliki adalah amanah dari Tuhan untuk diagih-agihkan kepada fakir miskin yang redha dengan kefakiran dan kemiskinan mereka dan yang tidak meminta-minta. Begitulah adilnya Tuhan. Walaupun orang fakir dan miskin tidak meminta-minta, tetapi orang kayalah yang terdorong untuk menginfaqkan kekayaan mereka supaya orang fakir dan miskin terbela dan dapat juga menikmati kebahagiaan dan kesempurnaan hidup yang sewajarnya. Dalam masyarakat Islam yang syumul, rumah-rumah orang kaya itulah merupakan bank-bank taqwa.

Kekayaan Bank Taqwa adalah untuk semua manusia terutama yang fakir dan miskin, yang susah dan memerlukan, untuk kepentingan masyarakat dan untuk menegakkan kebenaran.

Telah terlalu lama khazanah dan kekayaan yang Tuhan taburkan ke bumi ini dikhianati dan disia-siakan oleh kebanyakan manusia. Tuhan taburkan khazanah dan kekayaan itu untuk manfaat semua manusia. Untuk disamaratakan. Untuk dikongsi bersama. Untuk digunakan ke jalan Tuhan. Tuhan tuntut supaya semua nikmat dan kekayaan itu disyukuri dan dikembalikan ke jalan Tuhan. Kerana apa sahaja yang digunakan ke jalan Tuhan, manusialah yang kembali mendapat manfaatnya. Tetapi terlalu sedikit dari hamba-hamba Tuhan yang mahu bersyukur.

Kebanyakan manusia menganggapkekayaan yang diberi Tuhan kepada mereka itu adalah hak mutlak mereka. Ramai yang boros dan menggunakan untuk memuaskan hawa nafsu mereka, untuk bermegah-megah, berjoli, berjudi, berfoya-foya dan berbuat maksiat. Ada pula yang bakhil yang menyimpan dan mengumpul harta kekayaan mereka dan membukukannya. Tidak dibelanjakan ke jalan yang baik dan makruf. Kadang-kadang kerana terlalu sayangkan harta dan kekayaan itu, diri mereka sendiri pun tidak dibenarkan mengambil dan membelanjakan harta tersebut.

Orang fakir, miskin dan masyarakat tidak sedikit pun mendapat apa-apa manfaat dari harta dan kekayaan orang-orang kaya seperti ini. Orang-orang kaya yang tidak mahu bersyukur ini sebenarnya khianat kepada Tuhan, khianat kepada fakir dan miskin dan khianat kepada masyarakat.

Bank Taqwa juga adalah untuk membangunkan tamadun manusia yang berlandaskan iman dan taqwa melalui pelaburan, pembangunan, pinjaman, bantuan, pemberian dan sebagainya. Dari Bank Taqwa, semua kekayaan akan diagihkan kepada orang-orang yang memerlukan, kepada masyarakat dan kepada projek-projek yang dibangunkan atas nama Tuhan. Tuhan tidak mengambil apa-apa manfaat dari Bank Taqwa. Bank Taqwa adalah untuk membela manusia dan untuk menegakkan sistem-sistem Tuhan supaya manusia dapat mengambil manfaat daripadanya.

BANK ISTIDRAJ

Bank-bank yang wujud di waktu ini adalah bank istidraj. Bank istidraj adalah hasil ideologi Yahudi. Yahudi membuat bangunan tempat manusia menyimpan duit dan memberi faedah hasil riba ke atas duit simpanan tersebut. Oleh itu berduyun-duyunlah manusia menyimpan duit di tempat Yahudi.

Bukan sahaja individu, bahkan syarikat orang Islam yang besar-besar dan negara-negara Islam pun menyimpan dan

melaburkan duit di dalam bank-bank Yahudi ini yang berpusat di Amerika, Eropah dan Switzerland.

Duit inilah yang dipusingkan untuk mendapat keuntungan riba yang lebih tinggi. Yahudi berniaga dengan duit orang dan membuat untung atas duit orang. Mereka mendapat kekuatan kewangan dengan duit orang. Dibuka lagi sebanyak mungkin bank supaya semua duit orang dapat dikumpulkan dan orang Yahudi berniaga di atas duit ini. Kebanyakan duit orang, berada dalam tangan mereka. Duit orang kaya mereka pegang. Duit orang miskin mereka pegang. Duit negara-negara Islam juga mereka pegang. Mereka gunakan duit ini sama ada sebagai modal percuma untuk perniagaan mereka yang besar-besar atau mereka niagakan duit itu sendiri dalam pasaran matawang untuk mendapat untung yang lebih banyak, cepat dan pasti.

Apabila duit yang dikaut melalui bank-bank mereka sudah banyak, mereka pegang kekuatan dan kuasa kewangan dunia. Mereka mampu menggugat dan melemahkan kekuatan kewangan sesebuah negara. Mereka mampu mengganggu dan melemahkan kekuatan ekonomi sesebuah negara. Bahkan dengan pengaruh kewangan ini, mereka dapat masuk campur dalam urusan kewangan, ekonomi dan politik sesebuah negara.

Lebih bahaya dari itu, inilah juga duit yang mereka pinjamkan kepada negara-negara Islam yang diselindungkan atas nama bantuan kewangan. Inilah juga duit yang mereka gunakan untuk membuat senjata dan untuk memerangi umat Islam.

Wang yang dikumpulkan melalui bank istidraj ini bukan untuk Tuhan dan bukan untuk mansuia. Bukan juga untuk golongan fakir dan miskin. Manusia dan masyarakat tidak dapat apa-apa manfaat dari bank istidraj ini. Wang bank istidraj ini khusus untuk orang-orang Yahudi. Ia digunakan sebagai senjata untuk menindas dan melemahkan musuh-musuh Yahudi terutamanya umat Islam.

Bank istidraj lagangan Yahudi ini sangat bertentangan dengan kehendak Tuhan. Malahan ia diwujudkan untuk

menentang sistem Tuhan. Ada sekurang-kurangnya empat unsur yang sangat dimurkai Tuhan iaitu:

1. Riba

Meraih keuntungan yang mudah dan pasti ikut jumlah dan tempoh pinjaman tanpa risiko. Risiko di pihak yang meminjam. Riba bukan bermula. Allah halal perniagaan dan mengharamkan riba.

2. Penindasan

Peminjam yang tidak mampu membayar mengikut jadual terpaksa terus membayar riba. Sudahlah hutang yang dijadualkan tidak mampu dibayar, jumlah hutang bertambah pula disebabkan riba. Orang susah bertambah susah.

3. Kezaliman

Harta yang ditarik kerana tidak dibayar, dilelong terlalu murah hingga tidak sepadan dengan nilai sebenar. Ini satu kerugian bagi pihak peminjam.

4. Salah guna harta kekayaan

Harta dan keuntungan tidak digunakan ke jalan Tuhan, untuk fakir miskin, untuk orang susah dan untuk kepentingan masyarakat. Ia digunakan untuk kepentingan peribadi dan ke arah pembaziran dan maksiat.

Malangnya, orang-orang Islam tidak faham. Mereka menggunakan pakai sistem Yahudi ini dan menganggap itulah sistem yang terbaik walaupun jelas ia sangat merosakkan, menyalimi dan menyusahkan manusia serta dimurkai oleh Tuhan. Mereka tidak didedahkan kepada sistem kewangan seperti yang Tuhan mahu. Sistem Yahudi ini sahajalah yang mereka tahu.

Kalau ada pun usaha-usaha untuk mengubah bank istidraj ini ke arah Islam, ia hanya setakat mengubah nama dan prosedur sahaja supaya tidak bercanggah dengan hukum-hakam Islam. Ia setakat menghalalkan yang haram. Tetapi intisari dan ‘*substance*’nya tetap sama. Sifatnya tetap komersial dan sama dengan sifat bank istidraj. Ia tempat orang kaya mencari un-

tung di atas orang miskin. Ia bukan Bank Tuhan yang dipunyai bersama dan untuk kepentingan masyarakat, fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan. Ia bukan bank di mana orang-orang kaya menginfaqkan kekayaan mereka untuk golongan fakir dan miskin tanpa ada apa-apa kepentingan selain untuk mendapat keredhaan Tuhan.

Tanpa kita sedari, dalam usaha kita untuk menegakkan dan memperjuangkan sistem ekonomi dan kewangan yang dianggap sebagai sistem Islam, rupa-rupanya kita menyokong dan mengimarahkan sistem yang dilagang oleh Yahudi dan musuh-musuh Islam.

Bank Taqwa bukan perkara baru. Ia pernah wujud di zaman Rasulullah dan di zaman empayar Islam. Setelah empayar Islam jatuh sekitar 700 tahun dahulu, baru bank istidraj ini diperkenalkan.

Ekonomi Islam yang Tuhan tuntut kita tegakkan mestilah berteraskan kepada Bank Taqwa. Untuk mengubah sistem bank istidraj yang telah wujud selama 700 tahun kepada sistem Bank Taqwa yang berasaskan iman dan taqwa, ia bukannya mudah. Tetapi inilah yang Tuhan mahukan. Atas urusan tersebut, Tuhan berjanji bahawa dunia tidak akan menipu daya kita dan Tuhan menjamin keselamatan kita di Akhirat.

Untuk tujuan itu, selain dari kita bergantung harap kepada Tuhan dan menjadikan Tuhan itu modal dan aset kita yang pertama dan utama, kita mesti mendahulukan dan membesar-kan Tuhan dalam semua hal. Kita perlulah berusaha membaiki diri dan menjadi orang-orang yang beriman dan bertaqwa. Tuhan tidak akan campur tangan dan tidak akan membantu kita kalau kita sendiri tidak menepati syarat iaitu kalau kita tidak bertaqwa. Allah itu pembela (pembantu) hanya bagi orang-orang yang bertaqwa.

Kita perlu mempersiapkan diri secara zahir dan batin sehingga kita merasa Tuhan menjadi hati dan jantung kita di mana semua gerak geri, pandangan, pendengaran dan kefahaman adalah gerak dari Tuhan.

Tidak dapat tidak, sistem ekonomi dan kewangan menurut kehendak Tuhan ini perlu dibangunkan. Sistem ekonomi dan kewangan ciptaan akal manusia seperti yang wujud sekarang telah terlalu banyak dan terlalu lama merosakkan dan membuatkan kehidupan manusia sengsara dan terseksa. Sistem ini bakal hancur dan musnah dan akan lenyap daripada muka bumi ini. Ia akan digantikan dengan sistem Tuhan yang selamat dan menyelamatkan dan yang membawa manfaat dunia dan Akhirat.

Dengan usaha lahir dan akal semata-mata, mustahil untuk kita mencapainya. Kita tidak akan mampu mencapainya tanpa bantuan Tuhan. Oleh itu, perjuangan membangunkan ekonomi dan kewangan Islam seperti yang Tuhan mahu ini merupakan satu perjuangan yang sangat luarbiasa. Kita kena ikut cara Tuhan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Tuhan.

Sudah menjadi kehendak Tuhan, dunia ini akan diserahkan kepada salah satu dari dua golongan. Kalau tidak diwariskan pada orang bertaqwa, dunia akan diserahkan kepada orang kafir. Sekiranya tidak ada orang-orang yang bertaqwa di muka bumi, Allah akan biarkan sahaja dunia ini kepada orang kafir. Merekalah yang akan berkuasa. Merekalah yang akan jadi kuat. Merekalah yang akan mengatur dan merekalah yang akan mengawal segala-galanya termasuklah harta kekayaan, wang dan duit.

Tetapi apabila sudah wujud orang-orang yang bertaqwa, maka Allah akan alihkan kuasa dunia ini dari orang kafir kepada orang-orang bertaqwa termasuklah harta dan kekayaan dunia, wang dan duitnya sekali. Bank istidraj kepunyaan orang kafir akan musnah. Ia akan digantikan dengan Bank Taqwa yang dikendalikan oleh orang-orang yang bertaqwa.

Tuhan sekali-kali tidak akan menyerahkan dunia ini kepada orang yang hanya setakat Islam tetapi tidak bertaqwa. Kerana orang Islam yang tidak bertaqwa tidak layak dan tidak cukup syarat. Kalau orang Islam dapat dunia dan kekayaannya, mereka akan menyalahgunakannya dan akan membuat kejahanan yang lebih lagi. Mereka akan menzalimi orang dan diri mereka

sendiri. Mereka akan membuat kejahatan atas nama Islam dan atas nama Tuhan. Kejahatan akan dilonggokkan pada Tuhan. Orang kafir, walaupun mereka berbuat jahat, mereka tidak berbuat jahat atas nama Islam atau atas nama Allah.

Oleh itu, untuk merebut kuasa dunia dari orang kafir, termasuk kuasa ekonomi dan kewangan, orang-orang Islam mesti membuat perubahan. Mereka mesti mengusahakan taqwa dan menjadi orang-orang yang bertaqwa. Barulah, kalau mereka diserahkan dunia oleh Tuhan, mereka akan selamat dan akan membawa keselamatan. Mereka akan membawa perpaduan dan kasih sayang. Mereka akan membawa kedamaian dan keharmonian. Dalam apa sahaja yang mereka usahakan, mereka akan membesarkan Tuhan.



PENUTUP

Banyak perkara yang dibincang di dalam buku ini sangat pelik dan luar biasa. Ada antaranya jarang malahan tidak pernah kita dengar. Semuanya seolah-olah perkara baru belaka bagi kita.

Sebenarnya itu tidak benar. Semua yang diperkatakan itu bukan perkara baru. Ia adalah ulangan perkara lama yang pernah berlaku di awal Islam yang diamalkan oleh Abdul Rahman bin Auf dan para sahabat lain yang diamanahkan oleh Rasulullah SAW untuk membangunkan ekonomi Islam di Madinah.

Kita rasa ianya perkara baru, pelik dan luarbiasa hanya kerana kita telah lama meninggalkan sistem ekonomi Islam menurut kehendak Tuhan dan sepertimana yang Tuhan mahu. Kita telah terlalu lama tenggelam di dalam sistem ekonomi kapitalis ciptaan akal manusia. Lebih jelas lagi ciptaan orang Yahudi yang memusuhi Tuhan dan memusuhi Islam.

Kita sudah tidak nampak lagi tujuan sebenar kita ber-ekonomi. Kita sudah tidak anggap lagi bahawa berekonomi itu satu ibadah yang dituntut oleh Tuhan. Kita sudah tidak rasakan lagi bahawa berekonomi itu sumber kesejahteraan dan pembelaan bagi umat Islam. Kita sudah tidak membawa Tuhan dalam kegiatan ekonomi kita hingga disebabkan itu, kita hilang

kasih sayang, kita hilang perpaduan, kita berpecah belah, bergaduh dan berkelahi sesama sendiri. Dalam kita berekonomi, kita ditindas, ditekan dan dipaksa akur dengan kehendak musuh. Dalam kita berekonomi, kita untung sekarung tapi rugi seguni.

Seperti juga ibadah yang lain, berekonomi perlu ada rohnya. Untuk itu kita perlu kembali kepada syariat dan perlu menanamkan semula ihsan di dalamnya. Modal dan kekuatannya adalah iman dan taqwa. Biar ekonomi kita itu menjadi cabang ibadah dan satu pengabdian kita kepada Tuhan. Biar berekonomi itu menjadi cara untuk kita membesarkan Tuhan. Inilah bentuk ekonomi yang dituntut dari umat Islam. Sistem kapitalis dan komunis bukan untuk kita. Bagi kita sistem-sistem itu hanya mengundang istidraj dan kemurkaan Tuhan.

Yahudi bukan hebat sangat dalam ekonomi walaupun mereka bangsa yang telah lama memegang ekonomi dan kewangan dunia. Mereka berjaya di atas muslihat dan tipu daya. Sahabat Abdul Rahman Bin Auf pernah mengalahkan mereka di Madinah. Orang Yahudi terpaksa gulung tikar bila berhadapan dengan sistem ekonomi Islam di Madinah.

Itulah sebenarnya rahsia kekuatan ekonomi Islam. Kita tidak boleh mengatasi ekonomi Yahudi dengan sistem Yahudi. Ekonomi Yahudi hanya akan runtuh bila berhadapan dengan sistem ekonomi Islam.

Mari kita ulangi sejarah yang pernah tercetus di tangan sahabat Abdul Rahman bin Auf di Madinah dahulu.